



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

**Perdagangan dalam negeri yang progresif dan mampan**

**Pendayaupayaan pengguna**

**Kos sara hidup yang stabil**





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



**LAPORAN TAHUNAN 2023**

ISSN 2948-4278



Julai 2024

Cetakan Pertama 2024  
© Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup 2023

Diterbitkan oleh: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN),  
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2, 62623 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.





## Isi kandungan

|     |  |
|-----|--|
| iv  | <b>Perutusan YB Menteri</b>  |
| vi  | <b>Perutusan YBhg. Dato' Seri KSU</b>  |
| 1   | <b>Maklumat Korporat</b>   |
| 7   | <b>Pengurusan Tertinggi, Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri</b>                                     |
| 13  | <b>Pencapaian KPDM Tahun 2023</b>  |
| 17  | <b>Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri</b>  |
| 71  | <b>Pendayaupayaan Pengguna</b>   |
| 85  | <b>Kami Bertindak</b>  |
| 109 | <b>Pengurusan</b>  |
| 121 | <b>Korporat</b>  |
| 133 | <b>Agensi</b>  |
| 151 | <b>Dalam Kenangan Allahyarham<br/>YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub,<br/>(Mantan Menteri PDN)</b> |
| 154 | <b>Sorotan 2023</b>  |



## Perutusan Menteri

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Malaysia MADANI.

Pertumbuhan keseluruhan ekonomi Malaysia pada 2023 meningkat 3.7 peratus berbanding 8.7 peratus pada 2022 didorong oleh sektor perkhidmatan dengan pertumbuhan 5.3 peratus, diikuti sektor pembinaan (6.1 peratus) dan pembuatan (0.7 peratus). Dalam masa yang sama, Malaysia turut mencatatkan jumlah pelaburan yang telah diluluskan tertinggi dalam sejarah dengan RM329.5 bilion pada tahun yang sama. Kadar inflasi tahun yang sama merekodkan peningkatan perlahan kepada 2.5 peratus berbanding tahun sebelumnya. Kadar pengangguran di Malaysia pada November 2023 telah kembali pada paras pra-pandemik iaitu 3.3 peratus.

Saya perlu sebutkan ikhtisar perutusan dan pencapaian ekonomi di atas – bagi memberikan sedikit latar rujukan berkenaan situasi dan keadaan ekonomi Negara sepanjang tahun 2023. Latar rujukan ini penting bagi kita melihat ruang untuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPND) berperanan dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasar melalui inisiatif-inisiatif yang memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Ikhtiar dan daya usaha KPND melalui Inisiatif Payung RAHMAH MADANI mendapat pengiktirafan apabila Analisis Indeks Harga Pengguna Tahunan 2023 keluaran Jabatan Perangkaan Malaysia mengakui segala langkah dan ikhtiar ini menyumbang kepada pengurangan beban kumpulan berpendapatan rendah.

Ini terus diperkukuh dengan strategi menangani kos sara hidup secara *'whole-of-government-approach'*, pendekatan seluruh kerajaan – meliputi pelbagai ikhtiar yang bersifat rentas Kementerian. KPND tidak bergerak sendirian; dan jauh sekali bertindak secara 'silo'. Gagasan dan aspirasi Ekonomi Madani yang dihasratkan

YAB Perdana Menteri diterjemah dalam gerak kerja menangani kos sara hidup dan memacu ekonomi domestik yang berkesan.

Pencapaian tahun 2023 sebenarnya menjadi asas dan panduan untuk kita merangka lebih banyak ikhtiar dan daya usaha untuk kesejahteraan rakyat. Cabaran pastinya ada. Namun, ia mesti dihadapi dengan semangat dan iltizam pasukan KPND secara keseluruhannya. Empat bidang fokus utama untuk tahun 2024, yang merangkumi: ketangkasan penguatkuasaan, pemacuan ekonomi domestik, daya upaya dan advokasi kepenggunaan; akan turut bergerak seiring dengan peranan penting KPND sebagai Sekretariat NACCOL.

Demi kelestarian perkhidmatan KPND kepada rakyat, prinsip tadbir urus yang baik, telus dan keterangkuman diberi penekanan untuk memastikan perkhidmatan awam disampaikan dengan lebih berintegriti. Tumpuan juga diberi dalam membangunkan modal insan yang tangkas bagi melengkapkan warga KPND dengan pengetahuan dan keupayaan yang imperatif ke arah penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan cekap serta mudah diakses oleh masyarakat.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga KPND atas kerjasama dan usaha gigih bagi menjayakan semua dasar dan program dengan cemerlang sepanjang tahun 2023. Semoga kita akan terus melakar lebih kejayaan pada masa akan datang.



**YB Datuk Armizan bin Mohd Ali**  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup





# Perutusan Ketua Setiausaha

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sekali lagi berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2023. Usaha ini menterjemahkan seluruh komitmen bersepadu warga Kementerian dalam melunaskan segala tanggungjawab dan menyumbang perkhidmatan terbaik kepada semua pemegang taruh.

Sebagai Kementerian yang menjadi peneraju bagi perdagangan dalam negeri, pendayaupayaan pengguna dan kos sara hidup yang stabil, KPDN serius melaksanakan pelbagai strategi untuk merencanakan ekonomi demi kestabilan negara serta rakyat. KPDN juga sentiasa proaktif dalam melindungi hak pengguna dan ekosistem peniaga dengan pemantapan penguatkuasaan yang responsif, sekali gus membawa kepada organisasi yang berbudaya cemerlang.

Kementerian akan terus memperkasakan dan menambahbaik inisiatif di bawah Payung RAHMAH MADANI yang menjadi satu daripada strategi menggerakkan agenda menangani kos sara hidup rakyat. Saya percaya manfaatnya dapat dirasai dan memberi faedah kepada semua golongan rakyat yang memerlukan. Inisiatif ini menjadi agenda nasional bukan hanya kementerian semata-mata tetapi ia juga memayungi kebajikan dan kesejahteraan kepada rakyat.

Melangkah ke hadapan, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan digitalisasi menerusi Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, KPDN akan memperkukuh tadbir urus dan mengadaptasi teknologi ke arah organisasi cemerlang. Melalui inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan atau (Retail Digitalisation Initiative – ReDI), ia adalah merupakan salah satu langkah proaktif Kementerian untuk memberikan pendedahan kepada peniaga luar bandar khususnya berhubung keperluan pengoperasian perniagaan yang berkonsepkan digital terutamanya melalui penggunaan kemudahan *e-wallet* dalam pelbagai transaksi perniagaan.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga kerja Kementerian atas komitmen untuk merealisasikan seluruh perancangan yang disusun sepanjang tahun 2023. Saya berharap kita dapat melalui segala cabaran dengan iltizam dan terus komited merancang serta melaksanakan pelbagai inisiatif kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya.



**YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup









# **Maklumat Korporat**

## Visi

KPDN sedang mengorak langkah ke arah menjadi Kementerian Premier Negara berpandukan oleh visinya iaitu:

**Perdagangan dalam negeri yang progresif, mampan; Pendaupayaan pengguna; dan Kos sara hidup yang stabil**

## Misi

Terdapat 4 misi Kementerian iaitu:

- Mengukuhkan perdagangan dalam negeri melalui penciptaan nilai dan pendigitalan;
- Membudayakan pengguna yang rasional bagi meningkatkan kualiti hidup;
- Memastikan kebolehcapaian bekalan barang pada harga yang berpatutan; dan
- Memperkukuh tadbir urus dan mengadaptasi teknologi ke arah organisasi cemerlang.

5

Teras  
Strategik

17

Strategi

39

Inisiatif

115

Pelan  
Tindakan

### 5 Teras Strategik

#### ST1

PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI  
BERDAYA MAJU

4 STRATEGI  
34 PELAN  
TINDAKAN

#### SVT2

MENDAYAUPAYAKAN  
PENGGUNA

3 STRATEGI  
18 PELAN  
TINDAKAN

#### ST3

MENANGANI KOS  
SARA HIDUP

2 STRATEGI  
12 PELAN  
TINDAKAN

#### ST4

PENGUATKUASAAN  
EFEKTIF

4 STRATEGI  
13 PELAN  
TINDAKAN

#### ST5

KECEMERLANGAN  
ORGANISASI


4 STRATEGI  
38 PELAN  
TINDAKAN






Moto

**Perdagangan Sihat  
Pengguna Berkat**





# Carta Organisasi KPDN









**Pengurusan Tertinggi,  
Pengarah Bahagian  
dan Pengarah Negeri**

# Pengurusan Tertinggi

**YB Datuk Armizan bin Mohd Ali**  
Menteri

**YB Senator Puan Hajah Fuziah  
binti Salleh**  
Timbalan Menteri

**YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi  
bin Bakar**  
Ketua Setiausaha

**YBhg. Dato' Zakaria bin Shaaban**  
Timbalan Ketua Setiausaha  
(Pendayaupayaan Pengguna  
dan Pengurusan)

**YBhg. Datuk Roziah binti Abudin**  
Timbalan Ketua Setiausaha  
(Pembangunan Perdagangan  
Dalam Negeri)





## Pengarah Bahagian



**Datuk Azman bin Adam**  
Ketua Pengarah  
Bahagian Penguat Kuasa



**Mohammad Sanusi bin Abdul Karim**  
Pengarah Kanan  
Sektor Hal Ehwal Kos Sara  
Hidup dan Penyelidikan



**Dato' Rohaizi bin Bahari**  
Pengarah Kanan  
Sektor Perdagangan  
Pengedaran dan Perniagaan



**Dato' Dr. Stanley Tan**  
Pengarah Kanan  
Sektor Barang Kawalan  
dan Subsidi



**Dr. Rosbi binti Abd Rahman**  
Bahagian Dasar  
Perancangan Strategik dan  
Antarabangsa



**Saifulrijal bin Azhari**  
Tribunal Tuntutan  
Pengguna Malaysia



**Allauddin bin Mohd Tahir**  
Bahagian Undang-Undang



**Eba Juiata binti Taib**  
Bahagian Akaun



**Mohd Yusri bin Yusof**  
Bahagian Subsidi Dan  
Bekalan



**Mohd Zaid bin Idris**  
Bahagian Standard  
Kepenggunaan



**Zaimy bin Shaari**  
Bahagian Kawal Selia  
Petroleum



**Ahmad Rizal bin Khalit**  
Bahagian Pembangunan  
Perniagaan



**Selvi A/P Shanmugam**  
Bahagian Harga  
Barangan Negara



**Adiratno bin Che Ani**  
Bahagian Gerakan  
Kepenggunaan



**Julia binti Jaladdin**  
Bahagian Pengurusan  
Sumber Manusia



## Pengarah Bahagian



**Zuber bin Hj Zainal**  
Bahagian Integriti



**Muhamad Hanif bin Asa'ari**  
Sekretariat Perdagangan  
Pengedaran Perniagaan Dan  
Industri Perkhidmatan



**Muhd Fairuz bin Abdul Halim**  
Bahagian Pembangunan  
Francais dan Jualan  
Langsung



**Muhamad Zikril Azan bin  
Abdullah**  
Bahagian Penyelidikan  
dan Dasar Kepenggunaan



**Shamsol Zakri bin  
Zakaria**  
Tribunal Rayuan  
Persaingan



**Farismawati binti Osman**  
Bahagian Analisis  
Ekonomi dan Data  
Strategik



**Noor Rashida binti  
Abdul Rashid**  
Bahagian Khidmat  
Pengurusan dan Kewangan



**Burhanuddin bin Md Zain**  
Bahagian Pengurusan  
Maklumat



**Jaafar bin Jantan**  
Unit Komunikasi  
Korporat



**Atan bin Sapian**  
Sekretariat Tindakan Sara  
Hidup Negara



**Illiana binti Ismail**  
Bahagian Audit  
Dalam

## Ketua Agensi



**Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia



**Kamal bin Kormin**  
Ketua Pengarah  
Perbadanan Harta Intelek Malaysia



**Iskandar bin Ismail**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Persaingan Malaysia

## Pengarah Negeri



**Dato' Kamalludin bin Ismail**  
Perak



**Georgie Abas**  
Sabah



**Mohd Zuhairi bin Mat Radey**  
Selangor



**Ariffin bin Samsudin**  
Kuala Lumpur



**Lilis Saslinda binti Pornomo**  
Johor



**Jegan A/L R. Subramaniam**  
Pulau Pinang



**Matthew Anak Dominic Barin**  
Sarawak



**Jezlily binti Jamaluddin**  
Pahang



**Azman bin Ismail**  
Kelantan



**Saharuddin bin Mohd Kia**  
Terengganu



**Norena binti Jaafar**  
Melaka



**Affendi Rajini Kanth**  
Kedah



**Muhammad Zahir bin Mazlan**  
Negeri Sembilan



**Norazah binti Jaapar**  
Perlis



**Junaidah binti Arbain**  
Labuan







**Pencapaian  
KPDN 2023**

## Pencapaian Penguatkuasaan



**759,683**  
premis perniagaan



**RM8.74 juta**  
nilai kompaun



**11,596**  
kertas siasatan



**145**  
kes mahkamah



**RM104 juta**  
nilai rampasan



**RM5.53 juta**  
denda



**11,596**  
kes



**43,020**  
aduan

OPS MENU 2.0  
OPS SUCI 3.0  
OPS MENU 3.0  
OPS SEMPADAN  
OPS ATM  
OPS PANTAU 2023-BEKALAN  
OPS PANTAU 2023-HARGA  
OPS SURI 5.0  
OPS KESAN 2023 (BARANGAN KERING/MAKANAN DALAM TIN)  
OPS CATUT 9.0 (MINYAK MASAK)  
OPS TIRU 5.0  
OPS KREDIT  
OPS MANIS  
OPS SAMAR 3.0  
OPS HARGA  
OPS BEKALAN  
OPS TIRIS  
OPS TENERA  
OPS BERAS  
OPS JAMIN  
OPS TROLI 2023 (BARANGAN KEPERLUAN ISI RUMAH)  
OPS TERJAH  
OPS PASAR 2023  
OPS PASAR 2023 (SAYUR-SAYURAN)  
OPS PANTAU 2023 (ALAT TIMBANG)  
OPS PANTAU 2023 (JUALAN MURAH)  
OPS INAP 3.0  
OPS PASAR 2023 (AYAM DAN TELUR AYAM)  
OPS CATUT 9.0  
OPS KESAN 2023 (TADIKA/TASKA)  
OPS CATUT 2023 (BACK TO SCHOOL)  
OPS KESAN 2023 (TEMPAT LETAK KERETA)  
OPS PASAR 2023 (IKAN RAKYAT)  
OPS RANTAI 2022 (TELUR AYAM)  
OPS SPANAR 2.0  
OPS CATUT 2023 (AIR MINUMAN DAN AIR MINERAL)  
OPS BERSAMA SDL  
OPS PANTAU 2023-HALAL  
OPS SAMAR  
OPS LPG  
OPS TIMBANG  
OPS SAKAR  
OPS JERIJI 4.0  
OPS PASAR 2023 (HARI RAYA PUASA)  
OPS SURI 4.0  
OPS BERSEPADU CAWANGAN  
OPS PASAR 2023 (DEEPAVALI)  
OPS RIA 5.0

OPS BERSEPADU IBU PEJABAT  
OPS CATUT 2023 (SUSU TEPUNG BAYI DAN KANAK-KANAK)  
OPS CATUT 2023 (PEMERIKSAAN HARGA AYAM STANDARD DAN DI PERINGKAT PERUNCIT DAN SURAT PEMBERITAHUAN PEMATUHAN TERHADAP AKHAP 2011)  
OPS TIRU 4.0  
OPS GASAK  
OPS CATUT 2023 (BAHAN BAKERI RAYA)  
OPS BERSEPADU (ATM)  
OPS PANTAU 2023 (BAZAR AIDILFITRI)  
OPS ALOR (ALAT TIMBANG DAN SUKAT)  
OPS GORES 2  
OPS NOZEL  
OPS PANTAU 2023 (BARANG TIRUAN/CAKERA OPTIK)  
OPS MENU  
OPS INDAH 2.0  
OPS BLING 2.0  
OPS TEKO 3.0  
OPS PASAR 2022 (BARANGAN KEPERLUAN)  
OPS ALOR-BARANG TIRUAN  
OPS KESAN 2023 (HOTEL)  
OPS SUCI 2.0  
OPS JERIJI 3.0  
OPS CARAS  
OPS CETAK ROMPAK  
OPS ALOR-PENANDAAN HARGA  
OPS LANUN/COPY 2.0  
OPS PASAR 2022 (BARANGAN MUDAH ROSAK)  
OPS AMPAI 3.0  
OPS CAKNA  
OPS PAKAIAN RAYA  
OPS RIA 4.0  
OPS CATUT 2023 (GULA PASIR)  
OPS 516 2023 (HARGA DAN CATUT)  
OPS 516 2023 (ALAT TIMBANG SUKAT)  
OPS GORENG 5.0  
OPS INDAH  
OPS RANTAI 8.0  
OPS CATUT 9.0 (TAYAR KERETA)  
OPS 516 2023 (BEKALAN)  
OPS 516 2023 (BARANG TIRUAN DAN CAKERA OPTIK)  
OPS 516 2023 (HALAL)  
OPS SONA 3.0  
OPS GP 2.0  
OPS ALOR (ELEMEN PENCATUTAN)  
OPS ALOR  
OPS HARUM 1.0



Jualan

**RAHMAH**  
KASIH SAYANG



9,244,504  
pengunjung



6,870  
premis/mobile



SURUHAN JAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

**Jumlah pendaftaran**  
dalam tempoh 1 Januari  
2023 sehingga 31  
Disember 2023



Perniagaan  
**321,816**

(Jumlah Keseluruhan  
9,124,174)



Perkongsian  
Liabiliti Terhad

**3,547**  
(Jumlah Keseluruhan  
37,460)



Syarikat  
**51,963**

(Jumlah Keseluruhan  
1,534,545)



**Kes Pelanggaran Akta Persaingan 2010**

MyCC mengeluarkan **1 Keputusan Akhir** dan **1 Keputusan Cadangan**

penalti kewangan berjumlah lebih **RM415 juta** melibatkan **5 perusahaan** (pembentukan kartel penetapan harga makanan ayam)

**7 perusahaan** yang terlibat aktiviti tipuan bida empat (4) tender berjumlah **RM20.8 juta**



**23**  
nasihat dasar

**6** nasihat ekonomi kepada 14 Kementerian dan agensi



**22**  
program advokasi pemegang taruh



**44** program pembangunan kapasiti antarabangsa  
**17** mesyuarat antarabangsa



**3 MOU** Universiti Awam (USIM, UniSZA & UNIMAS)

**Pendaftaran Harta Intelek**



Perbadanan Harta Intelek Malaysia  
Intellectual Property Corporation of Malaysia



**37,690**  
Cap Dagangan



**5,513**  
Paten & Pembaharuan Utiliti



**1,808**  
Rekabentuk Perindustrian



**7**  
Petunjuk Geografi







KOS SARA HIDUP  
SCOL 2023

MENANGANI KOS SARA HIDUP  
MELALUI KAWAD BERSAMA

**Pembangunan  
Perdagangan  
Dalam Negeri**

# Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan



## SEKRETERIAT PERDAGANGAN PENGEDARAN DAN INDUSTRI PERKHIDMATAN

### INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN



### Objektif

- i. memberi peluang kepada peniaga-peniaga mendapatkan input berkaitan kemudahan *e-wallet* dan membuat pendaftaran melalui penyedia-penyedia *e-wallet* yang terpilih;
- ii. menggalakkan amalan penggunaan *e-wallet* oleh pengguna dalam membuat sebarang transaksi pembelian; dan
- iii. mewujudkan ekosistem masyarakat tanpa tunai (*cashless society*) di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar.

Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (**Retail Digitalisation Initiative – ReDI**) adalah merupakan langkah proaktif Kementerian bagi memastikan pemain industri sektor peruncitan kekal bersedia menghadapi model perniagaan baharu berasaskan digitalisasi. Pelaksanaan inisiatif ini akan meningkatkan pendedahan kepada peniaga berhubung keperluan pengoperasian perniagaan yang berkonsepkan digital termasuklah penggunaan kemudahan *e-wallet* dalam suasana norma baharu ini.

ReDI ini juga adalah bagi menyahut hasrat Kerajaan dalam menggalakkan digitalisasi menerusi Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia yang telah dilancarkan pada 19 Februari 2021 iaitu untuk mempromosikan program *onboarding* pembayaran elektronik bagi peniaga dan pengguna untuk menjadi masyarakat tanpa tunai (Teras 5 – Mewujudkan masyarakat digital yang inklusif).

Sebagai simbolik terhadap inisiatif ini, ReDI telah dilancarkan pada 6 April 2021 di Pasar Tani Putrajaya, Presint 2 oleh YB Timbalan Menteri KPDNHEP dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Perbadanan Putrajaya (PPJ), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Manakala Fasa 2 pula difokuskan di seluruh negara bermula di negeri Terengganu dan Sarawak dengan penglibatan secara langsung oleh Bank Negara Malaysia, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, FAMA dan penyedia-penyedia *e-wallet* utama.

Berdasarkan Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025) di bawah Tema 1: Menjana Semula Ekonomi, Bab 2(A2.1) Menambah Baik Proses Pengeluaran dan Operasi, Kementerian telah menyasarkan 15,000 peniaga berdaftar *e-wallet* sehingga tahun 2025 dan pelaksanaan lima (5) program (penjaja dan peniaga kecil yang menerima guna gerbang pembayaran pelbagai saluran) setiap tahun.

Kaedah pelaksanaan adalah melalui advokasi secara bersemuka dan proses pendaftaran yang tertumpu kepada satu kawasan pilot di setiap PBT. Ini membolehkan peniaga luar bandar mendapat input yang lebih jelas dan seterusnya membuat peralihan kepada pembayaran secara digital.



## PELANCARAN INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN (RETAIL DIGITALISATION INITIATIVE – REDI) NEGERI JOHOR

Dirasmikan oleh **YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub**, Mantan Menteri PDN

📅 10 Februari 2023 📍 Kipmall Tampoi, Johor

Pelancaran ReDI ini adalah sebahagian dari pelaksanaan inisiatif pengembangan sektor perniagaan yang menjadi teras utama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Program ReDI telah berjaya dilaksanakan secara rintis di Putrajaya, Hulu Terengganu, Kapit Sarawak, Pulau Pangkor, Labuan, Sandakan, Sabah, Kuala Perlis, Perlis dan Bera, Pahang tahun 2022 yang lalu.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor, Bank Negara Malaysia (BNM), Majlis Perbandaran Johor Bahru, Majlis Perbandaran Iskandar Puteri dan rakan strategik penyedia e-wallet ini.

Peruntukan sebanyak RM16,000 telah disalurkan bagi pemberian insentif e-wallet kepada peniaga dan pengguna secara tanpa tunai di Kipmall ini. Manakala, Kementerian juga melalui Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) turut menyalurkan sumbangan sebanyak RM150 bagi pelajar Diploma (B40) di Kolej Vokasional Tanjung Puteri yang keseluruhannya berjumlah RM36,000 ribu secara tanpa tunai.

Dalam program ini jumlah sasaran peniaga yang terlibat adalah seramai 233 peniaga Kipmall dan 120 peniaga Pasar Awam Perling.



## PELANCARAN BAZAR RAMADAN RAHMAH DI BAWAH INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN (RETAIL DIGITALISATION INITIATIVE – REDI)

Dirasmikan oleh **YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub**, Mantan Menteri PDN

📅 27 Mac 2023 📍 Bazar Ramadan Rahmah Presint 14, WP Putrajaya

Bazar Ramadan Rahmah (BRR) merupakan inisiatif terbaharu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) membabitkan 38 lokasi di seluruh negara.

BRR diwujudkan bertujuan mengurangkan kos sara hidup rakyat dengan menyediakan pilihan hidangan untuk masyarakat berbuka puasa dengan harga yang murah dan berpatutan. Ini termasuklah dengan menggalakkan peniaga menyediakan kepelbagaian konsep penyediaan makanan atau produk yang seimbang berteraskan Menu Rahmah.

Antara kriteria BRR sebahagian peniaga menawarkan Menu RAHMAH, lokasi yang menjadi tempat tumpuan rakyat dan menggalakkan kadar sewa RAHMAH serta berpatutan kepada peniaga berdasarkan lokaliti. Inisiatif BRR ini dilaksanakan secara kerjasama strategik di antara KPND dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tanpa melibatkan sebarang implikasi kos kepada Kerajaan.

KPND bersama PPj juga meneruskan perluasan Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (Retail Digitalisation Initiative – ReDI) bermula sejak April 2021 yang bertujuan untuk memastikan peniaga kecil ini tidak terus ketinggalan di dalam arus perdana dan bersama-sama dalam melibatkan diri menerusi model baharu perniagaan secara digital.

Selari dengan matlamat tersebut, seramai 512 peniaga di 5 Bazar Ramadan di Putrajaya telah mengaplikasikan sepenuhnya (100%) pembayaran digital tanpa tunai (*Cashless*).



### PELANCARAN PROGRAM 6 HOURS CHALLENGE RAKYAT DIGITAL SIRI 1 : PERINGKAT AKHIR PULAU LANGKAWI, KEDAH

Dirasmikan oleh **YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh**, Timbalan Menteri KPND

 4 November 2023  Pulau Langkawi, Kedah

Objektif pelaksanaan sistem Program *6-Hours Challenge* Rakyat Digital adalah:

- i. Sebagai salah satu platform dalam membudayakan advokasi digital melalui konsep *public to public awareness*;
- ii. Meningkatkan keyakinan peniaga-peniaga untuk menyediakan kemudahan *e-wallet* dan membuat pendaftaran melalui penyedia-penyedia *e-wallet* yang terpilih; dan
- iii. Mewujudkan ekosistem masyarakat tanpa tunai (*cashless society*) di kawasan terpilih dan berpotensi tinggi.

Program ReDI *6 Hours Challenge* Rakyat Digital Siri Pertama : Peringkat Awal telah dilaksanakan di WP Labuan pada 22-23 September 2023 yang lalu dan di Pulau Langkawi pada kali ini adalah merupakan cabaran peringkat akhir yang melibatkan penyertaan dari 16 kumpulan yang mewakili pejabat KPND negeri di seluruh negara.

Sebanyak 542 peniaga telah berjaya didaftarkan semasa tempoh cabaran tersebut di kedua-dua lokasi WP Labuan dan Pulau Langkawi, Kedah.



## PROGRAM e-DAGANG

### CONFERENCE ON TODAY'S MALAYSIAN E-COMMERCE AND CONSUMER PROTECTION REGULATORY FRAMEWORK: THE WAY FORWARD

Dirasmikan oleh **YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh**, Timbalan Menteri KPDM

📅 19-20 September 2023 📍 Aloft Kuala Lumpur Sentral

Penganjuran persidangan berskala besar peringkat nasional yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai kedudukan semasa sektor perdagangan atas talian (e-dagang) di Malaysia dan merangka hala tuju bagi pengawal seliaan industri e-dagang di Malaysia. Persidangan ini telah melibatkan penyertaan daripada panel jemputan dari dalam dan luar negara, wakil-wakil Kementerian dan Agensi Kerajaan, persatuan-persatuan pengguna dan e-dagang, pemain industri e-dagang serta ahli akademik. Penganjuran persidangan ini telah berjaya memberi pendedahan maklumat terkini kepada pemegang taruh industri e-dagang, mengumpul maklumat dan maklum balas industri, serta merangka hala tuju dan kaedah kawal selia yang akan digunakan sebagai asas bagi kajian semakan semula perundangan e-dagang di Malaysia pada tahun 2024-2025.



#### PANEL JEMPUTAN

- i. **YBhg. Dato' Seri Ivan Teh**  
*Chief Executive Officer, Fusionex Group*
- ii. **Mr. Putu Prima Apri Swajaya**  
*Consumer Protection Officer, Ccpid Division Market Integration Directorate, ASEAN Secretariat*
- iii. **Mr. Menno Cox**  
*Head of Sector Global Aspect of Digital Services Communications Networks Content and Technology (CNET), European Commission, Belgium*
- iv. **Mr. Daniel Lim**  
*Public Policy Manager, META Singapore and Malaysia*
- v. **Mr. Kamarulazman Muhamed**  
*Chief Executive Officer, Aerodyne Group*
- vi. **Mr. Gandhi Palanisamy**  
*Founder of Messrs Gandhi & Associates*

#### JEMPUTAN LAIN

Kementerian/Agensi Kerajaan, Ahli Akademik, Persatuan Pengguna dan Persatuan E-Dagang, Pemain Industri E-Dagang.

## JUMLAH KEHADIRAN KESELURUHAN

130 orang (secara fizikal)

*\*Persidangan juga terbuka secara virtual*

## OBJEKTIF

- i. Memberi pendedahan kepada peserta mengenai kedudukan semasa sektor perdagangan atas talian (e-dagang) di Malaysia.
- ii. Meneroka kerangka perundangan dan amalan terbaik pengawal seliaan industri e-dagang yang diamalkan di negara-negara lain untuk diadaptasi di Malaysia.
- iii. Merangka hala tuju bagi pengawal seliaan industri e-dagang di Malaysia.

## AKTIVITI

- i. Sesi perkongsian daripada pakar dalam dan luar negara
- ii. Forum perbincangan oleh panel jemputan dalam dan luar negara
- iii. Sesi perbincangan kumpulan
- iv. Aktiviti *Color Coding*

## PENCAPAIAN/MANFAAT

- i. Peserta menerima input perkembangan (*trend*) semasa sektor atas talian (e-dagang) di Malaysia dan luar negara.
- ii. Pendedahan kepada peserta berkaitan perundangan e-dagang dan kaedah kawal selia yang diguna pakai di peringkat antarabangsa.
- iii. Memperoleh input dan pandangan peserta ke atas perkembangan dan hala tuju bagi kaedah kawal selia industri e-dagang di Malaysia.

## SEKRETARIAT FOOD BANK MALAYSIA

Program Food Bank Malaysia (PFBM) telah diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif peduli rakyat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) membantu golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan makanan yang mana secara tidak langsung dapat meringankan kos sara hidup golongan tersebut.

### PROJEK/PROGRAM/AKTIVITI/INISIATIF FOKUS TAHUN 2023

- **Program Food Bank Komuniti** - Daripada Ogos 2018 sehingga Disember 2023, seramai **1,006,700 ahli isi rumah** telah berjaya mendapat manfaat daripada program ini. Secara tidak langsung, program ini juga telah berjaya menyelamatkan sebanyak **6291 metrik tan lebih makanan**.
- **Program Food Bank Siswa** - daripada Februari 2019 sehingga Disember 2023, sebanyak **38,230 mahasiswa** telah mendapat manfaat daripada program ini yang telah dijalankan di **30 buah Institut Pengajian Tinggi (IPT)**.
- **Inisiatif Teknologi Pembungkusan Makanan Secara Retort** - Sehingga kini, sebanyak **14 mesin retort** telah berjaya ditempatkan di lokasi bersesuaian seperti hotel, *catering* dan syarikat pengeluar makanan berasaskan pertanian.



Makanan yang dihasilkan melalui inisiatif ini adalah bersifat “*ready to eat*”. Bermula Mei 2021, sebanyak **13,600 pek** makanan berasaskan nasi dan lauk telah berjaya dihasilkan dan diagihkan kepada golongan memerlukan serta mangsa yang terkesan dengan bencana banjir.

- Antara Program utama PFBM Tahun 2023 adalah pengagihan sumbangan makanan dan lawatan Mantan YB Menteri PDN, Allahyarham Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub ke **Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Pusat Latihan JAKOA Kluang pada 29 Januari 2023** di mana PPS ini telah menempatkan seramai **200 buah keluarga**.
- Kementerian juga telah melancarkan **Inisiatif Bakul RAHMAH** pada **27 Februari 2023** yang telah disempurnakan oleh **Allahyarham YB Datuk Seri Salahuddin Ayub** di Ruang Legar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Pelancaran bakul RAHMAH ini mendapat perhatian daripada pihak penyumbang utama Program Food Bank Malaysia sejak tahun 2018 iaitu Syarikat 99 Speedmart di mana syarikat ini telah berbesar hati untuk memberi sumbangan sebanyak **20,000 kotak Bakul RAHMAH dengan nilai berjumlah RM1 Juta** dan telah diagihkan kepada golongan yang memerlukan di seluruh negara.
- Pada tahun ini terdapat **satu (1) IPT** yang telah menerima manfaat daripada Program Food Bank Siswa iaitu **Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)** dan telah dirasmikan oleh **YB Timbalan Menteri pada 7 Mac 2023**.
- **Projek MySaveFood Bazaar Ramadan** telah dilaksanakan oleh Kementerian dengan kerjasama daripada pihak Pemuda GEMA sepanjang bulan Ramadan bermula pada **14 April 2023**. Projek ini bertujuan untuk menyelamatkan lebih makanan yang masih boleh dimakan untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan dan pelajar di kampus.
- Penyerahan sebanyak **50 bakul RAHMAH** kepada Pertubuhan Kebajikan Jayaa Sri, Selangor telah disempurnakan oleh YB Menteri PDN, YBhg. Datuk Armizan bin Mohd Ali pada 6 November 2023 sempena pengumuman Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2023.



Pengagihan sumbangan makanan dan lawatan Mantan YB Menteri PDN, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin bin Ayub ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Pusat Latihan JAKOA Kluang pada 29 Januari 2023



Program Food Bank Siswa, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri, YB Senator Fuziah binti Salleh pada 7 Mac 2023



Pelancaran Inisiatif Bakul RAHMAH pada 27 Februari 2023 yang telah disempurnakan oleh Allahyarham YB Datuk Seri Salahuddin Ayub di Ruang Legar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).



Penyerahan sebanyak 50 bakul RAHMAH kepada Pertubuhan Kebajikan Jayaa Sri, Selangor telah disempurnakan oleh YB Menteri PDN, YB Datuk Armizan bin Mohd Ali pada 6 November 2023



Program MySaveFood Bazaar Ramadan telah dilaksanakan bersama Pemuda GEMA bermula pada 14 April 2023



## PROGRAM PAYUNG RAHMAH

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mula melaksanakan Program Payung RAHMAH sejak 11 Januari 2023 sebagai manifestasi keprihatinan dan konsep ihsan Kerajaan kepada rakyat. Konsep RAHMAH ini adalah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat sebagai salah satu *touch point* utama Kerajaan Perpaduan yang sentiasa prihatin mengenai kos sara hidup demi menjaga kesejahteraan dan mendahulukan kebajikan rakyat. Pelaksanaan program ini pada awalnya melibatkan kumpulan sasaran yang terdiri daripada golongan miskin tegar, miskin dan berpendapatan rendah (B40), namun ia telah diperluaskan untuk manfaat seluruh rakyat Malaysia secara berperingkat.

Objektif utama Program Payung RAHMAH adalah untuk membantu kumpulan miskin tegar B10 (pendapatan kurang dari RM2,500); dan golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan bantuan makanan dan keperluan asas dalam mendepani kenaikan kos sara hidup.

Terdapat lima (5) inisiatif utama di bawah Program Payung RAHMAH iaitu Menu RAHMAH, Bakul RAHMAH, Jualan RAHMAH, Pakej RAHMAH dan Menu Siswa RAHMAH (dahulunya Kafe RAHMAH). Sehingga kini, semua inisiatif di bawah Program Payung RAHMAH telah dilaksanakan dan mendapat reaksi yang positif daripada rakyat. Program Payung RAHMAH juga telah menjadi jenama utama bagi program-program kebajikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan, selari dengan keputusan Jemaah Menteri pada 11 Januari 2023. Ia dibuktikan melalui hasil Kajian Impak Program Payung RAHMAH yang dilaksanakan bermula September hingga November 2023 dan mendapati 81% daripada responden kajian menyatakan bahawa mereka berpuashati dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Program Payung RAHMAH. Selain itu, sebahagian daripada mereka berpendapat bahawa program tersebut perlu ditambahbaik bagi manfaat rakyat Malaysia.

## INISIATIF MENU RAHMAH

Menu RAHMAH merupakan inisiatif yang memberikan peluang kepada rakyat untuk mendapatkan pilihan hidangan makan tengah hari atau makan malam pada harga tidak melebihi RM5.00 (termasuk cukai) per set, dengan kerjasama para pengusaha dan pemain industri makanan-minuman melalui sesi libat urus yang dijalankan oleh KPDN. Inisiatif ini digerakkan sendiri oleh peniaga (*Private Driven Initiative*) dan dilaksanakan secara sukarela. Inisiatif ini dilancarkan pada 31 Januari 2023. Para pengusaha yang berminat untuk menyertai Menu RAHMAH boleh membuat pendaftaran melalui laman sesawang <https://menurahmah.kpdn.gov.my/>.



Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 2,849 premis telah berdaftar di bawah pelaksanaan inisiatif Menu RAHMAH. Inisiatif ini telah diperluaskan dengan pelaksanaan Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH yang dilancarkan pada 2 November 2023 yang lalu dan melibatkan kerjasama beberapa pasar raya utama iaitu AEON Big, Econsave, Giant, Lotus's, Mydin dan NSK Trade City sebagaimana permulaan. Majlis Penyerahan Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 14 Disember 2023 sempena Majlis Pelancaran Karnival Barangan Malaysia (KBM) bertempat di *IOI Grand Exhibition and Convention Centre*, IOI City Mall Putrajaya. Sehingga 15 Januari 2024, seramai 19 orang pengusaha Menu RAHMAH telah menerima Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH.

Inisiatif Menu RAHMAH turut melibatkan 16 rakan strategik iaitu Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Pertubuhan Sahabat Tomyam Prihatin Semalaysia (Sahabat Tomyam), Persatuan Francais Malaysia (MFA), Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (PRIMAS), Malaysia Retailers Association (MRA), Malaysia Retail Chain Association (MRCA), PLUS Malaysia Berhad, Mydin Mohamed Holdings Berhad, Kentucky Fried Chicken (KFC), Pizza Hut, Burger King, Texas Chicken, McDonalds, OldTown White Coffee dan FoodPanda.





Selain itu, Majlis Kenduri Menu RAHMAH telah dianjurkan di Parlimen Malaysia pada 20 Mac 2023 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Majlis Kenduri Menu RAHMAH ini merupakan sebahagian daripada pelaksanaan inisiatif Menu RAHMAH yang bertujuan untuk mempromosikan Menu RAHMAH dan menyemarakkan semangat Malaysia MADANI terutamanya "Ihsan" kepada rakyat yang memerlukan. Penganjuran "Kenduri Menu RAHMAH di Parlimen Malaysia" dilaksanakan bagi membolehkan Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen, warga kerja Parlimen Malaysia dan pengamal media dapat diperkenalkan dengan pelbagai pilihan Menu RAHMAH yang disediakan oleh pengusaha-pengusaha makanan dan minuman yang telah menyertai inisiatif ini.

Antara pengusaha-pengusaha makanan dan minuman yang telah menyertai penganjuran "Kenduri Menu RAHMAH di Parlimen Malaysia" ialah Mydin Mohamed Holdings Berhad, A & W Malaysia Sdn Bhd, Pertubuhan Sahabat Tomyam Prihatin Semalaysia (Sahabat Tomyam), Temerloh Catering Sdn Bhd, Texas Chicken Malaysia, Mios Kitchen, Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd (Oldtown), PLUS Malaysia Berhad, Marrybrown Sdn Bhd, Cosmo Restaurants Sdn Bhd, Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Bubblebee dan AEON Co. Sdn Bhd.

KPDN turut melaksanakan Bazar Ramadan RAHMAH (BRR) yang merupakan inisiatif terbaru Kerajaan dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat dengan menyediakan pilihan hidangan untuk berbuka puasa pada harga murah dan berpatutan. Ini termasuklah dengan mengalakkan peniaga bagi menyediakan kepelbagaian konsep penyediaan makanan/produk yang seimbang berteraskan Menu RAHMAH kepada pengunjung yang datang ke Bazar Ramadan. Inisiatif BRR ini telah dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan mulai 23 Mac 2023 sehingga 20 April 2023. Antara kriteria BRR adalah sekurang-kurangnya 30% peniaga menawarkan Menu RAHMAH, lokasi yang menjadi tempat tumpuan rakyat dan menggalakkan kadar sewa RAHMAH serta berpatutan kepada peniaga berdasarkan lokaliti. Program BRR ini dilaksanakan secara kerjasama strategik di antara KPDN dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tanpa melibatkan sebarang implikasi kos kepada Kerajaan. Sebagai tambahan, inisiatif ini turut menawarkan insentif tanpa tunai kepada pengguna yang hadir.

Dalam pada itu, Majlis Pelancaran Inisiatif BRR telah dianjurkan pada 27 Mac 2023 di Bazar Ramadhan RAHMAH, Presint 14, WP Putrajaya dan telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub, Mantan Menteri PDN. Pada tahun 2023, sebanyak 41 lokasi dengan penglibatan seramai 4,777 peniaga di seluruh negara telah menyertai inisiatif BRR. Daripada jumlah tersebut seramai 1,014 peniaga telah menawarkan Menu RAHMAH di BRR.



## INISIATIF BAKUL RAHMAH

Bakul RAHMAH merupakan inisiatif sumbangan berbentuk bakul makanan yang terdiri daripada barangan keperluan harian (barangan kering) seperti beras, gula, minyak masak, tepung gandum, susu pekat, mihun dan telur ayam. Ia disumbangkan oleh rakan strategik kepada kumpulan sasar pada setiap bulan melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Inisiatif ini dilancarkan pada 27 Februari 2023. Inisiatif ini juga boleh disumbangkan melalui jualan produk di bawah inisiatif Jualan RAHMAH (barangan keperluan harian) yang dimasukkan sebagai Pakej RAHMAH dan boleh dibeli secara terus oleh pengguna atau didermakan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) kategori miskin dan miskin tegar, tertakluk kepada pelan operasi perniagaan masing-masing.

Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 96,990 Bakul RAHMAH telah diedarkan di seluruh negara. Inisiatif Bakul RAHMAH melibatkan 12 rakan strategik iaitu Yayasan Global Mesra, Yayasan ALManjie, Yayasan RAHMAH Malaysia, PETRONAS, 99 SpeedMart, Lazada, Mydin Mohamed Holdings Berhad, Grab Malaysia, AEON Big, Giand, KK SuperMart dan TF ValueMart.



### INISIATIF PAKEJ RAHMAH

Pakej RAHMAH merupakan inisiatif yang menawarkan potongan harga antara 10% hingga 30% berbanding harga jualan asal untuk semua produk di bawah sektor peruncitan melibatkan minimum tiga (3) item dalam satu pakej. Inisiatif ini juga mula dilaksanakan sejak 6 April 2023 dan telah diperluaskan untuk semua produk lain di luar sektor peruncitan (tidak bersandarkan kepada inisiatif Jualan RAHMAH) seperti pelancongan, perhotelan, hospitaliti, fisioterapi, sukan dan kecergasan, perubatan, kesihatan, pendidikan, kecantikan dan sebagainya, tertakluk kepada pelan operasi perniagaan masing-masing.

Sehingga 31 Disember 2023, inisiatif Pakej RAHMAH telah disertai oleh sembilan (9) rakan strategik iaitu Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur, BeVital, Alsyifaa Pharmacy, COURTS, MOG Eyewear, Allianz, Etiqa, ITTV Education dan AirAsia SuperApp.





## PROGRAM-PROGRAM RAHMAH DI BAWAH INISIATIF PAYUNG RAHMAH

| Bil | Tarikh           | Nama Program  |
|-----|------------------|---|
| 1.  | 11 Januari 2023  | Majlis Pelancaran Jualan RAHMAH bersama Econsave  |
| 2.  | 31 Januari 2023  | Majlis Pelancaran Menu RAHMAH bersama Mydin Holdings Sdn Bhd                              |
| 3.  | 20 Februari 2023 | Majlis Pelancaran Inisiatif Payung RAHMAH bersama AEON BiG                                |
| 4.  | 6 Mac 2023       | Majlis Pelancaran Jualan RAHMAH Raya Bersama AEON Putrajaya                               |
| 5.  | 17 Mac 2023      | Majlis Pelancaran Jualan RAHMAH "SZBLOOMS"  |
| 6.  | 17 Mac 2023      | Majlis Pelancaran Inisiatif Payung RAHMAH Cabaran "Beli Dan Menang" RM1.1 Juta Di KK Mart |
| 7.  | 21 Mac 2023      | Majlis Pelancaran Jualan Kurma RAHMAH Bersama Syabab Dates                                |
| 8.  | 22 Mac 2023      | Majlis Pelancaran Jualan RAHMAH Bersama Jakel   |
| 9.  | 25 Mac 2023      | Majlis Pelancaran Jualan RAHMAH bersama Sabella   |
| 10. | 6 April 2023     | Majlis Pelancaran Pakej RAHMAH Bersama Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur                   |
| 11. | 8 April 2023     | Majlis Pelancaran Inisiatif Payung RAHMAH Bersama NutriGold                               |
| 12. | 14 April 2023    | Majlis Pelancaran Inisiatif Payung RAHMAH bersama COURTS Malaysia                         |
| 13. | 8 Mei 2023       | Majlis Pelancaran Inisiatif Payung RAHMAH Bersama TF Value-Mart                           |
| 14. | 15 Mei 2023      | Majlis Pelancaran Inisiatif Payung RAHMAH Bersama Giant                                   |
| 15. | 20 Mei 2023      | Majlis Pelancaran Inisiatif Payung RAHMAH Bersama MOG Eyewear                             |
| 16. | 18 Jun 2023      | Majlis Pelancaran Inisiatif Payung RAHMAH Bersama AirAsia SuperApp                        |
| 17. | 22 Jun 2023      | Majlis Pelancaran Jenama Pakej RAHMAH Insurans Dan Pakej RAHMAH Takaful                   |
| 18. | 24 Jun 2023      | Majlis Pelancaran Pakej RAHMAH iTTV Education Sdn. Bhd.                                   |
| 19. | 6 Julai 2023     | Majlis Pelancaran Inisiatif Payung RAHMAH Bersama Jaya Grocer Dan Grab Malaysia           |
| 20. | 15 Julai 2023    | Majlis Pelancaran Inisiatif Payung RAHMAH Bersama Zero Healthcare Sdn. Bhd.               |
| 21. | 4 September 2023 | Majlis Pelancaran Inisiatif Payung RAHMAH Bersama SJ Circle Sdn. Bhd.                     |

## Bahagian Pembangunan Perniagaan

Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP) berperanan memperkasa dan memartabatkan barangan tempatan terutamanya keluaran Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Usaha ini dicapai melalui pelbagai inisiatif seperti pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM), pengiktirafan produk tempatan melalui penandaan Logo Barangan Malaysia, penawaran latihan dan penyediaan platform padanan perniagaan kepada PMKS bagi mendapat akses lebih baik dalam pasaran peruncitan. BPP juga dipertanggungjawab melaksanakan Program Jualan RAHMAH yang memberikan peluang kepada rakyat membeli barangan keperluan asas pada kadar 10% - 30% lebih rendah berbanding harga pasaran. Program bantuan kos sara hidup ini telah mendapat sambutan yang sangat baik daripada rakyat di seluruh negara.



### AKTIVITI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2023

#### KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA (KBBM)

**Merancakkan ekonomi domestik serta menggalakkan pembelian dan penggunaan barangan Malaysia.**

#### OBJEKTIF UTAMA KBBM 2023



##### Tingkat Semangat Patriotisme

**Meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia terhadap barangan Malaysia**



##### Rangsang Pertumbuhan Ekonomi Domestik

**Merangsang pertumbuhan ekonomi domestik dengan meningkatkan pembelian barangan tempatan**



##### Tingkat Kesedaran Terhadap Kualiti Barangan Malaysia

**Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kualiti produk Malaysia yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa**



##### Produk Tembusi Pasaran

**Membantu pengusaha tempatan dalam memasarkan produk mereka**

## INISIATIF STRATEGIK KBBM 2022

PEMERKASAAN PRODUK  
TEMPATAN DI DALAM INDUSTRI  
PERUNCITAN TEMPATAN

PEMERKASAAN PRODUK  
TEMPATAN MELALUI PLATFORM  
DALAM TALIAN (MARKETPLACE)

KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA  
(KBM) 2023 DAN SIRI JELAJAH  
MINI KBM 2023

JUALAN BERTEMA  
BERDASARKAN SEGMENT  
KHUSUS

PELAN MEDIA  
BERSASAR KBBM  
2023

KOLABORASI  
STRATEGIK MEDIA  
ANIMASI DIGITAL

## PENCAPAIAN



### PEMERKASAAN PRODUK TEMPATAN DI DALAM INDUSTRI PERUNCITAN TEMPATAN DAN MELALUI PLATFORM DALAM TALIAN (MARKETPLACE)

- ▶ Berkolaborasi bersama 16 buah syarikat peruncitan terkemuka negara di samping 3 buah penyedia platform *marketplace*
  - ▶ Jumlah jualan (Suku Ketiga 2023) = RM1,182,778,247.94
  - ▶ Jumlah SKU (Suku Ketiga 2023) = 335,320
- \*Laporan Suku Keempat 2023 masih di dalam tindakan*



### SIRI JELAJAH MINI KBM 2023

- ▶ Pelaksanaan lima (5) siri Jelajah Mini Karnival Barangan Malaysia (Pantai Timur, Utara, Selatan, Sabah dan Sarawak) dan satu (1) siri kolaborasi bersama Karnival Jom Heboh
- ▶ Melibatkan **120 pempamer tempatan**
- ▶ Jumlah Jualan bagi siri Jelajah Mini KBM sebanyak **RM280,005.00**
- ▶ Anggaran Jumlah Pengunjung Seramai **43,649 pengunjung**

### KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA (KBM) 2023

- ▶ Pelaksanaan program KBM berskala besar di IOI Grand Exhibition & Convention Centre, IOI City Mall, Sepang, Selangor pada 13 – 17 Disember 2023 yang **dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri** pada 14 Disember 2023
- ▶ Melibatkan **109 pempamer/syarikat tempatan**
- ▶ Jumlah Jualan Keseluruhan KBM 2023 adalah sebanyak **RM 526,172.44**
- ▶ Jumlah Pengunjung Keseluruhan KBM 2023 adalah seramai **16,518 pengunjung**



### JUALAN BERTEMA BERDASARKAN SEGMENT KHUSUS

- ▶ Melibatkan 2 kluster utama (industri kraftangan & industri fesyen)
- ▶ Kolaborasi Khas bersama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia bagi penganjuran Program Promosi Kraf (14 – 26 November 2023)
- ▶ Kolaborasi Khas bersama Malaysia Bumiputera Designer Association (MBDA) bagi program My Gaya Month (24 Ogos – 25 September 2023)
- ▶ Jumlah Jualan keseluruhan sebanyak **RM1,409,567.30** bagi kedua-dua program





### PROGRAM JUALAN RAHMAH (PJR)

Mengurangkan kos sara hidup rakyat dengan menawarkan pengurangan harga barangan keperluan harian pada kadar lebih rendah berbanding harga pasaran setempat dengan mensasarkan golongan berpendapatan rendah.

#### OBJEKTIF UTAMA JUALAN RAHMAH

Objektif utama PJR diadakan adalah untuk menawarkan barangan keperluan harian kepada masyarakat setempat pada harga yang mampu dimiliki dengan pengurangan harga barangan antara 10% - 30% berbanding harga pasaran semasa.

#### KONSEP DAN MODEL PELAKSANAAN PROGRAM

Program ini dilaksanakan melalui kolaborasi bersama pemain industri sektor peruncitan seperti pasaraya dan *hypermarket* di lokasi-lokasi terpilih di 222 kawasan Parlimen di seluruh negara. Terdapat 3 model pelaksanaan PJR ini, iaitu:



**Dalam Premis**  
(2,675)



**Luar Premis**  
(632)



**Bergerak (Mobile)**  
(2,855)



**PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROGRAM JUALAN RAHMAH DARI 1 JANUARI 2023 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023**

| Negeri                          | Dalam Premis | Luar Premis/<br>Premium | Mobile/Bergerak | Jumlah<br>Keseluruhan |
|---------------------------------|--------------|-------------------------|-----------------|-----------------------|
| PERLIS (P.001 - P.003)          | 54           | 22                      | 120             | 196                   |
| KEDAH (P.004 - P.018)           | 56           | 87                      | 263             | 406                   |
| KELANTAN (P.019 - P.032)        | 18           | 93                      | 331             | 442                   |
| TERENGGANU (P.033 - P.040)      | 189          | 18                      | 171             | 378                   |
| PULAU PINANG (P.041 - P.053)    | 12           | 127                     | 375             | 514                   |
| PERAK (P.054 - P.077)           | 236          | 135                     | 132             | 503                   |
| PAHANG (P.078 - P.091)          | 215          | 29                      | 207             | 451                   |
| SELANGOR (P.092 - P.113)        | 151          | 1                       | 506             | 658                   |
| KUALA LUMPUR (P.114 - P.124)    |              | 10                      | 35              | 45                    |
| PUTRAJAYA (P.125)               | 4            | 18                      | 33              | 55                    |
| NEGERI SEMBILAN (P.126 - P.133) | 140          | 5                       | 93              | 238                   |
| MELAKA (P.134 - P.139)          | 108          | 13                      | 133             | 254                   |
| JOHOR (P.140 - P.165)           | 482          | 33                      | 325             | 840                   |
| LABUAN (P.166)                  | 45           | 11                      | 5               | 61                    |
| SABAH (P.167 - P.191)           | 381          | 13                      | 92              | 486                   |
| SARAWAK (P.192 - P.222)         | 584          | 17                      | 34              | 635                   |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>       | <b>2,675</b> | <b>632</b>              | <b>2,855</b>    | <b>6,162</b>          |



Jumlah pengunjung keseluruhan

8,342,332 Orang

*Nota: Ringkasan laporan ini adalah berdasarkan laporan yang diterima setakat 11 Januari 2024, jam 3.30 petang.*

## ACCESS TO RETAIL

### i) Latihan Pembangunan Perniagaan

Membantu meningkatkan kompetensi produk tempatan keluaran PMKS melalui peningkatan ilmu berkaitan perniagaan supaya mampu berdaya saing dan mengukuh di sektor peruncitan

11 siri Program Latihan Pembangunan Perniagaan telah dilaksanakan pada tahun 2023 melibatkan 525 orang peserta dalam kalangan PMKS yang merangkumi 5 modul seperti berikut:





#### LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM BAGI TAHUN 2023

| Bil.                      | Kursus/Seminar  | Tempat/Medium                         | Tarikh                 | Bil. Peserta (orang) |
|---------------------------|---|---------------------------------------|------------------------|----------------------|
| 1.                        | Seminar <i>Let's Get Started With</i> KPND (Siri I)                         | Dewan Serbaguna KPND Putrajaya        | 23 Mei 2023            | 87                   |
| 2.                        | Kursus <i>Profitable Growth</i> (Pengiraan Kos & Penetapan Harga)           | Dalam Talian                          | 31 Mei - 2 Jun 2023    | 43                   |
| 3.                        | Kursus <i>Profitable Growth</i> (Pengiraan Kos & Penetapan Harga)           | Hotel Lexis Port Dickson, N. Sembilan | 23 - 25 Jun 2023       | 46                   |
| 4.                        | Kursus <i>Building Story Brand via Online</i> (Creative Media For Business) | Hotel Tamu, Kuala Lumpur              | 8 & 9 Julai 2023       | 41                   |
| 5.                        | Kursus <i>Access To Retail</i> (Product Development)                        | Hotel LaCrista, Melaka                | 28 - 30 Julai 2023     | 46                   |
| 6.                        | Kursus <i>Access To Retail</i> (Placement in Retail Malaysia)               | Hotel RAIA, Alor Setar, Kedah         | 18 - 20 Ogos 2023      | 43                   |
| 7.                        | Kursus <i>Access To Retail</i> (Sustaining Market Share)                    | Hotel Swiss-Bel Kuantan, Pahang       | 15 - 17 September 2023 | 41                   |
| 8.                        | Kursus <i>Profitable Growth</i> (Pengurusan Pendorongan)                    | Dalam Talian                          | 11 - 13 Oktober 2023   | 48                   |
| 9.                        | Kursus <i>Product Branding For Business</i> (Siri I)                        | Dalam Talian                          | 25 - 26 Oktober 2023   | 42                   |
| 10.                       | Seminar <i>Let's Get Started With</i> KPND (Siri II)                        | Dewan Serbaguna, KPND Putrajaya       | 2 November 2023        | 47                   |
| 11.                       | Kursus <i>Product Branding For Business</i> (Siri II)                       | Hotel Tamu, Kuala Lumpur              | 11 - 12 November 2023  | 41                   |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |   |                                       |                        | <b>525</b>           |



## ii) Padanan Perniagaan

Mempertemukan usahawan dengan pihak pasar raya tempatan dan asing bagi membantu meningkatkan peluang barangan tempatan menembusi pasaran (pasar raya/*market place*)

**5 siri** program telah diadakan pada tahun 2023 dengan penglibatan daripada pemain industri yang terdiri daripada pasaraya besar, pasar raya dan kedai serbaneka di stesen minyak.

### LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM PADANAN PERNIAGAAN BAGI TAHUN 2023

| Bil. | Lokasi                             | Tarikh            | Jumlah Penyertaan | Pemain Industri   |
|------|------------------------------------|-------------------|-------------------|---|
| 1.   | Dewan Serbaguna KPDN, WP Putrajaya | 23 Mei 2023       | 53                | <ul style="list-style-type: none"> <li>• TF Value Mart Sdn Bhd</li> <li>• The Store Corporation Sdn Bhd</li> <li>• Lotus's Store (Malaysia) Sdn Bhd</li> <li>• GCH Retail Malaysia Sdn Bhd</li> <li>• Shopee</li> <li>• Mesra Retail &amp; Café Sdn Bhd</li> <li>• Lulu Group Retail Sdn Bhd</li> <li>• FT Food PLT</li> <li>• Tunas Manja Group</li> </ul> |
| 2.   | Hotel La Crista, Melaka            | 30 Julai 2023     | 44                | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pasaraya Maslee</li> <li>• Lulu Group Retail Sdn. Bhd.</li> <li>• Segi Fresh</li> <li>• Mydin</li> <li>• Mesra Retail &amp; Café Sdn. Bhd.</li> <li>• TF Value Mart</li> <li>• Tunas Manja Group</li> </ul>  |
| 3.   | Hotel RAlA, Kedah                  | 20 Ogos 2023      | 40                | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lulu Group Retail Sdn. Bhd.</li> <li>• Mydin</li> <li>• Mesra Retail &amp; Café Sdn. Bhd.</li> <li>• The Store Corporation Sdn. Bhd.</li> <li>• Econsave</li> <li>• Segi Fresh</li> <li>• TF Value Mart</li> </ul>   |
| 4.   | Swiss-Bel Hotel Kuantan, Pahang    | 17 September 2023 | 27                | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lulu Group Retail Sdn. Bhd.</li> <li>• Mydin</li> <li>• Mesra Retail &amp; Café Sdn. Bhd.</li> <li>• Econsave</li> <li>• Segi Fresh</li> <li>• Tf Value Mart</li> <li>• The Store Corporation Sdn. Bhd.</li> <li>• Tunas Manja Group</li> <li>• GCH Retail Malaysia Sdn. Bhd.</li> </ul>                           |

| Bil. | Lokasi                      | Tarikh                     | Jumlah Penyertaan | Pemain Industri   |
|------|-----------------------------|----------------------------|-------------------|---|
| 5.   | IOI City Mall, WP Putrajaya | 14 -16<br>Disember<br>2023 | 72                | <ul style="list-style-type: none"> <li>Lotus's Store (Malaysia) Sdn Bhd</li> <li>Lulu Hypermarket</li> <li>TF Value Mart Sdn. Bhd.</li> <li>Mesra Petronas</li> <li>GCH Retail Malaysia Sdn. Bhd.</li> <li>Segi Fresh</li> <li>Mydin</li> <li>Aeon Co (M) Sdn. Bhd.</li> <li>Aeon Big (M) Sdn. Bhd.</li> <li>ST Rosyam Mart Sdn. Bhd.</li> <li>Econsave</li> <li>The Store Corporation Sdn. Bhd.</li> </ul> |

### PENANDAAN LOGO BUATAN MALAYSIA

Memartabatkan produk tempatan melalui pengiktirafan dan penarafan produk dengan penandaan Logo Barangan Malaysia, disamping menanamkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat agar mengutamakan produk tempatan.

### PERMOHONAN UNTUK PENANDAAN LOGO BUATAN MALAYSIA TAHUN 2023



Jumlah Permohonan  
(Syarikat)

378



Jumlah  
SKU yang dipohon

3,647



Jumlah  
SKU yang diluluskan

3,351

\*sehingga 31 Disember 2023

## Bahagian Pembangunan Francais Dan Jualan Langsung (BPFJL)

Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL) merupakan salah satu bahagian di bawah Sektor Perdagangan Pengeedaran dan Perniagaan. Bahagian ini telah ditubuhkan pada tahun 2020 dan antara fungsi bahagian ini adalah:

- merancang dasar dan pengembangan Industri Francais dan Jualan Langsung di peringkat domestik dan antarabangsa;
- menguatkuasa peruntukan Akta Francais 1998 [Akta 590] dan mengawalselia industri jualan langsung termasuk pelesenan yang tertakluk di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 [Akta 500];
- meningkatkan sumbangan industri francais dan jualan langsung; dan
- menyampaikan dan menyebarkan luas advokasi untuk kesedaran awam berkaitan industri Jualan Langsung di Malaysia.

### PENCAPAIAN UTAMA 2023

#### **BENGGEL PEMURNIAN DASAR FRANCAIS NEGARA 2030**

**Memurnikan Dasar Francais Negara 2030 (DFN 2030) sebagai dokumen strategik untuk mengemudi hala tuju pembangunan industri francais yang terancang dan tersusun serta dapat meningkatkan keupayaan serta daya saing industri seterusnya menyumbang kepada sosioekonomi negara.**

Bengkel Pemurnian Dasar Francais Negara 2030 (DFN 2030) telah diadakan pada 14 hingga 16 September 2023 di Pulau Pinang melibatkan kehadiran pegawai-pegawai dari BPFJL, wakil-wakil Bahagian dari KPDN, Persatuan Francais Malaysia (MFA), Perbadanan Nasional Berhad (Pernas), pemain-pemain industri serta penceramah (pembimbing) yang mempunyai kepakaran dalam penyediaan pelan strategik. Bengkel ini mensasarkan penambahbaikan visi, misi dan teras strategik, memurnikan pelan tindakan beserta indikator dan sasaran pencapaian di samping menyelaraskan DFN 2030 dengan ekonomi pasca pandemik dan dasar-dasar terkini Kerajaan. Hasil dapatan bengkel ini menjadi asas kepada penyediaan draf akhir DFN 2030 sebelum ia dimuktamadkan.





### SESI TOWN HALL DASAR FRANCAIS NEGARA (DFN) 2030

**Merumuskan DFN 2030 bersama pemegang taruh industri francais dan meningkatkan serta memudahcara kesalinghubungan KPND dengan pemain industri untuk merealisasikan potensi perdagangan francais dalam negeri dan antarabangsa.**

Sesi *Town Hall* DFN 2030 telah diadakan pada 11 Disember 2023 melibatkan 200 pemain industri francais yang terdiri daripada wakil francaisor, francais, dewan perniagaan dan agensi awam berkaitan. Sesi libat urus ini dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas semua pihak berkepentingan terhadap draf DFN 2030. Ia merupakan susulan kepada pelbagai siri bengkel dan seminar yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi memastikan penggubalan sebuah dasar yang berupaya untuk memandu hala tuju pemerksaan industri francais negara. Sesi ini juga merupakan sesi *touchpoint* terakhir bersama semua pihak berkepentingan industri sebelum Dasar ini dimuktamadkan seterusnya dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan. Sesi ini disempurnakan oleh YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri PDN yang turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha KPND, YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar.



### JELAJAH DAYA NIAGA FRANCAIS ZON UTARA

**Memberi pendedahan tentang sistem-sistem perniagaan francais yang telah wujud serta pakej-pakej latihan dan pembiayaan yang disediakan oleh Kerajaan kepada bakal usahawan francais.**

Program Jelajah Daya Niaga Francais adalah siri pameran melibatkan penyertaan syarikat francais bagi mempromosikan perniagaan mereka kepada orang ramai yang berminat untuk menjadi usahawan dan kumpulan peniaga yang ingin mengembangkan perniagaan kepada konsep francais. Penyertaan dalam program ini melibatkan francaisor dan francais induk iaitu individu dan syarikat yang memegang hak perniagaan francais di bawah tanda dagangan atau nama dagang mereka di Malaysia. Melalui program ini juga, bakal-bakal usahawan didedahkan dengan sistem perniagaan francais, serta pelbagai latihan dan pembiayaan yang disediakan oleh Kerajaan. Menerusi program-program ini, kesedaran kepada masyarakat berhubung potensi perniagaan francais dapat diketengahkan dari semasa ke semasa agar perniagaan francais Malaysia dapat berkembang seterusnya menyumbang kepada usaha-usaha Kerajaan dalam memulih dan mengukuhkan ekonomi negara.



### Aktiviti dan Pencapaian dari Januari 2023 hingga Disember 2023

| Program   | Tarikh          | Tempat                               | Penyertaan                                | Perasmi | Pencapaian  |
|---|-----------------|--------------------------------------|---|---------|---|
| Jelajah Daya Niaga Francais, Zon Utara di Negeri Perlis | 9 – 11 Mei 2023 | Dataran Hotel Putra Brasmana, Perlis | 12 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM) | YBTM    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• 20 potensi francaisi telah mendapatkan khidmat nasihat;</li> <li>• Nilai potensi pelaburan – RM7.5 juta</li> </ul> |

### MISI PENGEMBANGAN PERDAGANGAN FRANCAIS

#### Mempromosikan jenama francais tempatan ke pasaran antarabangsa.

Program Misi Perdagangan dan Promosi ini adalah di bawah Program Pengukuhan Francais bagi Meningkatkan Eksport (EFDP) yang dilaksanakan dengan kerjasama pihak *Malaysian Franchise Association* (MFA). Objektif utama Misi Khas Perniagaan ini adalah bagi mempromosikan jenama francais tempatan ke pasaran antarabangsa dengan fokusnya adalah untuk membawa jenama francais tempatan yang bertaraf antarabangsa menembusi pasaran negara-negara luar.

| Program  | Tarikh           | Tempat                 | Penyertaan  | Ketua Delegasi/ Perasmi | Pencapaian  |
|--|------------------|------------------------|---|-------------------------|---|
| <i>Franchising &amp; Business Opportunities Expo 2023</i> (FBOE2023)                                 | 2-7 Mei 2023     | Melbourne, Australia   | 8 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM)  | YBM                     | Bilangan prospek: 82<br>Unjuran potensi pelaburan: RM32,600,000     |
| <i>Franchise International Malaysia 2023</i> (FIM2023)   | 18-20 Mei 2023   | Kuala Lumpur, Malaysia | 60 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM) dan 24 syarikat jenama francais asing | TPM                     | Bilangan prospek: 1,510<br>Unjuran potensi pelaburan: RM540,000,000 |
| <i>Thailand Franchise Business Opportunity 2023</i> (TFBO2023)                                       | 13-16 Julai 2023 | Bangkok, Thailand      | 10 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM)                                       | KSU                     | Bilangan prospek: 113<br>Unjuran potensi pelaburan: RM20,200,000    |
| <i>International Franchise, License &amp; Business Concept Expo &amp; Conference 2023</i> (IFRA2023) | 25-27 Ogos 2023  | Tangerang, Indonesia   | 12 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM)                                       | KSU                     | Bilangan prospek: 261<br>Unjuran potensi pelaburan: RM98,400,000    |



| Program  | Tarikh               | Tempat               | Penyertaan                               | Ketua Delegasi/ Perasmii | Pencapaian   |
|--|----------------------|----------------------|--|--------------------------|--|
| <i>Specialized Business Mission</i>  | 19-24 September 2023 | Bengaluru, India     | 7 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM) | YBTM                     | Bilangan prospek: 52<br>Unjuran potensi pelaburan: RM31,700,000  |
| <i>Be My Franchise (BMF2023)</i>   | 26-29 Oktober 2023   | Istanbul, Turkiye    | 7 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM) | YBTM                     | Bilangan prospek: 113<br>Unjuran potensi pelaburan: RM48,900,000 |
| <i>Vietnam International Retailtech &amp; Franchise Show 2023 (VIETRF2023)</i> | 2-4 November 2023    | Ho Chi Minh, Vietnam | 9 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM) | PK (SCOLP)               | Bilangan prospek: 159<br>Unjuran potensi pelaburan: RM69,700,000 |
| <i>Specialized Business Mission</i>  | 3-6 Disember 2023    | Phnom Penh, Kemboja  | 6 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM) | PK (SDTP)                | Bilangan prospek: 17<br>Unjuran potensi pelaburan: RM20,000,000  |

Antara pencapaian utama industri francais di Malaysia pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

- I. sebanyak 179 sijil pendaftaran francais telah dikeluarkan;
- II. sesi penyerahan sijil pendaftaran francais telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 18 Mei 2023 dan 06 Oktober 2023;
- III. jumlah Syarikat francais yang aktif dan menghantar Laporan Tahunan Perniagaan Francais yang sah sehingga 31 Disember 2023 adalah sebanyak 200 syarikat; dan
- IV. nilai jualan industri francais bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM36 billion.

### MAJLIS PENYAMPAIAN GERAN KAJIAN, PEMBANGUNAN, DAN/ ATAU PENGKOMERSILAN (R&D&C) PROGRAM KHAZANAH ALAM INDUSTRI JUALAN LANGSUNG SERTA PENYERAHAN LESEN JUALAN LANGSUNG

Inisiatif Geran R&D&C untuk membantu pengembangan syarikat jualan langsung yang mengeluarkan dan memasarkan produk tempatan berasaskan sumber alam semula jadi manakala lesen jualan langsung merupakan mekanisme penguatkuasaan sepertimana peruntukan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 termasuk garis panduan, peraturan dan syarat lesen yang berkuatkuasa.

Majlis Penyampaian Geran R&D&C serta Penyerahan Lesen Jualan Langsung telah diadakan pada 29 Mac 2023 di KPND Putrajaya melibatkan penyampaian geran kepada 8 syarikat jualan langsung dan 1 badan berkanun. Manakala, penyerahan lesen jualan langsung melibatkan 14 syarikat menerima lesen baharu serta 54 syarikat menerima lesen pembaharuan. Majlis disempurnakan oleh YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub, Mantan Menteri PDN yang turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha KPND, YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof. Inisiatif pemberian Geran R&D&C ini bertujuan untuk memperkembangkan perniagaan jualan langsung khususnya kepada syarikat jualan langsung yang mengeluarkan dan memasarkan produk tempatan berasaskan sumber alam semula jadi serta membantu syarikat mengkomersilkan produk jualan langsung. Inisiatif ini bertujuan dapat meningkat dan memajukan industri jualan langsung serta memberi nilai tambah kepada produk-produk khazanah alam tempatan.



#### Senarai Penerima Geran Kajian, Pembangunan, dan/ atau Pengkomersilan (R&D&C) Program Khazanah Alam Industri Jualan Langsung

| Bil. | Syarikat (Penerima Geran)           | Tajuk Cadangan/ Ringkasan Projek R&D&C  | Nilai Kelulusan Geran (RM) |
|------|-------------------------------------|---|----------------------------|
| 1.   | <b>Cadware Pioneer Sdn. Bhd.</b>    | Pembangunan produk makanan tambahan berasaskan Cendawan Susu Harimau.   | 190 ribu                   |
| 2.   | <b>CNI Enterprise (M) Sdn. Bhd.</b> | Pembangunan produk Permata Suri yang berasaskan bahan herba asli seperti <i>Mirika Tenga</i> , Jati Malaya, Kacip Fatimah, Nigella Sativa, Sireh dan beberapa bahan herba lain. | 300 ribu                   |
| 3.   | <b>DXN Marketing Sdn. Bhd.</b>      | Pembangunan produk minuman enzim (gabungan enzim halia dengan <i>cordyceps</i> (fungus) dan nanas.  | 255 ribu                   |
| 4.   | <b>PHHP Marketing (M) Sdn. Bhd.</b> | Pembangunan produk antioksidan berasaskan ekstrak Jambu Merah atau <i>Butterfly Pea Flower</i> atau <i>Mixed Berries</i> .  | 255 ribu                   |
| 5.   | <b>Elken Sdn. Bhd.</b>              | Cadangan R&D&C Galactagogue (milk booster) untuk ibu menyusui dengan penggunaan herba dan sumber asli tempatan seperti Halia, Kunyit, Halba dan Cekur Manis.                    | 300 ribu                   |
| 6.   | <b>MAYI Infinity Sdn. Bhd.</b>      | Pembangunan produk anti serangga (kumbang – Weevils) berasaskan penggunaan herba dan organik.   | 285 ribu                   |



| Bil.  | Syarikat<br>(Penerima Geran)           | Tajuk Cadangan/<br>Ringkasan Projek R&D&C  | Nilai Kelulusan<br>Geran (RM) |
|---|--|--|-------------------------------|
| 7.  | <b>Melilea (M) Sdn. Bhd.</b>           | Pembangunan produk feminim berasaskan Kacip Fatimah dan cucian kebersihan berasaskan <i>Tea Tree</i> . | 260 ribu                      |
| 8.  | <b>Gamat Emas Sdn. Bhd.</b>            | Pembangunan produk Gamat sebagai makanan tambahan kesihatan dalam bentuk serbuk.                       | 300 ribu                      |
| 9.  | <b>Universiti Putra Malaysia (UPM)</b> | Pembelian peralatan <i>Freeze Dryer</i> .  | 400 ribu                      |
| <b>Nilai Keseluruhan Kelulusan Geran (RM)</b> |  |  | <b>2.545 juta</b>             |

### INISIATIF KERJASAMA DI ANTARA PERSATUAN JUALAN LANGSUNG DENGAN LAZADA MALAYSIA DALAM MEMASARKAN PRODUK JUALAN LANGSUNG DI PLATFORM ATAS TALIAN LAZADA

Inisiatif ini merupakan kolaborasi di antara persatuan jualan langsung iaitu *Direct Selling Association Malaysia (DSAM)* dan *Malaysian Direct Distribution Association (MDDA)* dengan pihak LAZADA yang telah bersetuju untuk bekerjasama dalam memastikan dan mengawal penjualan produk jualan langsung di platform dalam talian.

Hanya pengedar yang berdaftar dengan syarikat pemegang Lesen Jualan Langsung (pengedar) dengan surat kebenaran atau *Letter of Authorisation (LOA)* dari pihak syarikat pemegang Lesen Jualan Langsung (syarikat jualan langsung) sahaja dibenarkan untuk memasarkan produk jualan langsung di tapak pasar (platform) dalam talian iaitu LAZADA.

KPDN menyambut baik kolaborasi di antara DSAM dan MDDA dengan pihak LAZADA yang telah bersetuju untuk bekerjasama dalam memastikan dan mengawal penjualan produk jualan langsung di platform dalam talian. Oleh itu, melalui kerjasama ini, setiap pengedar perlu mempunyai LOA untuk melakukan sebarang bentuk penjualan produk jualan langsung di platform LAZADA.

KPDN turut berpandangan bahawa usaha dan kerjasama ini dijangka dapat mewujudkan landskap perniagaan yang adil dan harmoni dalam kalangan pemain industri jualan langsung, di samping meningkatkan keyakinan pengguna untuk membeli produk jualan langsung dalam talian. Ia juga sebagai usaha untuk mengekalkan kualiti dan ketulenan produk yang menyumbang kepada ekosistem dalam talian yang lebih selamat. Pihak syarikat jualan langsung juga adalah bertanggungjawab untuk memantau setiap aktiviti pemasaran yang dijalankan oleh pengedar masing-masing.

Justeru, Kementerian turut mengalu-alukan kolaborasi seumpama ini dapat dimeterai dengan lain-lain penyedia platform dalam talian pada masa akan datang kerana ia dijangka akan memberikan nilai tambah kepada perkembangan perdagangan dalam negeri khususnya dan ekonomi Malaysia amnya melalui industri jualan langsung.



## KONGRES JUALAN LANGSUNG SEDUNIA KE-17 DI DUBAI, EMIRIAH ARAB BERSATU

**Menggambarkan masa depan industri jualan langsung melalui ciptaan inovasi dan imaginasi yang kreatif agar kekal relevan di masa akan datang.**

KPDN pada tahun 2023 telah melaksanakan **inisiatif baharu** dalam mengetengahkan kepentingan industri jualan langsung sebagai salah satu sektor ekonomi yang penting serta berpotensi menyumbang kepada perkembangan dan peningkatan ekonomi Negara.

Justeru, **Kongres Jualan Langsung Sedunia Ke-17 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu** pada tahun 2023 ini merupakan peluang untuk Malaysia melihat sejauh mana industri jualan langsung telah berkembang di serata dunia. Objektif utama penganjuran kongres ini adalah seperti berikut:

- i. memastikan masa depan industri jualan langsung melalui ciptaan inovasi dan imaginasi yang kreatif agar kekal relevan di masa akan datang;
- ii. menghimpunkan eksekutif industri jualan langsung dan pihak berkepentingan utama dari seluruh dunia untuk bertukar maklumat, perkongsian ilmu, di samping meneroka peluang dan cabaran yang mampu memberi faedah dan manfaat berganda kepada semua pihak yang terlibat; dan
- iii. membincangkan mengenai teknologi baharu, perkembangan undang-undang dan kemahiran pengurusan strategi yang memberi kesan positif kepada pelbagai sektor perniagaan.

Kongres ini dihadiri oleh wakil daripada 60 negara seperti Amerika Syarikat, China, Korea Selatan, Indonesia, Jepun, India dan lain-lain negara. Dianggarkan seramai 1,000 pengunjung telah hadir ke kongres yang diadakan pada setiap tiga (3) tahun sekali.

Kongres yang dianjurkan oleh *World Federation of Direct Selling Assosiation* (WFDSA) sejak tahun 2004 ini merupakan persatuan jualan langsung antarabangsa yang berpangkalan di Amerika Syarikat dan berperanan untuk membantu dalam memperluaskan pemahaman serta sokongan terhadap industri jualan dalam membangun dan menjana ekonomi, di samping menyediakan peluang pekerjaan untuk menjana pendapatan.

WFDSA melalui *Direct Selling Association Malaysia* (DSAM), buat julung kalinya telah memanjangkan jemputan kepada delegasi KPDN selaku regulator kepada Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 [Akta 500] untuk hadir sebagai panel dan pewakilan ke Dubai. Penyertaan delegasi KPDN, khususnya kehadiran Pegawai Kanan Kementerian telah berjaya memberi gambaran dan impak positif kepada semua pemain industri jualan langsung dari serata dunia kerana sangat komited dalam mengawal selia industri jualan langsung dan memberi sokongan terhadap perdagangan dalam negeri.





### BENGGEL PEMURNIAN PROSES KERJA PERMOHONAN PELESENAN JUALAN LANGSUNG 2023

**Mengemaskini proses kerja semasa menepati kriteria *ease of doing business* dan sistem permohonan Lesen Jualan Langsung oleh pengguna akan ditambahbaik melalui *Business Licensing Electronic Support System* di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).**

**Bengkel Pemurnian Proses Kerja Permohonan Pelesenan Jualan Langsung** diadakan bertujuan untuk mengemaskini proses kerja semasa agar menepati kriteria *ease of doing business*, permohonan Lesen Jualan Langsung oleh pengguna akan ditambahbaik melalui *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS) di bawah KUSKOP, di mana pengemaskinian ini perlu dilaksanakan sebelum bulan Mac tahun 2024 kerana pembangunan sistem akan dimulakan segera dan berakhir pada penghujung tahun 2024.

Ia juga bertujuan untuk menambahbaik sistem penyampaian serta perkhidmatan pelesenan jualan langsung terhadap pengguna dan pemegang taruh industri jualan langsung, menyelaras semua pandangan dan hasil perbincangan bagi menyelesaikan isu-isu proses kerja semasa supaya dapat diselaraskan dengan lebih berkesan dan telus tertakluk dengan peruntukan perundangan yang berkuatkuasa, menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan aktiviti perniagaan jualan langsung yang beretika dan menyelaras pengurusan masa, kos dan sumber manusia secara optimum melibatkan pelesenan jualan langsung.

Antara pencapaian utama industri jualan langsung di Malaysia pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

- a) sebanyak 147 lesen jualan langsung telah dikeluarkan dan mendapat kutipan sebanyak RM215,000.00 (terimaan hasil sehingga 31 Disember 2023);
- b) sesi penyerahan Lesen Jualan Langsung telah diadakan sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 29 Mac 2023, 27 Jun 2023 dan 10 Oktober 2023;
- c) jumlah syarikat Jualan Langsung yang aktif dan mempunyai lesen AJL yang sah sehingga 31 Disember 2023 adalah sebanyak 400 syarikat;
- d) nilai jualan industri Jualan Langsung bagi tahun 2022 telah mencatatkan peningkatan sebanyak RM32 bilion berbanding nilai jualan berjumlah RM27 bilion pada tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 18.5%; dan
- e) industri Jualan Langsung di Malaysia telah berjaya mengekalkan kedudukan keenam (ke-6) di peringkat global (dunia) dan tangga keempat (ke-4) di peringkat Asia Pasifik melalui Laporan Jualan Peruncitan Jualan Langsung Global 2022.



# Sektor Barang Kawalan Dan Subsidi

## BAHAGIAN KAWAL SELIA PETROLEUM

**Sektor Barang kawalan dan Subsidi terdiri dari dua (2) Bahagian iaitu:**

**i. Bahagian Kawal Selia Petroleum:**

Bahagian ini berfungsi mengawalselia permohonan bagi kebenaran untuk memulakan atau meneruskan apa-apa jua urusan memasar atau mengedar bahan petroleum atau keluaran petroleum.

**ii. Bahagian Subsidi dan Bekalan:**

Bahagian ini ditubuhkan untuk mengawal selia Pelesenan Barang-Barang Kawalan Berjadual (Pelesenan CSA); Pengurusan Subsidi Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (*Cooking Oil Stabilisation Scheme - COSS*), Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan (PPHSSL) dan Pengurusan Kebenaran Import / Eksport Barang Kawalan bagi produk Gula, Tepung Gandum, Simen dan Topeng Muka.

### MESYUARAT KICK OFF ANJURAN BERSAMA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP BERKENAAN PELAKSANAAN PROJEK RINTIS FLEET CARD BAGI SEKTOR PENGANGKUTAN DARAT (BARANGAN) DI BAWAH SISTEM KAWALAN DIESEL BERSUBSIDI

Dirasmikan oleh **YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican** Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP)

 7 November 2023  Hotel Doubletree by Hilton, Kuala Lumpur

#### KEMENTERIAN TERLIBAT

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Pengangkutan (MOT), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

#### TUJUAN MESYUARAT

Pemakluman awal secara rasmi kepada industri dan juga syarikat minyak berkenaan Projek Rintis Sistem *Fleet Card* di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) yang dilaksanakan pada 2 Januari 2024 dan juga garis masa pelaksanaan SKDS 2.0 yang akan diperluaskan kepada industri pengangkutan secara keseluruhan bermula April 2024.

#### PERBINCANGAN/ISU YANG DIBANGKITKAN

Syarikat minyak memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:-

- i. Keperluan komunikasi strategik kepada industri dan orang awam;
- ii. Paparan tiga (3) *tiered pricing* di stesen minyak perlu perancangan lanjut; dan
- iii. Pelaporan penggunaan mengikut akaun dan kenderaan.

#### PANDANGAN KPDM

- i. Syarikat minyak boleh memulakan pemakluman kepada pengusaha;
- ii. Syarikat minyak perlu memastikan penambahbaikan sistem dan perkakasan untuk paparan tiga (3) harga di stesen minyak siap sebelum April 2024; dan
- iii. Pelaporan suku pertama 2024 untuk peringkat akaun. Bermula April 2024, syarikat minyak perlu melaporkan mengikut kenderaan.

**TINDAKAN SUSULAN YANG DIPERLUKAN OLEH KPDN**

KPDN merancang untuk melaksanakan sesi libat urus seperti berikut:

- i. Projek Rintis dilaksanakan pada suku tahun pertama 2024 bagi menguji ketersediaan sistem MySubsidi Diesel KPDN dan syarikat minyak;
- ii. Sesi libat urus bersama industri pengangkutan logistik akan diadakan sebelum April 2024; dan
- iii. Sesi libat urus bersama MOF, MOT, JPJ dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) akan diadakan sebelum April 2024.

**PROGRAM PENGEDARAN BARANG PERLU, LPG DAN COMMUNITY DRUMMING**

Memastikan ketersediaan bekalan dan harga yang seragam bagi tujuh (7) barangan di kawasan pedalaman.

a) Melibatkan tujuh (7) jenis barang keperluan iaitu:

- Beras putih;
- Gula putih bertapis kasar;
- Tepung gandum (NGP);
- Minyak masak sawit tulin (paket 1kg);
- Gas Petroleum Cecair (LPG);
- Petrol RON95 bersubsidi; dan
- Diesel bersubsidi

b) Melibatkan 6 negeri di seluruh Malaysia mengikut pecahan berikut:

- **SARAWAK**

Zon: 116

Kawasan Pengedaran: 573

Point of Sales (POS): 945

- **SABAH**

Zon: 69

Kawasan Pengedaran: 217

Point of Sales (POS): 654

- **PAHANG**

Zon: 4

Kawasan Pengedaran: 14

Point of Sales (POS): 52

- **TERENGGANU**

Zon: 3

Kawasan Pengedaran: 3

Point of Sales (POS): 11

- **KELANTAN**

Zon: 1

Kawasan Pengedaran: 15

Point of Sales (POS): 62

- **KEDAH**

Zon: 1

Kawasan Pengedaran: 1

Point of Sales (POS): 19



Tempoh kontrak adalah bermula 1 Mei 2023 – 30 April 2025

Sebanyak 1,179 POS telah dipantau bagi tempoh 1 Mei 2023 – 31 Disember 2023

- a) Dua *transporter* di Sabah telah ditamatkan kontrak melibatkan 5 zon disebabkan oleh ketidakakuran terhadap perjanjian.
- b) Satu *transporter* di Pahang telah dibatalkan Surat Setuju Terima melibatkan 1 zon susulan tiada sebarang penghantaran dibuat sejak dilantik pada Ogos 2023.



## BAHAGIAN SUBSIDI DAN BEKALAN

### PELAKSANAAN SISTEM ECROSS SELURUH MALAYSIA

Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS) adalah merupakan satu sistem pangkalan data berpusat bagi menguruskan permohonan dan kelulusan kuota minyak masak bersubsidi, tuntutan pembayaran subsidi minyak masak kepada pemegang kuota dan pemantauan bekalan serta pengedaran minyak masak bersubsidi daripada kilang penapisan hingga ke peringkat peruncitan di seluruh negara.

Sistem eCOSS telah *go live* secara rasmi mulai 1 Ogos 2022 dengan kemasukan pengguna sistem secara berfasa. Bermula 1 Ogos 2022, semua kilang penapis minyak masak, syarikat pembungkus, pemborong dan peruncit minyak masak telah diarahkan menggunakan sistem eCOSS secara berperingkat, bermula dengan fasa pertama di negeri Selangor dan WP Kuala Lumpur.

Sistem eCOSS mula digunakan secara sepenuhnya di seluruh Malaysia bermula 1 Januari 2023 oleh kilang penapis, syarikat pembungkus, pemborong dan peruncit yang mempunyai lesen barang kawalan (CSA) minyak masak. Modul yang mula digunapakai adalah modul pendaftaran syarikat dan modul jualan oleh kilang penapis dan syarikat pembungkus.









PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA

KAMI BERTINDAK

PENGURUSAN

KORPORAT

AGENSI



# Sektor Hal Ehwal Kos Sara Hidup Dan Penyelidikan (SCOLP)

Sektor Hal Ehwal Kos Sara Hidup dan Penyelidikan (SCOLP) adalah dipertanggungjawabkan untuk:

- Mengumpul, memantau, menganalisis dan melaporkan maklumat harga barangan negara;
- Menganalisis data dan maklumat berkaitan isu kos sara hidup;
- Menyelaras data raya Kementerian dan merumuskan dapatan daripadanya; dan
- Menyelaras dan menganalisis isu-isu kos sara hidup serta cadangan inisiatif menangannya.

Sektor ini terbahagi kepada tiga Bahagian iaitu:

1. Bahagian Harga Barangan Negara (BHBN);
2. Bahagian Analisis Ekonomi dan Data Strategik (BAED); dan
3. Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)

## BAHAGIAN HARGA BARANGAN NEGARA

Bahagian Harga Barangan Negara (BHBN) bertanggungjawab untuk melaksanakan **Program Pemantauan Harga**. Fungsi utama program ini adalah mengumpul, memantau, menganalisa dan melaporkan pergerakan harga runcit bagi 480 barangan untuk membantu Kerajaan merangka polisi, strategi dan tindakan dalam menstabilkan harga barangan melalui pangkalan data harga Kementerian.

### AKTIVITI UTAMA BHBN TAHUN 2023

#### I. PROGRAM PEMANTAUAN HARGA

Program Pemantauan Harga dilaksanakan di Kementerian sejak tahun 2008 untuk mewujudkan satu mekanisme pemantauan harga runcit dan pangkalan data harga. Program bertujuan bagi membantu menangani isu-isu kenaikan harga barangan keperluan pengguna supaya harga barangan adalah stabil di pasaran. Program Pemantauan Harga dilaksanakan oleh lebih 900 Pegawai Pemantau Harga (PPH) di seluruh negara dengan objektif utama hasil pelaksanaan program adalah seperti berikut:

- a. Merangka polisi dan strategi berkaitan harga terutama Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP);
- b. Menguatkuasakan antipencatutan lebih bersasar; dan

## c. Mendayaupaya pengguna.

Program Pemantauan Harga ini melibatkan **480 item keperluan pengguna terpilih** dengan perincian seperti berikut:

**(a) Program Pemantauan Harga**

| Jenis Pemantauan             | Bil. Item | Kekerapan/Hari | Bil. Premis |
|------------------------------|-----------|----------------|-------------|
| <i>Price Watch</i> Harian    | 186       | 350            |             |
| <i>Price Watch</i> Mingguan  | 220       | 52             | 1484        |
| <i>Price Watch</i> Bulanan   | 74        | 13             |             |
| Pemantauan Khas Minyak Masak | 39        | 350            | 1484        |

**(b) Bilangan Pelaporan Yang Dikeluarkan Setahun**

| Jenis Laporan                       | Nama Laporan                                     | Bil. Laporan                            | Stakeholder  |
|-------------------------------------|--|---|--|
| <b>RUTIN</b>                        | Laporan <i>Price Alert</i> Harian                | 347                                     | BPGK & Pengurusan Tertinggi Kementerian  |
|                                     | Laporan <i>Dashboard</i> Harian 10 Item Terpilih | 244                                     | Pengurusan Tertinggi Kementerian   |
|                                     | Laporan Minyak Masak Harian                      | 178                                     | SBKS   |
|                                     | Laporan <i>Price Alert</i> Mingguan              | 52                                      | BPGK & Pengurusan Tertinggi Kementerian  |
|                                     | Laporan Minyak Masak Mingguan                    | 52                                      | SBKS   |
|                                     | Laporan Bank Negara Mingguan                     | 52                                      | Jabatan Pengurusan Data & Statistik, Bank Negara Malaysia (BNM)  |
|                                     | Laporan <i>Price Alert</i> Bulanan               | 12                                      | BPGK & Pengurusan Tertinggi Kementerian  |
|                                     | Laporan <i>Price Alert</i> Tahunan               | 1                                       | BPGK & Pengurusan Tertinggi Kementerian  |
|                                     | Slaid Pembentangan Pasukan Kerja SHMMP           | 5                                       | BPGK   |
|                                     | Laporan Beras Harian                             | 100                                     | BPGK   |
| Laporan Kedudukan Harga Ayam Harian | 53<br>(bermula Nov 2023)                         | BPGK & Pengurusan Tertinggi Kementerian |  |
| <b>ADHOC</b>                        | Berdasarkan Permohonan dari <i>Stakeholder</i>   | Melebihi                                | <b>Bahagian Dalaman/Agensi Kementerian:</b><br>BPGK, BAED, UKK, SBKS, BDPSA, NACCOL, BGK dan MyCC.<br><br><b>Kementerian/Agensi Luar:</b><br>BNM (laporan dikeluarkan setiap minggu), DOSM (data mentah ditarik dari sistem MyHarga setiap hari untuk paparan di OpenDOSM), KPKM, LKIM, JPV, DOA, MOF, IPTA (UKM, UPM), BERNAMA TV, NST dan RTM. |
|                                     | Berdasarkan Isu Semasa                           | 200                                     |  |





Pemantauan harga barangan di *hypermarket*, *supermarket*, pasar basah, pasar mini dan kedai runcit di seluruh negara

## II. PROGRAM ADVOKASI APLIKASI *PRICECATCHER* DI SELURUH NEGARA

Aplikasi *PriceCatcher* dibangunkan mulai tahun 2017 bagi memaparkan harga runcit di premis terpilih yang dipantau oleh Kementerian agar pengguna boleh merancang perbelanjaan secara berhemah dan mendapatkan barangan keperluan pada harga yang berpatutan. Melalui aplikasi ini, pengguna dapat menyemak dan membandingkan harga bagi lebih 400 barangan yang merangkumi **barangan segar, barangan kering, barangan berbungkus/tin/pek/kotak/botol, susu dan barangan bayi, produk kebersihan dan minuman.**

Program advokasi aplikasi *PriceCatcher* ini giat dijalankan agar pengguna lebih bermaklumat terhadap harga terkini barangan di pasaran. Sepanjang tahun 2023, Kementerian telah melaksanakan lebih 300 program advokasi dengan pencapaian muat turun aplikasi berjumlah 352,202. Antara penglibatan advokasi *PriceCatcher* dalam program-program utama Kementerian adalah seperti Program Hari Pengguna Kebangsaan (HPK), Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM), Simposium Kos Sara Hidup (SCOL), Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (REDI), Program Jelajah Daya Niaga Francais dan lain-lain.



Reruai *PriceCatcher* di Program Kita Madani Aspirasi Malaysia pada 3 September 2023 di Pantai EcoPark Community Centre, WP Kuala Lumpur



PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA

KAMI BERTINDAK

PENGURUSAN

KORPORAT

AGENSI



Reruai *PriceCatcher* di Jelajah Mini Kempen Barangan Malaysia pada 15 hingga 17 September 2023 di *Imago Shopping Complex*, Kota Kinabalu, Sabah



Reruai *PriceCatcher* di Simposium Kos Sara Hidup (SCOL) pada 28 hingga 29 November 2023 di IOI Grand Exhibition & Centre, IOI City Mall, Putrajaya



Reruai *PriceCatcher* di Program Setahun Bersama Kerajaan Madani pada 8 hingga 10 Disember 2023 di Stadium Bukit Jalil, WP Kuala Lumpur



Reruai *PriceCatcher* di Karnival Barangan Malaysia (KBM) Peringkat Kebangsaan pada 13 hingga 17 Disember 2023 di IOI Grand Exhibition & Centre, IOI City Mall, Putrajaya

## BAHAGIAN ANALISIS EKONOMI DAN DATA STRATEGIK

Bahagian Analisis Ekonomi dan Data Strategik (BAED) dipertanggungjawabkan untuk pembangunan data raya serta pengurusan data-data Kementerian selaras dengan hasrat menjadi Kementerian yang menggunakan pendekatan berpandukan data dalam membuat keputusan (*data driven approach*). Selain itu, Bahagian ini juga dipertanggungjawabkan sebagai urus setia tetap bagi Mesyuarat Kerjasama Strategik antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPND) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS).

### PENCAPAIAN UTAMA BAED TAHUN 2023

#### I. MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL BEKALAN DAN HARGA MAKANAN

Mesyuarat Jawatankuasa ini diadakan susulan arahan YBhg. Ketua Setiausaha supaya isu-isu berkaitan bekalan dan harga makanan diteliti bagi mengenal pasti punca sebenar ketidakstabilan harga dan bekalan makanan yang menimbulkan keresahan pengguna atau dijangka akan disensasikan oleh pihak media. Syor serta pelaporan hasil mesyuarat disediakan untuk membantu Kementerian membuat persediaan awal dan melaksanakan tindakan yang sewajarnya bagi menangani isu-isu tersebut. Perincian lanjut mengenai mesyuarat adalah seperti berikut:

#### Pengerusi

YBrs. Pengarah Kanan Sektor Hal Ehwal Kos Sara Hidup dan Penyelidikan (SCOLP)

#### Ahli Mesyuarat

- i. Bahagian Harga Barangan Negara (BHBN);
- ii. Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL);
- iii. Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK);
- iv. Bahagian Penguatkuasa (BPGK); dan
- v. Unit Komunikasi Korporat (UKK).

#### Mod Mesyuarat

Secara atas talian

#### Kekerapan

Sekurang-kurangnya tiga (3) minggu sekali atau berdasarkan keperluan

#### Urus Setia

Bahagian Analisis Ekonomi dan Data Strategik (BAED)

#### Bilangan Mesyuarat tahun 2023

Dua belas (12)

## II. SESI PERTEMUAN ANTARA KPDN DAN WORLD BANK GROUP (WBG)

9 Mei 2023 📍 Bilik Mesyuarat Orkid, Aras 9 (Menara)

### Penglibatan

**Delegasi KPDN:** Pengarah Kanan SCOLP, NACCOL, BAED, BHB, BPGK dan PTTK YBM.

**Delegasi WBG:** Puan Shakira Teh Sharifuddin, Ms. Tan Mei Ling, Puan Alyssa Farha binti Jasmin, dan Dr. Tobias Pfütze (Secara Atas Talian)

### Intipati Utama Perbincangan

- Mekanisme survei dan penggunaan data oleh pihak WBG dalam penghasilan penerbitan atau kajian;
- Hubung kait antara pertumbuhan gaji yang merupakan indikator bagi mengukur tahap kualiti perkerjaan dan kerancakan/perkembangan sektor swasta dengan harga barangan dan perkhidmatan kepada pengguna;
- Pembangunan sektor perdagangan dan pengedaran di Malaysia; dan
- Pelaksanaan rasionalisasi subsidi secara berperingkat bagi mengurangkan kesan inflasi kepada pengguna dan perniagaan.



## III. BENGKEL PENGURUSAN DATA STRATEGIK KPDN

5-7 Oktober 2023 📍 The Light Hotel, Pulau Pinang

### Penglibatan

25 Orang Pegawai Pengurusan Data Dari Setiap Bahagian di KPDN.

### Pengisian Bengkel

- Membincangkan dan menyelaraskan semula tatakelola perkongsian maklumat dari PPD berhubung Buku Statistik Utama KPDN;
- Mendapatkan maklumbalas dan pandangan dari bahagian/agensi terhadap Glosari Data KPDN yang telah dibangunkan oleh pihak BAED;
- Menerangkan tentang pelaksanaan Data Raya KPDN dan pembangunan *dashboard* Data Raya KPDN; dan
- Menerangkan tentang persediaan data dan *business case* bagi tujuan pembangunan *dashboard* Data Raya KPDN.



#### IV. MESYUARAT TADBIR URUS DATA KEMENTERIAN DAN PEMBANGUNAN DASHBOARD SISTEM DATA RAYA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

📅 13 Februari 2023 📍 Marina Putrajaya

##### Penglibatan

Pegawai Pengurusan Data (PPD) dari setiap bahagian/agensi serta wakil daripada pihak MAMPU.

##### Objektif Mesyuarat

- i. Memberi taklimat kepada pegawai pengurusan data bahagian berkenaan peranan dan tanggungjawab seperti berikut:
  - a) melaksanakan tugas-tugas tadbir urus data bahagian bagi tujuan pelaksanaan perkongsian data;
  - b) mengenal pasti keperluan dan sumber data; dan
  - c) menimbang dan meluluskan permohonan perkongsian data.
- ii. Mengadakan sesi *hands-on* pengemaskinian DTSA; dan
- iii. Mendapatkan maklum balas dan pandangan bahagian/agensi terhadap *dashboard* data raya yang akan dibangunkan.



#### V. KURSUS LATIHAN PERISIAN TABLEAU BASIC DAN TABLEAU INTERMEDIATE

📅 1-2 Ogos 2023; dan 8-9 Ogos 2023 📍 The Everly Hotel, Bangi Golf Resort

##### Penglibatan

10 Peserta Warga SCOLP

##### Pengisian Kursus

- i. Asas pengenalan Tableau (*basic features*);
- ii. *Data Prep and Visualization*;
- iii. *Data Transformation*;
- iv. Pembuatan *dashboard* dan *story*;
- v. *Calculation & parameter*;
- vi. *Level of Expression*;
- vii. *Data Analytics*;
- viii. *Map Analytics*;
- ix. *Relationship and dynamic design*;
- x. *Geospatial Mapping*; dan
- xi. *Advance Calculations*.





## SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA

Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) berperanan sebagai badan utama bagi menangani isu-isu dan cabaran berhubung kenaikan kos sara hidup yang memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat. Selain itu, Sekretariat ini bertujuan memperkukuh dan menyelaraskan pelaksanaan strategi-strategi dan pelan tindakan berkaitan isu sara hidup dengan berkesan melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu.

Sepanjang tahun 2023, Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara telah mengadakan beberapa mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Eksekutif dan Tertinggi. Rekod bilangan mesyuarat yang dilaksanakan dan melibatkan Sekretariat NACCOL adalah seperti berikut:

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara – bersidang sebanyak tiga (3) kali mesyuarat;
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara – bersidang sebanyak lima (5) kali mesyuarat; dan
- iii. Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara – bersidang sebanyak dua (2) kali mesyuarat.

**Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun 2023. Perkara ini telah menepati sasaran asal Sekretariat iaitu sebanyak dua (2) kali setahun. Mesyuarat ini telah bersidang selama empat (4) kali sejak YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Pengerusi Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara. Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara merupakan mesyuarat pertama YAB Perdana Menteri setelah memimpin Kerajaan Madani.

Keputusan-keputusan penting hasil daripada mesyuarat di dalam platform NACCOL:

- i. **Program Pemberdayaan Pemasaran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)**  
Sehingga 10 September 2023, sebanyak 2,147 program telah dilaksanakan di seluruh negara dan telah merekodkan nilai jualan berjumlah RM40.9 juta dengan penjimatan sebanyak RM12.1 juta;
- ii. **Dasar Subsidi dan Kawalan Harga Ayam dan Telur Ayam**  
Kementerian meneruskan Penentuan Harga Maksimum bagi Ayam dan Telur Ayam dengan menetapkan harga maksimum Ayam Standard pada RM9.40 sekilo dan



Urus setia  
**Sekretariat  
Majlis  
Tindakan Sara  
Hidup Negara**

**2 kali**  
**Mesyuarat Majlis Tindakan  
Sara Hidup Negara**  
Pengerusi: Perdana  
Menteri

**5 kali**  
**Mesyuarat Jawatankuasa  
Pemantauan Pelaksanaan  
Majlis Tindakan Sara  
Hidup Negara**  
Pengerusi: Timbalan  
Perdana Menteri I

**3 kali**  
**Mesyuarat Jawatankuasa  
Peringkat Eksekutif Majlis  
Tindakan Sara Hidup  
Negara**  
Pengerusi: Menteri  
Perdagangan Dalam Negeri  
Dan Kos Sara Hidup



## Keputusan-Keputusan Penting Mesyuarat

**1 Program Pemberdayaan Pemasaran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)**

**2 Dasar Subsidi dan Kawalan Harga Ayam dan Telur Ayam**

**3 Program Ekonomi Sempadan**

**4 Pelaksanaan Skim Simen RAHMAH**

**5 Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Sara Hidup Negara Di Bawah Mekanisme Imbalance Cost Pass-Through**

**6 Mekanisme Ketelusan Harga Ubat**

**7 Tarif Elektrik Di Semenanjung Bawah Mekanisme Imbalance Cost Pass Through Di Bawah Mekanisme Imbalance Cost Pass-Through**

Telur Ayam Gred A, B dan C yang telah berjalan sejak setahun yang lalu bagi memberikan kestabilan harga kepada kedua-dua komoditi penyumbang sumber protein utama penduduk Negara ini;

iii. **Program Ekonomi Sempadan**

Pelaksanaan Program Ekonomi Sempadan dijalankan secara rintis bermula 1 Februari sehingga April 2023. Kini terdapat dua (2) Stesen Minyak Tanpa Subsidi di Perlis (Padang Besar dan Wang Kelian). Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara Bil.1/2023 pada 13 April 2023 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bersetuju agar pelaksanaan Program Ekonomi Sempadan diperluaskan ke negeri - negeri bersempadan yang lain;

iv. **Pelaksanaan Skim Simen RAHMAH**

Pelaksanaan Skim Simen RAHMAH adalah untuk Pemajuan Perumahan Mampu Milik dengan kerjasama Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia (C&CA) dan pemaju swasta. Sejak 15 Mei 2023 hingga 7 September 2023, sebanyak 4 projek pemajuan perumahan mampu milik telah diluluskan dengan melibatkan sebanyak 305,142 kampit atau 15,000 tan simen bagi pembinaan sebanyak 1,206 unit rumah;

v. **Tarif Elektrik Di Semenanjung Di Bawah Mekanisme Imbalance Cost Pass-Through**

Pelaksanaan tarif elektrik di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through*. Rasionalisasi subsidi elektrik bagi pengguna domestik, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), industri dalam sektor pertanian serta beberapa industri terpilih lain terus diberikan sehingga Disember 2023 yang secara tidak langsung dapat mengawal harga barangan makanan yang dikenakan kepada pengguna;

vi. **Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Sara Hidup Negara**

Jawatankuasa ini bertujuan untuk memantau pelaksanaan program yang melibatkan kementerian tertentu kerana perbincangan mengenai kos sara hidup ini juga perlu melibatkan pengangkutan, pengeluaran dan hal berkaitan keperluan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah. Sebanyak lima (5) kali mesyuarat ini telah bersidang; dan

vii. **Mekanisme Ketelusan Harga Ubat**

Kerajaan juga prihatin terhadap kepentingan rakyat ke atas akses bekalan ubat yang lebih kompetitif harganya. Inisiatif supaya paparan harga ubat di peringkat runcit iaitu farmasi, klinik dan pusat perubatan akan dilaksanakan pada tahun 2024. Paparan ini adalah penting supaya pengguna mengetahui harga yang perlu dibayar dan mampu untuk membuat pilihan.



## SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA (NACCOL)

### AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA (NACCOL) TAHUN 2023

#### I. SESI LIBAT URUS MELIBATKAN SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA (NACCOL)

Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah terlibat di dalam beberapa siri sesi libat urus bagi membincangkan terutamanya mengenai isu kos sara hidup dan sekuriti makanan negara. Antara sesi libat urus yang melibatkan NACCOL adalah:

##### (i) Sesi Libat Urus YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Bersama Pemain Industri Peruncitan

Selaras dengan usaha untuk menangani isu kenaikan harga barang dan bekalan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah menganjurkan satu Sesi Libat Urus pada 4 Julai 2023 bersama dengan pemain-pemain Industri Peruncitan. Penganjuran Sesi Libat Urus ini adalah salah satu usaha Kementerian untuk membincangkan isu-isu kepenggunaan yang melibatkan pemain-pemain industri peruncitan dalam usaha Kementerian untuk menangani isu kenaikan kos sara hidup yang merupakan agenda nasional pada hari ini.

Antara yang terlibat adalah pemain industri sektor peruncitan seperti Lotus's Stores (Malaysia) Sdn. Bhd., Lulu Group Retail Sdn. Bhd., Mydin Mohamed Holdings Bhd., The Store Corporation Sdn. Bhd., *Malaysia Retailers Association* (MRA), *GCH Retail* (Malaysia) Sdn Bhd., *Econsave Cash & Carry* Sdn. Bhd., *Jaya Grocer* Sdn Bhd., persatuan pengguna, ahli akademik dan pengamal media mengenai isu yang berkenaan.

**(ii) Sesi Libat Urus Kos Sara Hidup Berkaitan Susu Formula Pesakit Kronik**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah menganjurkan satu Sesi Libat Urus pada 2 Jun 2023 berkaitan dengan Susu Bagi Pesakit Kronik, dan telah mengenal pasti beberapa cadangan dan isu berbangkit yang memerlukan pemerhatian dan tindakan kementerian yang berkaitan antaranya seperti berikut:

- a. Mekanisme bagi memastikan harga susu formula khas ini boleh dijadikan mampu milik;
- b. Faktor yang membuatkan harga susu formula khas tersebut mahal;
- c. Langkah proaktif KPDN dari segi kawalan dan penguatkuasaan;
- d. Peranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); dan
- e. Isu kos bagi susu formula khas di peringkat industri.

Antara kementerian dan pemain industri yang terlibat adalah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Abbot Laboratories (M) Sdn. Bhd., Nestle Products Sdn. Bhd., Nova Laboratories Sdn. Bhd., Mead Johnson dan Delfi Marketing Sdn. Bhd.

**Lain-lain sesi libat urus sepanjang Januari hingga Disember 2022**

|                            | Program  | Tarikh            |
|----------------------------|--|-------------------|
| <b>SESI LIBAT URUS</b>     | Sesi Libat Urus Bersama Yayasan Wakaf Malaysia: Intervensi Wakaf Dalam Menangani Kos Sara Hidup  | 22 Mac 2023       |
|                            | Sesi Libat Urus Kos Sara Hidup Berkaitan Kawalan Harga Ubat  | 11 September 2023 |
|                            | Sesi Libat Urus Bersama IPSOS mengenai Kajian Blueprint Sekuriti Makanan Negara  | 27 September 2023 |
| <b>PROGRAM BUAL BICARA</b> | Sesi Bual Bicara: Program <i>Outreach</i> Sara Hidup di Bawah Inisiatif Rintis Bantuan Tanpa Tunai Pelajar Tingkatan Enam STPM Aliran Agama Negeri Kelantan Bersama YB Timbalan Menteri KPDN | 27 Julai 2023     |
|                            | Program Penerapan Nilai – Nilai Murni Bual Bicara Maal Hijrah 1444H/2022M  | 16 Ogos 2023      |
|                            | Sesi Temubual bagi Penyelidikan SEAOFE Bersama NACCOL  | 12 September 2023 |
|                            | Wawancara Khas Bersama Utusan Malaysia dan Sinar Harian berkaitan Isu-Isu Kehidupan Rakyat   | 16 November 2023  |
|                            | Bual Bicara Selamat Pagi Malaysia: Simposium Kos Sara Hidup 2023   | 22 November 2023  |
|                            | Bual Bicara Agenda Awani: SCOL 2023 Menangani Kos Sara Hidup   | 27 November 2023  |
|                            | Bual Bicara Biz Malaysia: Kos Sara Hidup 2024  | 7 Disember 2023   |



## II. PELAKSANAAN BENGKEL OLEH SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA (NACCOL) TAHUN 2023

### (i) Makmal Kos Sara Hidup Di Bawah Agenda Advokasi Kepenggunaan Bagi Menangani Kos Sara Hidup Tahun 2023

Makmal ini telah diadakan pada 12 hingga 14 Januari 2023 di Melaka yang membincangkan cadangan pelaksanaan inisiatif *quick win* kos sara hidup yang perlu dimuktamadkan dalam tempoh 100 hari yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Kerjasama Strategik antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan Kementerian Ekonomi Bilangan 1 Tahun 2022. Ia dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan YB Menteri Ekonomi pada 22 Disember 2022. Cadangan inisiatif *quick win* kos sara hidup ini juga diangkat kepada Kerajaan untuk mendapatkan persetujuan Jemaah Menteri selaras dengan hasrat Kerajaan yang telah menetapkan bahawa menangani kos sara hidup adalah merupakan antara agenda nasional utama.

### (ii) Makmal Kos Sara Hidup: Subsidi Bersasar

Kerajaan telah memutuskan untuk merangka kaedah terbaik bagi pelaksanaan subsidi bersasar. Makmal Kos Sara Hidup: Subsidi Bersasar yang diadakan di Putrajaya pada 13 hingga 17 Februari 2023 ini bertujuan untuk mengenal pasti hala tuju pemberian bantuan Kerajaan (subsidi, bantuan tunai dan insentif) serta merangka dasar pelan tindakan subsidi bersasar. Hasil penemuan dan cadangan daripada Makmal ini akan diangkat kepada Kerajaan untuk pertimbangan. Antara agensi yang terlibat adalah Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Pejabat Laut, Petronas Dagangan Berhad (PETRONAS), FGV Holdings Berhad, Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan Malaysia Retailers Association (MRA).

### (iii) Bengkel Kumpulan Kerja Kluster Kebolehcapaian Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara

Bengkel bagi mendapatkan gambaran dan senario terkini mengenai tahap kebolehcapaian bekalan makanan negara di samping membincangkan mengenai strategi bagi menangani isu dan cabaran sekuriti makanan Negara telah diadakan pada 2 hingga 4 Mac 2023 bertempat di Kuala Lumpur dan bertujuan untuk membincangkan strategi-strategi yang bersesuaian untuk meningkatkan advokasi kepenggunaan berkenaan sekuriti makanan negara. Antara kementerian dan agensi yang terlibat adalah Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), World Bank Malaysia, Khazanah Research Institute (KRI), KPMG Malaysia dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).



#### **(iv) Bengkel Pembangunan Indikator Malaysia Cost of Living Profiling (MYCLIP) Siri 1 Di Bawah Agenda Kos Sara Hidup dan Kepenggunaan**

Satu bengkel telah diadakan pada 14 hingga 16 Ogos 2023 di Kuala Lumpur bagi membincangkan mengenai cadangan kerangka profiling kos sara hidup dan definisi kehidupan wajar sebagai panduan kepada pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU) yang akan digunakan bagi merancang dasar dan polisi secara bersasar dan berpacukan data. Mesyuarat ini melibatkan Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Social Wellbeing Research Center (SWRC) Universiti Malaya (UM), dan juga pakar dalam bidang kos sara hidup dan pembangunan indeks.



#### **(iii) Bengkel Kumpulan Kerja Kluster Kebolehcapaian Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara**

Bengkel bagi mendapatkan gambaran dan senario terkini mengenai tahap kebolehcapaian bekalan makanan negara di samping membincangkan mengenai strategi bagi menangani isu dan cabaran sekuriti makanan Negara telah diadakan pada 2 hingga 4 Mac 2023 bertempat di Kuala Lumpur dan bertujuan untuk membincangkan strategi-strategi yang bersesuaian untuk meningkatkan advokasi kepenggunaan berkenaan sekuriti makanan negara. Antara kementerian dan agensi yang terlibat adalah Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), World Bank Malaysia, Khazanah Research Institute (KRI), KPMG Malaysia dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

#### **(iv) Bengkel Pembangunan Indikator Malaysia Cost of Living Profiling (MYCLIP) Siri 1 Di Bawah Agenda Kos Sara Hidup dan Kepenggunaan**

Satu bengkel telah diadakan pada 14 hingga 16 Ogos 2023 di Kuala Lumpur bagi membincangkan mengenai cadangan kerangka profiling kos sara hidup dan definisi kehidupan wajar sebagai panduan kepada pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU) yang akan digunakan bagi merancang dasar dan polisi secara bersasar dan berpacukan data. Mesyuarat ini melibatkan Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Social Wellbeing Research Center (SWRC) Universiti Malaya (UM), dan juga pakar dalam bidang kos sara hidup dan pembangunan indeks.

### III. PELAKSANAAN PROGRAM OUTREACH SARA HIDUP DAN KEPENGGUNAAN BERSAMA ISI RUMAH B40

Program *Outreach* Sara Hidup dianjurkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bertujuan untuk mendekati isi rumah daripada golongan berpendapatan rendah B40 untuk membantu mengenal pasti isu-isu berkaitan kos sara hidup rakyat. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta untuk membantu meringankan beban isi rumah berpendapatan rendah B40 bagi mendapatkan barangan keperluan asas pada harga berpatutan. Selain itu, NACCOL juga berhasrat untuk memperkasakan penggunaan transaksi tanpa tunai melalui perkhidmatan e-dompot seperti GrabPay, ShopeePay, Touch 'n Go eWallet dan Boost. Di samping itu juga, program ini turut melibatkan rakan strategik seperti MyGrocer, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Perbadanan Harta Intelek (MyIPO), dan Yayasan Foodbank Malaysia (Foodbank), serta Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

NACCOL telah melaksanakan beberapa Program *Outreach* Sara Hidup di negeri-negeri terpilih seperti Sarawak, Sabah, Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan Labuan dan Kuala Lumpur, Kedah, Kelantan, Johor, Perlis, Pulau Pinang dan Terengganu. Sebanyak 5,520 orang penerima bagi bantuan barangan keperluan asas dan bantuan tanpa tunai *e-wallet* yang terdiri daripada isi rumah berpendapatan rendah B40 dan juga pelajar.



### IV. SIMPOSIUM KOS SARA HIDUP TAHUN 2023

Simposium Kos Sara Hidup Tahun 2023 (SCOL 2023) telah diadakan di IOI Grand Exhibition & Convention Centre, Putrajaya pada 28 hingga 29 November 2023. Simposium ini berlandaskan kepada konsep Malaysia MADANI, yang memfokuskan kepada kesejahteraan dimana ia merupakan platform utama untuk membincangkan isu kos sara hidup rakyat, terutamanya kenaikan kos barangan dan perkhidmatan. Ia juga membincangkan peranan pihak kerajaan, industri dan pengguna dalam menangani isu ini. Platform ini juga turut mengumpulkan pakar dalam pelbagai bidang antaranya bidang ekonomi, kewangan dan sosial bagi membincangkan masalah serta menawarkan penyelesaian berdasarkan isu perbincangan dan keperluan semasa. Simposium Kos Sara Hidup Tahun 2023 ini secara tidak langsung dapat meningkatkan advokasi terhadap pemakanan sihat, mendidik pengguna untuk berbelanja secara berhemah, meningkatkan inisiatif Kerajaan yang tidak berbentuk bantuan semata-mata dan perancangan kearah subsidi bersasar.



Simposium ini diisi dengan tiga (3) slot diskusi pada hari pertama dan tiga (3) slot diskusi pada hari berikutnya yang dikendalikan oleh moderator terpilih bersama ahli-ahli panel yang berpengalaman dalam bidang masing-masing. Seramai 720 orang peserta yang hadir dan melibatkan sembilan (9) Agensi dan Bahagian KPDN iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Harta Intelek (MYIPO), Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Bahagian Penguatkuasa (BPGK), Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK), Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL), Bahagian Harga Barangan Negara (BHBN), ProtectHealth Corporation dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Sepanjang tahun 2023, dalam memberi pendedahan dan mendidik masyarakat berkaitan isu kos sara hidup, YBrs. Tuan Mohamad Sanusi bin Abdul Karim selaku Pengarah Kanan Sektor Hal Ehwal Kos Sara Hidup dan Penyelidikan (SCOLP) telah terlibat dengan beberapa sesi temu bual tv dan radio seperti berikut:-

1. *Price Of Goods: What's Happening Now?* 15 Februari 2023 (Radio TraxxFM)
2. *Bicara Naratif – Aidilfitri Penuh Rahmah*, 10 April 2023 (Radio Televisyen Malaysia TV1 MyTV, RTM Klik)
3. *Selamat Pagi Malaysia - Simposium Kos Sara Hidup*, 22 November 2023 (Radio Televisyen Malaysia TV1, MyTV Saluran 123, RTM Klik)
4. *Agenda Awani – SCOL 2023: Menangani Kos Sara Hidup*, 27 November 2023 (Astro Awani saluran 501)



## Tribunal Rayuan Persaingan

Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) adalah badan separa kehakiman (*quasi-judicial*) yang mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk mendengar rayuan terhadap keputusan Suruhanjaya Persaingan berkaitan seksyen 35, 39 dan 40 Akta Persaingan 2010.

TRP telah menyambut ulang tahun ke-11 penubuhannya pada tahun 2023 dan sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 42 Notis Rayuan telah difailkan di TRP. Kesemua Notis Rayuan berkenaan telah pun diselesaikan yang mana bagi tahun 2023 sahaja melibatkan 6 Notis Rayuan berjaya diselesaikan iaitu dalam kes Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. (penyalahgunaan kuasa dominan), SAL Agencies Sdn. Bhd (perjanjian anti-persaingan penetapan harga) dan 4 Notis Rayuan melibatkan kontrak ASWARA (*bid rigging*).

### A. PENDENGARAN KES RAYUAN DI TRP

Sepanjang 2023, prosiding kes di TRP telah dijalankan secara *online* sepenuhnya. Pada tahun ini, TRP telah mendengar dan memutuskan 6 kes rayuan penuh iaitu Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. (penyalahgunaan kuasa dominan), SAL Agencies Sdn. Bhd (perjanjian anti-persaingan penetapan harga) dan 4 Notis Rayuan melibatkan kontrak ASWARA (*bid rigging*).



PROSIDING KES TRP SECARA ONLINE KES SAL AGENCIES SDN. BHD. v SURUHANJAYA PERSAINGAN (KEPUTUSAN)



PROSIDING KES TRP SECARA ONLINE KES CALIBER INTERCONNECTS SDN. BHD. & 3 YANG LAIN v SURUHANJAYA PERSAINGAN (RAYUAN PENUH)



PROSIDING KES TRP SECARA ONLINE KES DAGANG NET TECHNOLOGIES SDN. BHD. v SURUHANJAYA PERSAINGAN (RAYUAN PENUH)

## B. PENERBITAN BUKU “KOMPILASI KEPUTUSAN KES TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN”

Sehingga penghujung tahun 2023, terdapat tiga (3) Alasan Keputusan TRP telah dikeluarkan iaitu:

- a) SAL Agencies Sdn. Bhd. v Suruhanjaya Persaingan
- b) Caliber Interconnects Sdn. Bhd. & 3 Yang Lain v Suruhanjaya Persaingan
- c) Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. v Suruhanjaya Persaingan

TRP telah mencetak dan menerbitkan sebuah buku bertajuk “Kompilasi Keputusan Kes Tribunal Rayuan Persaingan” yang mengandungi kompilasi alasan-alasan keputusan kes rayuan yang dikeluarkan oleh TRP yang dikumpul dari tahun 2014 hingga suku ketiga 2023. Kompilasi ini dicadangkan untuk dikeluarkan pada hujung bulan Disember 2023 dan akan diterbitkan secara bersiri bergantung kepada alasan keputusan kes yang akan dikeluarkan.

## C. PROGRAM ADVOKASI TRP

TRP telah melaksanakan sebanyak sepuluh (10) Program Advokasi TRP sepanjang tahun 2023. Program Advokasi yang dijalankan melibatkan pelbagai pihak antaranya pihak industri, jabatan, agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi serta organisasi bukan kerajaan (NGO). Matlamat utama Program Advokasi TRP adalah untuk memberikan pendedahan berkenaan undang-undang persaingan di Malaysia dan menyebarkan maklumat berhubung penubuhan, struktur organisasi, fungsi dan bidang kuasa TRP serta tatacara pemfailan dan pendengaran kes-kes rayuan di TRP.



PROGRAM ADVOKASI TRP DI PERSATUAN USAHAWAN MAJU MALAYSIA (PUMM) SABAH PADA 7 JUN 2023



PROGRAM ADVOKASI TRP DI DEWAN PERNIAGAAN USAHAWAN (DPU) SABAH PADA 7 JUN 2023

PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA

KAMI BERTINDAK

PENGURUSAN

KORPORAT

AGENSI



PROGRAM ADVOKASI TRP DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) SABAH PADA 8 JUN 2023



PROGRAM ADVOKASI TRP DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) PADA 8 JUN 2023



PROGRAM ADVOKASI TRP DENGAN WARGA KPDN PUTRAJAYA PADA 16 JUN 2023



PROGRAM ADVOKASI TRP DI PERSATUAN USAHAWAN MAJU MALAYSIA (PUMM) PAHANG PADA 18 OGOS 2023



PROGRAM ADVOKASI TRP DI PERSATUAN KEUSAHAWANAN NEGERI MELAKA PADA 8 SEPTEMBER 2023



PROGRAM ADVOKASI TRP DI UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UNISZA) PADA 12 OKTOBER 2023



PROGRAM ADVOKASI TRP DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) RAUB, PAHANG PADA 24 OKTOBER 2023



PROGRAM ADVOKASI TRP DI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA) PADA 28 NOVEMBER 2023

#### D. LAWATAN KE ISTANA KEHAKIMAN, PUTRAJAYA

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan penerangan terperinci berkaitan pendigitalan perkhidmatan yang dilaksanakan di Mahkamah (sistem *e-Kehakiman*) bagi melihat sistem yang dibangunkan oleh Mahkamah serta sebagai kajian perbandingan dan amalan terbaik untuk sistem *e-CAT* yang akan dibangunkan di TRP. Pembentangan sistem *e-Kehakiman* telah disampaikan oleh wakil dari Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. Lawatan ini juga turut disertai oleh wakil dari Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dan bahagian penguatkuasaan KPDN. Lawatan ini secara keseluruhannya telah dapat memberikan input yang berguna dan bermanfaat kepada TRP dalam usaha untuk melaksanakan pendigitalan perkhidmatan TRP selaras dengan hala tuju Pendigitalan Perkhidmatan KPDN secara *End-to-End* dan *Big Data* menjelang 2024.



LAWATAN TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN  
KE ISTANA KEHAKIMAN PADA 7 MAC 2023

#### E. BENGKEL PENULISAN ALASAN KEPUTUSAN

Bengkel ini disampaikan oleh mantan Presiden TRP, YA Dato' Dr. Choo Kah Sing dan dihadiri oleh YA Presiden dan anggota-anggota TRP telah membincangkan berkenaan kaedah dan teknik penulisan alasan keputusan.

Bengkel ini memfokuskan tentang cara, kaedah dan teknik berkaitan dengan penulisan teks penghakiman atau alasan keputusan. Ia menjadi medium untuk anggota-anggota TRP menambah baik proses kerja dan perkhidmatan TRP serta dapat menghasilkan alasan keputusan yang berkualiti dan menzahirkan keadilan.

Secara keseluruhannya, bengkel yang diadakan ini telah berjaya mencapai matlamat yang dihasratkan iaitu untuk meningkatkan kefahaman anggota-anggota mengenai kaedah dan teknik penulisan alasan keputusan penghakiman sesuatu kes yang didengar di TRP.



BENGGEL PENULISAN ALASAN KEPUTUSAN DI HOTEL  
HILTON, KUALA LUMPUR PADA 11 NOVEMBER 2023



## F. MESYUARAT TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN

Mesyuarat TRP Bil. 1/2023 telah diadakan pada 24 Jun 2023 di Hotel Shangri-La Kuala Lumpur dan Mesyuarat TRP Bil. 2/2023 telah diadakan di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 10 November 2023. Kedua-dua Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YA Dr. Shahnaz binti Sulaiman, Presiden TRP dan dihadiri oleh anggota-anggota TRP. Mesyuarat ini merupakan suatu medium berkala pertemuan antara Presiden dan anggota-anggota TRP bagi sesi percambahan fikiran untuk membincangkan pelbagai isu dan hal-hal berkaitan pentadbiran dan penambahbaikan TRP.



MESYUARAT TRP BIL. 1/2023 DI HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR  
PADA 24 JUN 2023



MESYUARAT TRP BIL. 2/2023 DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR  
PADA 10 NOVEMBER 2023

## PENUTUP

Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2023, TRP telah berjaya mencapai objektif penubuhannya dan melaksanakan fungsi utamanya iaitu menjalankan proses pendengaran rayuan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta 712. Selain daripada itu, penyebaran dan perkongsian maklumat berkenaan TRP terus dijalankan dengan pelaksanaan program-program advokasi.









# **Pendayaupayaan Pengguna**

## Bahagian Gerakan Kepenggunaan

Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK) merupakan satu bahagian teras di kementerian yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti kesedaran kepenggunaan serta perlindungan pengguna dan terbahagi kepada 3 (tiga) peranan utama, iaitu Perlindungan Pengguna, Latihan dan juga Advokasi Kepenggunaan. Aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh BGK bertujuan meningkatkan kesedaran dan pendayupayaan pengguna melalui latihan dan pendidikan kepenggunaan serta penyediaan sumber maklumat yang berkaitan.

### AKTIVITI SEMPENA HARI PENGGUNA KEBANGSAAN (HPK) 2023

 Pembukaan kaunter pameran dan perkhidmatan KPDN

 Pertandingan Peringkat Kebangsaan seperti Choral Speaking, Sketsa, A Capella dan Cabaran Bakul Pengguna

 Consumer Fun Run dan Consumer Mall Hunt

 Aktiviti sampingan seperti kuiz kepenggunaan, bual bicara, eSports dan pertandingan mewarna

Program kepenggunaan yang dijalankan ini merangkumi pelbagai peringkat umur dan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat. Penglibatan pelajar sekolah dan universiti secara tidak langsung dapat membangunkan gerakan kepenggunaan yang lebih berkesan.

### AKTIVITI DAN PENCAPAIAN DARI JANUARI 2023 HINGGA DISEMBER 2023

#### 1) PROGRAM : HARI PENGGUNA KEBANGSAAN (HPK) 2023

Tema bagi sambutan HPK 2023 ialah **“Pengguna Berdaya, Negara Rahmah Sejahtera”** pada 28 hingga 30 Julai 2023 di Piazza, Pavilion Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Majlis Perasmian Penutup bagi HPK 2023 telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri. Objektif pelaksanaan HPK 2023 adalah bagi mempertingkatkan kesedaran tentang kepenggunaan kepada masyarakat dan mewujudkan pengguna yang bermaklumat, bijak dan bertanggungjawab.





## 2) PROGRAM : MAJLIS PERDANA GERAKAN PENGGUNA SISWA (MPGPS) 2023

MPGPS telah diadakan di Savanna Hill Resort, Ulu Tiram, Johor pada 13 – 15 Jun 2023 yang dirasmikan oleh YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri KPDN. MPGPS telah dihadiri seramai 200 orang peserta daripada 100 Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Objektif pelaksanaan MPGPS 2023 bertujuan untuk pelajar-pelajar IPT saling bekerjasama, bantu membantu dan berkongsi sumber dalam melaksanakan aktiviti dan mencapai matlamat yang telah dipersetujui bersama dalam hal-hal kepenggunaan.

MPGPS 2023 merangkumi program-program seperti berikut:

1. Sesi Bicara Santai bersama YBhg. Datin Roszanina binti Wahab, Timbalan Ketua Setiausaha Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan
2. Pertandingan Cabaran Intelektual Pengguna Gerakan Pengguna Siswa (CIPGPS) 2023
3. Sesi Perkongsian Ilmu bersama Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM)
4. Sesi Dialog YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri KPDN



## 3) PROGRAM : CABARAN INTERAKTIF PENGGUNA KELAB PENGGUNA SEKOLAH (CIP-KPS) 2023

Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah (CIP-KPS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 telah diadakan pada 20 hingga 22 Ogos 2023 bertempat di Eastwood Valley Golf and Country Club Miri, Sarawak. CIP-KPS telah dihadiri seramai 64 orang pelajar dan 16 orang guru daripada 16 buah sekolah.

Elemen *Human Governance* telah diterapkan di dalam program CIP-KPS 2023, antaranya:

1. Pendidikan kepenggunaan dalam aspek perlindungan pengguna, pengurusan kewangan berhemah, kelestarian alam sekitar dan pemakanan sihat;
2. Memupuk semangat kerja berpasukan, keyakinan diri yang tinggi dan sifat berdikari; dan
3. Kesedaran kepentingan hak sebagai pengguna dan menjadi ejen penggerak kepenggunaan kepada pengguna yang lain.

Antara pengisian CIP-KPS 2023 adalah:

1. Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah Peringkat Kebangsaan; dan
2. Sesi Bicara Santai bersama Timbalan Ketua Setiausaha (PPP) KPDN.



#### 4) PUSAT PENGURUSAN ADUAN PENGGUNA (PPAP)

KPND bertanggungjawab menyelaraskan isu-isu kepenggunaan yang dikuatkuasakan di bawah bidang kuasa kementerian ini serta memberi khidmat nasihat mengenai kementerian atau agensi kerajaan lain yang perlu dirujuk oleh pengadu sekiranya aduan di luar bidang kuasa kementerian. Pengurusan aduan pengguna diselaraskan melalui PPAP yang dilengkapi dengan petugas *call centre* yang mengendalikan aduan melalui talian hotline 1-800-886-800, sistem e-Aduan, e-mel, aplikasi *WhatsApp* dan pengadu yang hadir sendiri. KPND telah menerima sebanyak 43,347 aduan sepanjang tahun 2023 dan kadar penyelesaian aduan adalah pada kadar 98.14% iaitu sebanyak 42,539 aduan telah berjaya diselesaikan manakala 808 aduan masih dalam siasatan kerana melibatkan aduan yang memerlukan aktiviti risikan, pemeriksaan dan penyiasatan yang rapi.

# Bahagian Penyelidikan Dan Dasar Kepenggunaan

## POLISI DAN PELAKSANAAN DASAR

### MAJLIS PENASIHAT PENGGUNA NEGARA (MPPN)

MPPN ditubuhkan di bawah Seksyen 73, Akta Perlindungan Pengguna 1999 (APP 1999) berperanan sebagai penasihat kepada YB Menteri dan dianggotai oleh *stakeholders* daripada pelbagai sektor yang mewakili pengguna seperti persatuan pengguna, industri, media, ahli akademik dan agensi kerajaan.

### JAWATANKUASA PENGIKLANAN

Jawatankuasa Pengiklanan ditubuhkan di bawah Seksyen 84A Akta Perlindungan Pengguna 1999 (APP 1999) untuk memantau iklan-iklan palsu atau mengelirukan pengguna. Dengan adanya Jawatankuasa ini, tindakan proaktif untuk memantau iklan-iklan dapat diselaraskan dengan lebih berkesan antara agensi kerajaan yang mengawal selia pengiklanan serta NGO Kepenggunaan.

### DATA/STATISTIK: FAKTA MPPN

3 kali Mesyuarat seperti berikut:

- Bil. 1 Tahun 2023 : 7 April 2023
- Bil. 2 Tahun 2023 : 19 Jun 2023
- Bil. 3 Tahun 2023 : 1 Disember 2023

Fokus utama Jawatankuasa Pengiklanan untuk mengelakkan iklan palsu atau mengelirukan adalah melalui inisiatif seperti berikut:

- Peranan MCMC dalam Mengurus Isu Berkaitan Kandungan Dalam Talian
- Impak Pengiklanan Makanan dan Minuman Kurang Nutrisi melalui Televisyen kepada Kanak-Kanak
- Tingkah Laku Pemain Industri Terhadap Nilai Denda dan Kompaun berkaitan Pengiklanan
- Isu Pengiklanan Palsu atau Mengelirukan di Media Sosial dan Platform e-Dagang
- Projek Rintis Bersama Kerajaan Negeri Melaka berkaitan Iklan Palsu atau Mengelirukan pada Papan Iklan
- Garis Panduan Pengiklanan Dalam Talian

## Fakta Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN)



**2 Mesyuarat MPPN** pada 11 Julai 2023 dan 1 Disember 2023

## 6 Mesyuarat Focus Group Fokus Utama MPPN Tahun 2023

- Pemahaman fungsi dan peranan KPDN dalam perlindungan pengguna
- Sesi perkongsian informasi berkaitan *Market Review* oleh MyCC
- Isu bekalan gula dalam pasaran dan syor dalam menangani isu ini



## 2 kali Mesyuarat

iaitu:

- Mesyuarat ACCP ke 26 pada 15 hingga 17 Mei 2023
- Mesyuarat ACCP ke 27 pada 20 hingga 24 November 2023



## 8 Bengkel/ Webinar/ Persidangan



## 1 kerjasama teknikal

## ANTARABANGSA

### ASEAN COMMITTEE ON CONSUMER PROTECTION (ACCP) 2023 DAN PROGRAM ANTARABANGSA BERKAITAN KEPENGGUNAAN

ACCP merupakan inisiatif Malaysia melalui KPND bersama negara-negara ASEAN untuk bekerjasama dalam meningkatkan perlindungan pengguna di peringkat serantau.

#### DATA/STATISTIK: FAKTA MPPN

Keahlian ACCP terdiri daripada 10 buah negara anggota ASEAN iaitu Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. ACCP menjadi platform bagi negara anggota ASEAN berbincang dan bekerjasama untuk menangani isu-isu berkaitan perlindungan pengguna di rantau ASEAN.

Pencapaian program antarabangsa berkaitan kepenggunaan bagi tahun 2023 adalah:

- **Kerjasama Teknikal di bawah ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area Consumer Affairs Program (AANZFTA CAP) pada 26-27 Jun 2023**
  - Kerjasama dengan *Australian Competition and Consumer Commission (ACCC)* untuk menganjurkan Bengkel Kerjasama Teknikal di bawah *ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area Consumer Affairs Program (AANZFTA CAP)* di Malaysia untuk pegawai-pegawai KPND yang bertanggungjawab mengawal selia isu perlindungan pengguna.
- **Program AANZFTA CAP Scholars Program 2023 pada 13-24 Mac 2023**
  - Program ini telah diadakan dengan kerjasama ACCP dan ACCC di bawah AANZFTA CAP di Melbourne Law School, University of Melbourne, Australia. Program ini merangkumi kursus asas berkaitan perundangan dan penguatkuasaan perlindungan pengguna.
- **AANZFTA Consumer Protection Leaders Roundtable anjuran ACCC dan 30<sup>th</sup> International Consumer Protection Enforcement Network (ICPEN) Annual Event 2023, Sydney, Australia pada 8-12 Mei 2023**
  - Mesyuarat *roundtable* yang disertai oleh 3 orang pegawai KPND membincangkan mengenai kaedah kerjasama perlindungan pengguna serantau antara negara-negara ASEAN dan Australia di bawah AANZFTA CAP.
  - Forum yang membincangkan pelaksanaan penguatkuasaan perlindungan pengguna berkaitan isu-isu pengguna yang semakin mencabar pada masa kini.
- **Tokushima International Consumer Forum pada 31 Oktober 2023**
  - Forum yang di anjurkan oleh *Tokushima Prefectural Government*, Jepun bersama *Consumer Affairs Agency Japan*, pada 31 Oktober 2023 di Tokushima, Jepun. Malaysia, melalui KPND telah membentangkan berkenaan isu-isu perlindungan pengguna dalam talian yang dihadapi pada masa kini di Malaysia melalui tajuk '*Consumer Protection In The Digital Age: Present and Future*'.



- **Bengkel Anjuran ACCC dengan kerjasama ACCP di bawah AANZFTA CAP**
  - Sebanyak 3 siri bengkel pembangunan kapasiti telah diadakan oleh ACCC dengan kerjasama ACCP pada tahun 2023 untuk negara anggota ASEAN merangkumi topik seperti perlindungan pengguna dalam *e-commerce*, keselamatan barangan pengguna serta perkongsian amalan terbaik berkaitan kemampanan (*sustainability*) di peringkat ASEAN dan global



Peserta JICA Young Leader Program on Local Governance and Consumer Administration/ Education bersama delegasi Malaysia ke Tokushima International Consumer Forum



YBhg. Datin Roszanina bin Wahab, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan) bersama wakil Consumer Affairs Agency, Jepun semasa program Tokushima International Consumer Forum



Delegasi Malaysia ke Tokushima International Consumer Forum



Peserta AANZFTA CAP Scholars Program Tahun 2023 anjuran Australian Competition and Consumer Commission (ACCC) untuk negara anggota ASEAN yang diadakan di Melbourne Law School, University of Melbourne, Australia dari 13-24 Mac 2023.



Delegasi Malaysia bersama wakil negara anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN Committee on Consumer Protection (ACCP) dan wakil dari ACCC yang menghadiri AANZFTA Consumer Protection Leaders Roundtable Discussion dan International Consumer Protection Enforcement Network (ICPEN) Annual Event ke 30



Delegasi Malaysia yang diketuai oleh YBhg. Datin Roszanina binti Wahab, TKSU Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan, KPND di AANZFTA Consumer Protection Leaders Roundtable Discussion dan International Consumer Protection Enforcement Network (ICPEN) Annual Event ke 30



Majlis Perasmian Bengkel AANZFTA CAP Technical Cooperation Anjuran Australian Competition and Consumer Commission (ACCC) oleh YB Senator Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri KPND diiringi oleh YBhg. Datin Roszanina binti Wahab, TKSU Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan, KPND pada 26 Jun 2023 di Hotel Dorsett Putrajaya



YB Senator Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri KPND bersama wakil Australian Competition and Consumer Commission (ACCC) dan peserta Bengkel AANZFTA Cap Technical Cooperation pada 26 Jun 2023 di Hotel Dorsett Putrajaya



Bengkel AANZFTA Phase II E-Commerce Workshop yang diadakan selama 3 hari di Kuala Lumpur, Malaysia pada 21-23 Jun 2023 dihadiri oleh peserta dari KPND dan melibatkan wakil negara anggota ASEAN serta Sekretariat ASEAN Committee on Consumer Protection (ACCP) dengan kerjasama pihak Australian Competition and Consumer Commission (ACCC)

PERUTUSAN

MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUSAN TERTINGGI  
& PENGARAH

PENCAPAIAN KPDN 2023

PEMBANGUNAN PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI

Bengkel AANZFTA Phase III Sustainability Workshop anjuran Australian Competition And Consumer Commission (ACCC) yang diadakan selama 3 hari di Hanoi, Vietnam pada 23-25 Oktober 2023 dihadiri oleh peserta dari KPDN dan wakil negara anggota ASEAN



Tokushima International Consumer Forum yang dihadiri oleh YBhg. Datin Roszanina bin Wahab, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan) dan 2 pegawai KPDN di Tokushima Prefecture, Jepun pada 31 Oktober 2023



Mesyuarat ASEAN Committee on Consumer Protection (ACCP) ke-27 di Siem Reap, Cambodia dari 20 hingga 24 November 2023



Mesyuarat ASEAN Committee on Consumer Protection (ACCP) ke-27 di Siem Reap, Cambodia dari 20 hingga 24 November 2023



Mesyuarat ASEAN Committee on Consumer Protection (ACCP) ke-26 yang diadakan secara dalam talian dari 15 hingga 17 Mei 2023



Mesyuarat Jawatankuasa Pengiklanan Bil. 2 Tahun 2023 yang dipengerusikan oleh YBhg. Datin Roszanina binti Wahab



Mesyuarat Jawatankuasa Pengiklanan Bil. 2 Tahun 2023 yang dipengerusikan oleh YBhg. Datin Roszanina binti Wahab



Mesyuarat Jawatankuasa Pengiklanan Bil. 3 Tahun 2023 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Zakaria bin Shaaban



Bengkel Pembangunan Sistem bagi Projek Rintis bersama Kerajaan Negeri Melaka berkaitan Papan Iklan Palsu atau Mengelirukan



Majlis Amanat dan Penyerahan Watikah Pelantikan Anggota Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN) bagi sesi tahun 2023 hingga 2024 yang disampaikan oleh Allahyarham YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub, Mantan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada 12 Julai 2023 di Hotel Pullman Bangsar Kuala Lumpur



Sesi sembang santai dan penyampaian amanat oleh YB Senator Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri KPDN bersama Anggota MPPN pada 12 Julai 2023 di Hotel Pullman Bangsar Kuala Lumpur

## Bahagian Standard Kepenggunaan

### PROGRAM LIBAT URUS BERSAMA INDUTRI BERKAITAN KESELAMATAN BARANGAN AUTOMOTIF

Pada 16 Mac 2023, Bahagian Standard Kepenggunaan (BSK) telah mengadakan satu sesi Libat Urus bertempat di DoubleTree by Hilton, Putrajaya, melibatkan kerjasama dengan pelbagai agensi dan jabatan Kerajaan. Peserta yang terlibat terdiri daripada kalangan pemain-pemain industri automotif di Malaysia. Selain itu, ahli kelab-kelab automotif tempatan dari sekitar Putrajaya dan Selangor turut sama menghadiri program libat urus ini. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memperkukuh kefahaman dan kesedaran dalam kalangan pemain-pemain industri terutamanya kepada pengeluar dan pengimport alat ganti automotif tempatan berkaitan standard yang dikawal selia oleh KPDN. Kemuncak program ini adalah Majlis Penutupan yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Azman bin Yusof, Ketua Setiausaha, KPDN.



### PROGRAM ADVOKASI PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PERAKUAN DAN PENANDAAN PELITUP MUKA BUKAN PERUBATAN) 2022

Pada 7 Julai 2023, telah berlangsungnya program Advokasi Bagi Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Pelitup Muka Bukan Perubatan) 2022 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras G, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, KPDN. Program advokasi ini adalah kerjasama di antara Bahagian Standard Kepenggunaan (BSK), KPDN dan SIRIM Berhad dengan penglibatan bersama Bahagian Penguatkuasa (BPGK) KPDN. Tujuan program Advokasi ini diadakan adalah bagi memperjelas garis panduan pematuhan Perintah dan keperluan mendapatkan perakuan keselamatan MS-SIRIM. Di samping itu, program ini juga bertujuan memberi kesedaran di kalangan pengeluar, pengimport dan peruncit produk pelitup muka di Malaysia mengenai kepentingan terhadap pematuhan Perintah demi menjamin kualiti dan keselamatan produk pelitup muka bukan perubatan yang memasuki pasaran Malaysia. Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) BPGK KPDN, Tuan Shamsul Nizam bin Khalil, Encik Mohd Zaid bin Idris, Pengarah BSK KPDN, Tuan Hamzah bin Mahadi, Ketua Seksyen Harta Intelek BPGK KPDN, Pegawai-pegawai KPDN, dan Pegawai-pegawai Penguatkuasa Negeri KPDN.







### LAWATAN KERJA KE MAKMAL PERANTI ELEKTRONIK SIRIM BERHAD

Pada 19 Disember 2023, YBhg. Dato' Zakaria bin Shaaban, Timbalan Ketua Setiausaha, Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan (PPP), KPDN telah mengetuai lawatan kerja delegasi KPDN ke SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN.BHD. bertempat di Seksyen 15, Shah Alam, Selangor. Lawatan kerja ini juga disertai oleh Penasihat Undang-Undang KPDN, Pengarah BGK, Pengarah BPDK dan wakil BSK serta wakil Bahagian Penguatkuasa KPDN. Objektif utama lawatan kerja ini adalah bagi mendapatkan infomasi berkenaan prosedur pengujian peranti rokok elektronik dan kaedah pengesahan ketulenan penandaan MS SIRIM bagi Peranti Rokok Elektronik. Sesi lawatan ini juga selaras dengan kelulusan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 pada 30 November 2023. Hasil lawatan kerja ini antaranya KPDN akan meneliti semula perkara-perkara seperti kemampuan SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN.BHD. mengendalikan pengujian produk dalam kapasiti yang tinggi dan keperluan untuk meneliti semula status SIRIM selaku agensi pensijilan dan pengujian tunggal dalam negara.





## Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia




### PENYAMPAIAN AMANAT YBHG DATUK KETUA SETIAUSAHA (KSU) KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN) KEPADA ANGGOTA TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA

📅 25 Mei 2023 📍 Zenith Hotel, Putrajaya

Sesi perkongsian dan penyampaian amanat oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KPDN kepada barisan anggota Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia ini dijadikan sebagai satu platform pertemuan dan ramah mesra antara YBhg. Datuk KSU dan Anggota Tribunal. Melalui sesi ini, amanat daripada YBhg. Datuk KSU dapat dijadikan sebagai panduan dan penggerak dalam mendukung usaha merakyatkan KPDN dan memperkasakan pengguna di Malaysia. Dari amanat yang disampaikan dapatlah disimpulkan bahawa pengharapan ke atas TPPM untuk lebih proaktif dan mengorak langkah dengan lebih yakin, penuh dedikasi dan komited dalam menjalankan amanah. TPPM harus terus bersedia menghadapi peningkatan bilangan pemfailan kes dan mengadili pertikaian dengan adil dan saksama dan dalam masa yang munasabah.



**PEMFAILAN KES TUNTUTAN TEBUS RUGI DI TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA (TTPM) TAHUN 2023**25 Mei 2023  Zenith Hotel, Putrajaya

Sepanjang tahun 2023, sejumlah 8,455 kes telah difailkan di TTPM dengan peningkatan sebanyak 16% pemfailan berbanding pemfailan tahun 2022. Daripada jumlah pemfailan tahun 2023 tersebut, 6,869 kes telah diselesaikan. Kes yang dibawa dari tahun 2020-2022 ke tahun 2023 adalah sebanyak 2,971 kes dan 2,968 kes daripadanya telah diselesaikan. Ini menjadikan jumlah kes dikendalikan sepanjang tahun 2023 adalah 11,426 kes dan sebanyak 9,837 kes bersamaan dengan 86% telah berjaya diselesaikan.

**DATA/STATISTIK:**

Laporan bulanan TTPM

**5 kategori Pemfailan Teratas Mengikut Kategori Barang dan Perkhidmatan Tahun 2023**

| Bil           | Kategori Barang   | 2023         |              |                      |                     |
|---------------|-------------------|--------------|--------------|----------------------|---------------------|
|               |                   | Bil. Kes     | Peratus (%)  | Nilai Tuntutan (RM)  | Nilai Award (RM)    |
| 1             | Barangan Elektrik | 477          | 5.64         | 1,336,748.35         | 128,129.10          |
| 2             | Kereta            | 463          | 5.48         | 7,804,371.57         | 843,112.39          |
| 3             | Telefon           | 265          | 3.13         | 893,809.66           | 40,829.04           |
| 4             | Perabot           | 245          | 2.90         | 1,002,740.76         | 214,664.16          |
| 5             | Pakaian           | 164          | 1.94         | 266,805.43           | 20,546.00           |
| <b>JUMLAH</b> |                   | <b>1,614</b> | <b>19.09</b> | <b>11,304,475.77</b> | <b>1,247,280.69</b> |



| Bil | Kategori Barang                                 | 2023         |              |                      |                      |
|-----|---|--------------|--------------|----------------------|----------------------|
|     |   | Bil. Kes     | Peratus (%)  | Nilai Award (RM)     | Nilai Award (RM)     |
| 1   | Pengubahsuaian Rumah                            | 808          | 9.56         | 16,316,852.74        | 6,280,665.47         |
| 2   | Pakej Umrah                                     | 740          | 8.75         | 15,882,235.31        | 9,244,527.81         |
| 3   | Bengkel Kereta                                  | 439          | 5.19         | 4,058,275.41         | 587,390.12           |
| 4   | Agensi Pelancongan                              | 321          | 3.80         | 2,568,612.44         | 1,023,796.47         |
| 5   | Penyewaan Rumah/Hotel/Chalet/Bilik/<br>Homestay | 292          | 3.45         | 910,361.69           | 92,075.50            |
|     | <b>JUMLAH</b>                                   | <b>2,600</b> | <b>30.75</b> | <b>39,736,337.59</b> | <b>17,228,455.37</b> |



V.M.CC

V.M.CC

PELAN  
ANTIRASUAH  
ORGANISASI

PELAN ANTIRASUAH  
ORGANISASI  
2023-2025





PELANCARAN

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

023-7351-7351



**Kami Bertindak**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

K P D

## Bahagian Penguat Kuasa



### Pencapaian Keseluruhan

Tugas-Tugas Penguatkuasaan Tahun 2023

**759,863**  
pemeriksaan  
premis

**11,596**  
kes

**RM104 juta**  
nilai rampasan

**RM8.74 juta**  
kompaun

**RM5.53 juta**  
denda

## AKTIVITI MENGAWALSELIA BEKALAN DAN HARGA

### I. SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2023

Melibatkan 8 Jenis Barangan (Tempoh kawalan bermula dari 15 Januari hingga 29 Januari 2023). Sebanyak 10,896 pemeriksaan telah dilakukan yang menyaksikan sebanyak 116 tindakan kes telah diambil terhadap peruncit. Antara kesalahan yang dilakukan termasuklah menjual barang melebihi harga maksimum, tiada tanda harga dan tiada tanda harga khas merah jambu. Nilai sitaan barang adalah berjumlah RM9,144.60 manakala nilai kompaun adalah sebanyak RM14,150.00.



### II. SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN HARI RAYA PUASA 2023

Melibatkan 24 Jenis Barangan (tempoh kawalan bermula dari 15 April sehingga 30 April 2023). Sebanyak 10,775 pemeriksaan telah dilakukan yang menyaksikan sebanyak 60 tindakan kes telah diambil terhadap peruncit. Antara kesalahan yang dilakukan termasuklah menjual barang melebihi harga maksimum, tiada tanda harga dan tiada tanda harga khas merah jambu. Nilai sitaan barang adalah berjumlah RM3,048.58 manakala nilai kompaun adalah sebanyak RM7,100.00.



### III. SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN HARI GAWAI 2023

Melibatkan 11 Jenis Barangan (tempoh kawalan bermula dari 29 Mei sehingga 4 Jun 2023). Sebanyak 865 pemeriksaan telah dilakukan yang menyaksikan sebanyak 18 tindakan kes telah diambil terhadap peruncit. Antara kesalahan yang dilakukan termasuklah menjual barang melebihi harga maksimum, tiada tanda harga dan tiada tanda harga khas merah jambu. Nilai sitaan barang adalah berjumlah RM1,608.42, manakala nilai kompaun adalah sebanyak RM2,200.00.



### IV. PENENTUAN HARGA MAKSIMUM AYAM DAN TELUR AYAM

Melibatkan 6 Jenis Barangan (tempoh kawalan bermula dari 5 Februari 2022 sehingga 31 Oktober 2023). Sebanyak 238,981 pemeriksaan telah dilakukan yang menyaksikan sebanyak 4,014 tindakan kes telah diambil terhadap peruncit. Antara kesalahan yang dilakukan termasuklah menjual barang melebihi harga maksimum, tiada tanda harga dan tiada tanda harga khas merah jambu. Nilai sitaan barang adalah berjumlah RM521,526.49, manakala nilai kompaun adalah sebanyak RM647,100.00.

### V. PENGUATKUASAAN OPS 516 (LIMA LANGKAWI)

Melibatkan 6 Jenis Barangan (tempoh kawalan bermula dari 16 Mei sehingga 30 Mei). Sebanyak 771 pemeriksaan telah dilakukan khas di negeri dan daerah Perlis dan Kedah yang menyaksikan sebanyak 2 aduan diterima, 5 tindakan kes telah diambil dan 88 notis dikeluarkan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan harga dan Antipencatutan melibatkan 93 barangan yang diperiksa. Nilai kompaun yang dikenakan sepanjang OPS 516 berkuatkuasa adalah sebanyak RM900.00.



## VI. OPS TIRIS

Ops Tiris telah dilancarkan oleh KPDN pada 1 Mac 2023 dan dilaksanakan selama enam (6) bulan sehingga 31 Ogos 2023 sebelum dilanjutkan sehingga 31 Disember 2023. Tujuan pelaksanaan Ops Tiris adalah untuk membanteras penyelewengan minyak diesel bersubsidi yang telah menyebabkan kerugian kepada pihak kerajaan dan mengakibatkan bekalan diesel tidak sampai kepada mereka yang layak. Melalui pelaksanaan Ops Tiris ini, KPDN akan memperkasakan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas di semua peringkat, kawasan dan lokaliti termasuklah kawasan kepulauan, sempadan, perindustrian/eksport, bandar serta luar bandar.

Statistik penguatkuasaan sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 15,927 pemeriksaan telah dilakukan di seluruh negara dan sebanyak 877 kes (386 kes serahan agensi) telah dihasilkan dengan jumlah nilai rampasan minyak diesel sebanyak 6.44 juta liter bernilai RM14.21 juta serta nilai rampasan yang lain iaitu aset dan peralatan lain bernilai RM42.14 juta menjadikan nilai keseluruhan rampasan adalah RM56.35 juta. Seramai 554 orang warganegara tempatan dan 112 orang warganegara asing manakala 2 orang penduduk tetap menjadikan jumlah keseluruhan tahanan seramai 668 orang.

## V. ANTARA OPERASI DI BAWAH AKTA KAWALAN BEKALAN 1961 YANG MELIBATKAN NILAI RAMPASAN TERBESAR SEPANJANG TAHUN 2023

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya menumpaskan kegiatan penyelewengan minyak diesel bersubsidi menerusi Ops Tiris dalam dua (2) serbuan berasingan yang dilakukan ke atas dua (2) buah premis tanpa nama di Kawasan Perusahaan Sg. Lalang, Sg. Petani, Kedah yang disyaki dijadikan stor tempat penyimpanan dan pemindahan minyak diesel bersubsidi pada 9 April 2023. Tindakan dan siasatan dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan nilai rampasan keseluruhan bagi kedua-dua kes dianggarkan berjumlah RM579,050.00.





Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya menumpaskan aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi dalam dua (2) serbuan berasingan di Rawang, Selangor pada 2 Ogos 2023. Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan nilai rampasan bagi kedua-dua kes dianggarkan berjumlah RM60,000.00.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya menumpaskan aktiviti penyelewengan gas petroleum cecair (LPG) atau decanting dalam satu (1) serbuan yang dilakukan ke atas sebuah premis tanpa nama di Mantin, Negeri Sembilan pada 13 Jun 2023. Tindakan dan kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM60,000.00.



## AKTIVITI MELINDUNGI PENGGUNA

- i. Sesi kunjungan hormat Pengarah Bahagian Pengurusan Halal (JAKIM) ke Bahagian Penguat Kuasa pada 25 Ogos 2023 bertempat di bilik mesyuarat Abdullah Nawawi, Aras 3, KPDN. Kunjungan hormat telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Shamsul Nizam bin Khalil Tim. Ketua Pengarah, (Operasi). Objektif kunjungan hormat ini adalah untuk memantapkan jalinan kerjasama antara Jabatan Kimia Malaysia dan Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM khususnya berkaitan pensijilan halal. Hadir sama adalah Tuan Hamzah bin Mahadi, Pengarah SHI, Puan Dottie Azlina bt Ismail, Pengarah SP, Tuan, Azanizam Affendi bin Juri, KPPK SSS, Tuan Mohamad Kamarol bin Mat Nor, KPP SPS, Puan Raja Norhayati bt Raja Ibrahim, KPP SHI dan pegawai-pegawai kanan SHI. Bahagian Pengurusan Halal dihadiri oleh Tuan Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik, Pengarah Pengurusan Halal JAKIM bersama- sama pegawai-pegawai kanan dari Cawangan Pengesahan Halal dan Seksyen Komunikasi Korporat.



- ii. Program Advokasi Penguatkuasaan Harga Jualan Murah bersama Premium Outlet-Mitsui Outlet Park, Sepang pada 18 Januari 2023 bertempat di Mitsui Outlet Park, Sepang. Program advokasi ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kepentingan mematuhi peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1997. Program ini dirasmikan oleh Ketua Pengarah Penguat Kuasa YBhg. Datuk Azman bin Adam, diiringi oleh Ketua Seksyen Harta Intelek, Tuan Hamzah bin Mahadi, Ketua Seksyen Harta Intelek serta dihadiri pegawai kanan SHI.



- iii. Program Advokasi Bagi Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Pelitup Muka Bukan Perubatan) 2022 anjuran Bahagian Standard Kepenggunaan (BSK) KPDN telah diadakan pada 07 Julai 2023 bertempat Dewan Serbaguna, Aras G, KPDN Putrajaya. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pihak industri agar setiap pelitup muka bukan perubatan yang dijual di pasaran domestik mempunyai penandaan perakuan keselamatan MS-SIRIM. Hadir sama adalah Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Operasi), Tuan Shamsul Nizam bin Khalil, Pengarah Seksyen Harta Intelek, Tuan Hamzah bin Mahadi dan Pengarah Bahagian Standard Kepenggunaan, Tuan Mohd Zaid bin Idris. Turut hadir sama pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd, wakil Industri, Pegawai -pegawai Kanan BPGK KPDN dan Negeri dan pegawai-pegawai daripada Seksyen Harta Intelek.



- iv. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Perundangan dan Penguatkuasaan Halal (JPPPH) Tahun 2023 telah diadakan pada 18 Ogos 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Aras 10, KPDN. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KPDN. Hadir sama YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN dan YBr. Tuan Hamzah bin Mahadi, Pengarah Seksyen Harta Intelek. Mesyuarat dihadiri oleh pihak JAKIM, JAIN, wakil agensi kerajaan, wakil bahagian dari BUU dan BDPSA dan pegawai-pegawai kanan BPGK.



v. Perolehan Secara Tender Terbuka Bagi Peralatan Piawaian Timbang Dan Sukat Di Bawah Akta Timbang Dan Sukat 1972 Melalui Peruntukan Pembangunan (DE).

- Peralatan piawaian timbang dan sukat merupakan antara peralatan yang penting kepada anggota Penguat Kuasa dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan undang-undang dan untuk memastikan hak pengguna dilindungi di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972.
- Peralatan piawaian timbang dan sukat diperlukan dalam membuat pengujian bagi memastikan setiap alat timbang dan sukat yang digunakan bagi tujuan perdagangan berada di dalam pasaran adalah tepat.
- Bagi memperkasakan pelaksanaan undang-undang, Bahagian Penguat Kuasa telah diperuntukkan sebanyak RM14,688,355.00 untuk membuat perolehan peralatan piawaian timbang dan sukat bagi tempoh 2 tahun bermula tahun 2022 sehingga 2023. Hasilnya, Bahagian Penguat Kuasa telah berjaya memperoleh sebanyak 4,156 unit alat piawaian timbang dan sukat yang terdiri daripada *mass*, *flow*, *volume*, *time* dan *length*.
- Peralatan-peralatan ini telah diedarkan kepada 16 pejabat negeri (termasuk ibu pejabat, Putrajaya) dan 58 pejabat cawangan KPND di seluruh Malaysia.
- Melalui perolehan ini, anggota Penguat Kuasa atau secara khususnya Inspektor Timbang dan Sukat yang dilantik sebagai pakar di bawah Seksyen 399, Kanun Prosedur Jenayah akan mampu melaksanakan ujian pengukuran dengan lebih berkesan.
- Ketiadaan peralatan piawaian timbang dan sukat ini akan menyebabkan kredibiliti Inspektor Timbang dan Sukat yang diiktiraf sebagai pakar di bawah seksyen 399 Kanun Prosedur Jenayah akan dipertikaikan.



vi. Pelaksanaan Ops Bling 2.0.

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPND) sedang mempergiatkan tindakan penguatkuasaan dan pemantauan ke atas ketulenan logam berharga melalui Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Artikel-Artikel Yang Dibuat Daripada Logam Berharga 1994) di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 bagi memastikan pematuhan peniaga ke atas peruntukan undang-undang ini dipatuhi sepenuhnya.
- Bagi memastikan tindakan penguatkuasaan ke atas pemeriksaan logam berharga ini dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan berkesan, KPND melalui Bahagian Penguat Kuasa (BP) telah membuat perolehan bagi dua (2) set peralatan pengujian ketulenan logam





berharga yang dikenali sebagai alat XRF. Alat XRF merupakan suatu alat pengujian ketulen logam berharga yang menggunakan kaedah pengujian tanpa musnah (*Non-Destructive Testing Method*) ke atas unsur-unsur logam seperti emas, perak, gangsa dan lain-lainnya.

- Pada tahun 2023 ini, Bahagian Penguat Kuasa telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan ketulen logam berharga di bawah Ops Bling 2.0 dan telah dijadikan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Sasaran utama Ops Bling tersebut adalah bagi melakukan pemantauan khusus ke atas premis-premis yang menjual barangan perhiasan diri yang diperbuat daripada logam berharga seperti emas, perak dan platinum di seluruh negara bagi memastikan pematuhan peniaga ke atas peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan Kementerian dipatuhi sepenuhnya.
- Berdasarkan data kes bermula tahun 2019 hingga kini, BPGK telah menghasilkan 42 kes melibatkan urusan emas perhiasan di seluruh negara. Ia membabitkan kes penipuan pembelian emas secara dalam talian, manipulasi timbangan, alat timbang tidak tepat dan maklumat resit yang tidak lengkap membabitkan keseluruhan rampasan bernilai RM53,463. Daripada jumlah kes dikesan, sebanyak RM7,700 kompaun dikeluarkan dan denda RM20,000 dikenakan kepada syarikat atau individu terbabit.



#### vi. Penguatkuasaan Undang-Undang Baharu Berhubung Penandaan Kuantiti Barang-Barang Tersedia Bungkus.

- Undang-Undang baharu ini dikenali sebagai Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Barang-Barang Tersedia Bungkus) 2023. Perintah ini diwujudkan melalui punca kuasa di bawah peranan 29(1)(b) dan subperenggan 56(b)(i) Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730]. Perintah ini mengawalselia penandaan kuantiti sama ada dari segi bilangan, berat, isipadu, panjang dan luas ke atas semua produk-produk dan barang-barang yang dibungkus di peringkat pengilang, pengeluar, pengimport dan pemborong.
- Selain itu, pewujudan Perintah ini merupakan suatu komitmen negara terhadap ASEAN dalam mengelakkan halangan teknikal perdagangan (*technical barrier to trade*) antara negara-negara anggota.
- Penguatkuasaan perintah ini akan menggantikan sistem *Minimum Quantity System* (MQS) kepada





sistem *Average Quantity System (AQS)* di Malaysia seperti yang telah diamalkan di kebanyakan negara-negara ASEAN. Pelaksanaan sistem AQS ini dapat mengurangkan kos *overflowing* yang terpaksa ditanggung oleh pihak industri selama ini.

- Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Barang-Barang Tersedia Bungkus) 2023 ini telah diwartakan pada 2 Oktober 2023 dan akan mula berkuat kuasa pada 4 Jun 2024.
- Sebagai persediaan untuk menguatkuasakan undang-undang baharu ini, bermula pada tahun 2020 sehingga kini, Bahagian Penguat Kuasa telah membuat perolehan peralatan metrologi untuk diedarkan ke pejabat-pejabat KPND Negeri di seluruh negara serta mengadakan latihan dan kursus tatacara pengujian ke atas barang-barang tersedia bungkus kepada Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa.

viii. Kerjasama Antara Persatuan Jualan Langsung (DSAM & MDDA) Dan Platform Lazada Berhubung Pengawasan Penjualan Produk Jualan Langsung Di Platform Milik Lazada.

- Pada 7 September 2023, satu sesi perbincangan di antara pihak persatuan Jualan Langsung (MDDA & DSAM) dan pihak Lazada telah diadakan di Bilik Mesyuarat Kamelia, Aras 1 (BPFJL). Melalui sesi mesyuarat ini, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menjalinkan kerjasama MOU antara kedua-dua persatuan jualan langsung (MDDA & DSAM) dalam usaha untuk memastikan penjualan produk jualan langsung di platform milik Lazada tidak dijual tanpa kebenaran pemilik produk tersebut.
- Kedua-dua pihak akan berbincang dengan lebih lanjut berhubung pelaksanaan mekanisme yang sesuai dalam merealisasikan usaha sama ini.



vii. OPS Reward.

- Operasi bersepadu yang dilakukan oleh sepasukan anggota penguat kuasa KPND bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan dengan kerjasama Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) bagi membanteras aktiviti skim piramid di Pulau Pinang pada 19 Oktober 2022.
- Sebuah syarikat bersama empat (4) orang pengarahnya, telah didakwa di Mahkamah Sesyen Georgetown, Pulau Pinang pada 18 Oktober 2023 yang lalu atas pertuduhan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 [Akta 613] melibatkan nilai keseluruhan RM20.3 juta.



- Kesemua tertuduh didakwa telah menerima wang yang disyaki merupakan hasil pengubahan wang haram berjumlah RM2.08 juta daripada sebuah akaun semasa milik Quinton Group Sdn. Bhd. bagi tempoh tahun 2019 sehingga 2022. Kesemua pengarah syarikat itu turut dituduh kerana telah menggunakan wang hasil aktiviti haram berjumlah RM168,681.00 untuk memperoleh lapan (8) buah kenderaan mewah sepanjang tempoh tersebut.

#### viii. OPS Pharma 1 & 2.

- Operasi bersepadu yang dilakukan oleh sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Putrajaya bersama Bahagian Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan dengan kerjasama Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) pada 6 September 2023 dan 15 Disember 2023.
- Serbuan pada 6 September 2023 (Ops Pharma 1), kes telah diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri Melaka melalui Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) telah merampas 642 produk dan lima peranti digital dengan nilai 8.3 juta.
- Serbuan pada 15 Disember 2023 (Ops Pharma 2), pasukan serbuan telah menemukan sejumlah 10,000 botol ubat batuk yang telah siap dibungkus, 900-liter cecair ubat batuk yang disyaki tiruan.
- Kesemua bahan-bahan tersebut bersama beberapa dokumen perniagaan lain telah disita bagi tujuan siasatan dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM236,516.00. Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 101(a) dan Seksyen 101(b) Akta Cap Dagangan 2019 [Akta 815].
- Selain itu, syarikat ini juga disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) [Akta 613] iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat pelucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan cap dagangan.
- Hasil tindakan awal, sebanyak 56 akaun telah dibekukan melibatkan sembilan (9) entiti di mana empat (4) daripadanya merupakan akaun syarikat manakala selebihnya lima (5) akaun individu dengan keseluruhannya berjumlah RM10.68 juta. Selain itu, dua (2) bangunan industri/ kilang di kawasan perindustrian ringan yang dijadikan tempat pemprosesan telah disita dengan nilai anggaran keseluruhan sebanyak RM2.6 juta.



## AKTIVITI MELINDUNGI HARTA INTELEK

- i. Statistik Operasi Cetak Rompok Di Bawah Akta Perihal Dagangan (Label Cakera Optik) 2010, Akta Hakcipta 1987 dan Akta Cakera Optik 2000 Bagi Tahun 2023 Seluruh Negara.
- ii. Statistik Operasi Barang Tiruan Di Bawah Akta Cap Dagangan 2019 Bagi Tahun 2023 Seluruh Negara.
- iii. Sesi Libat Urus Berhubung Penguatkuasaan Perintah Perihal Dagangan Perakuan dan Penandaan Minyak Enjin Bagi Kenderaan Motor bersama industri telah diadakan pada 17 Februari 2023 bertempat di Silk Ballroom Zenith Hotel.



### Operasi Cetak Rompok

**32 Kes**  
**RM1.36 Juta**

nilai rampasan



### Operasi Barang Tiruan

**58 Kes**  
**RM7.63 Juta**

nilai rampasan



Sesi Libat Urus ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Roziah binti Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha, Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri. Turut bersama Ketua Pengarah Penguat Kuasa, YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM QS International, Puan Nur Fadhilah binti Muhammad, Ketua Seksyen Harta Intelek, Tuan Hamzah bin Mahadi, Pegawai - Pegawai Kanan KPDN, Wakil Industri & pegawai SIRIM QS International dan pegawai-pegawai daripada Seksyen Harta Intelek (SHI).

- iv. Operasi bersepadu membanteras aktiviti penjualan barang tiruan dan cetak rompak telah diadakan pada 6 Mac 2023 di Petaling Street, Kuala Lumpur. Operasi diketuai oleh KPDN dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta wakil pemilik cap dagangan.

Tujuan operasi bersepadu ini adalah untuk membanteras aktiviti penjualan barang tiruan dan cetak rompak. Sebanyak tujuh (7) premis penyimpanan barangan tiruan telah diambil tindakan dan sitaan sebanyak 2,662 unit barangan disyaki tiruan terdiri daripada beg, dompet dan beg tangan dan jam tangan berjenama dianggarkan bernilai RM570,000.00. Kesemua kes akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001), Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Hak Cipta 1987.



- v. Majlis penghargaan kepada pemilik dan wakil cap dagangan di bawah Program *Basket of Brands* (BOB) yang diadakan pada 9 Mac 2023 bertempat di Sama-Sama Hotel, KLIA.

Majlis ini sebagai tanda pengiktirafan serta penghargaan ke atas kerjasama yang diberikan oleh pemilik cap dagangan berdaftar atau wakil kepada Kementerian dalam usaha pelindungan hak harta intelek. Program ini menunjukkan ketegasan dan komitmen Kementerian dalam usaha penguatkuasaan perlindungan hak harta intelek.



- vi. Kunjungan hormat daripada pemilik cap dagangan dan hak cipta ke Bahagian Penguat Kuasa, KPDN sepanjang tahun 2023.

Bahagian Penguat Kuasa telah menerima 12 kunjungan hormat daripada pelbagai pemilik cap dagangan dan hak cipta sama ada daripada dalam mahupun luar negara. Tujuan bagi memperkukuhkan dan mengeratkan perhubungan kerjasama antara Kementerian dan pihak industri bagi perkara-perkara kepentingan bersama mengenai pelindungan hak harta intelek. Jalinan hubungan kerjasama ini sangat memberikan manfaat menerusi perkongsian termasuk kejayaan-kejayaan penguatkuasaan, modus operandi penjenayah cap dagangan rentas sempadan, kawalan sempadan, sistem carian maklumat serta membincangkan kelemahan-kelemahan peruntukan undang-undang sedia ada dalam menangani dan memperkasa pelindungan hak harta intelek.





Delegasi daripada Japan Federation of Bar Association pada 4 Disember 2023



Delegasi daripada Longchamp dan Ralph Lauren pada 20 November 2023



Delegasi daripada Premier League pada 16 Jun 2023



Delegasi daripada Siti Khadijah pada 13 Disember 2023



Delegasi daripada Content Overseas Distributor Association (CODA) pada 14 November 2023

vii. Kerjasama dengan industri, persatuan dan pertubuhan berkaitan harta intelek di peringkat antarabangsa sepanjang tahun 2023.

- Pegawai penguat kuasa KPDN terlibat dengan program anjuran peringkat antarabangsa seperti penglibatan di dalam mesyuarat, latihan serta sesi perkongsian *the best practice* bagi mencapai faedah bersama ke arah melindungi hak harta intelek.
  - (i) KMOJ-WIPO Sub-Regional Seminar on Intellectual Property Enforcement for Prosecutors, pada 15 hingga 16 Februari di Seoul, Republic of Korea;
  - (ii) Regional High-Level Meeting on Copyright Enforcement in Digital Environment, 26-27 April 2023 di Korea;
  - (iii) Bengkel Serantau Indo-Pacific Mengenai Penguatkuasaan Terhadap Perdagangan Barangan Tiruan, 27-28 April 2023. New World Makati, Manila, Philippines;
  - (iv) INTA 2023 Annual Meeting, 16-20 Mei 2023 di Singapura;
  - (v) ASEAN-USPTO Workshop on Developments in Copyright Law and Enforcement, 13-15 September 2023, Bangkok, Thailand;
  - (vi) Judicial Symposium on Intellectual Property, by the Ministry of Justice Japan, 18 Oktober 2023;
  - (vii) Training Course on Anti-Counterfeiting Measures for Practitioners, 25 Oktober - 1 November 2023 di Tokyo, Jepun.



ASEAN-USPTO Workshop on Developments in Copyright Law and Enforcement, 13-15 September 2023, Bangkok, Thailand



Regional High-Level Meeting on Copyright Enforcement in Digital Environment, 26-27 April 2023 di Korea



KMOJ-WIPO Sub-Regional Seminar on Intellectual Property Enforcement for Prosecutors, 15 - 16 Februari di Seoul, South Korea



Bengkel Serantau Indo-Pacific Mengenai Penguatkuasaan Terhadap Perdagangan Barangan Tiruan, 27-28 April 2023, Manila, Philippines



Judicial Symposium On Intellectual Property, by the Ministry of Justice Japan, 18 Oktober 2023, Seoul, Republic of Korea

## KERJASAMA BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN LAIN TERMASUK DI SEMPADAN NEGARA

- i. Statistik penguatkuasaan berkaitan kes-kes serahan oleh agensi lain kepada pihak KPDN sepanjang tahun 2023, sebanyak 790 kes telah diterima melibatkan nilai rampasan berjumlah RM43.58 juta di seluruh Negara merangkumi pelbagai kesalahan di bawah undang-undang yang dikuat kuasakan KPDN. Antara agensi yang terlibat adalah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Pasukan Polis Marin (PPM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
- ii. Lawatan Kerja Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Pencegahan) di Sempadan Negara Bersama Agensi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Sempadan Negara (Kelantan-Thailand) di POS Renap Sempadan Wakaf Zin dan Pos Tiang Bendera Kalai.

Lawatan telah diadakan pada 19 Oktober 2023, jam 10.30 pagi bertujuan untuk meninjau aktiviti penguatkuasaan di sempadan Negara bersama dengan pegawai dan anggota ATM dalam kerjasama strategik membantu Bahagian Penguat Kuasa membanteras ketirisan barang kawalan bersubsidi rentas sempadan.



Antara perkara yang dibincangkan adalah melibatkan garis panduan penerimaan Kes Agensi Luar di mana pihak ATM akan menyerahkan mana-mana tangkapan atau rampasan yang melibatkan barang kawalan kepada Balai Polis terdekat.

- iii. Lawatan Kerja Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Pencegahan) di Sempadan Negara (Kelantan – Thailand) - Bukit Bunga Immigration, Customs, Quarantine and Security (ICQS) Complex.

Lawatan ini telah diadakan pada 19 Oktober 2022, jam 2.30 petang bertujuan untuk memantau aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan di kompleks tersebut serta peranan Bahagian Penguat Kuasa dalam membanteras ketirisan barang kawalan bersubsidi di sempadan negara. Taklimat telah disampaikan Puan Norhafzaniza binti Yassin, Ketua Imigresen Bukit Bunga, Tanah Merah Kelantan berkaitan penubuhan ICQS Bukit Bunga dan tugas sekitar pintu keluar masuk sempadan negara.



Antara isu yang dibangkitkan adalah berhubung keperluan pegawai penguat kuasa untuk ditempatkan di ICQS Bukit Bunga bagi melaksanakan pemeriksaan ke atas barang-barang kawalan yang melalui pintu keluar masuk sempadan negara dan ruang pejabat KPDN di tingkat 3 yang ditinggalkan dan dibiarkan kosong. Pemantauan sekitar Jambatan Muhibah juga dibuat bagi meninjau keadaan semasa pintu keluar masuk pintu sempadan negara melalui Bukit Bunga, Tanah Merah, Kelantan (Malaysia) dan Buketa (Thailand).


- iv. Mesyuarat Tim Perancang Operasi Maritim (TPOM) di Batam Indonesia.

- Mesyuarat ini adalah bertujuan untuk membincangkan isu-isu penguatkuasaan dan kerjasama strategik dalam menangani isu-isu penyeludupan dan ketirisan barang kawalan khususnya di kawasan sempadan maritim negara yang telah diadakan pada 10 hingga 12 Mei 2023 bertempat di Hotel Aston, Batam, Indonesia.
- Mesyuarat ini juga membincangkan penggunaan aset-aset bagi kedua-dua negara yang melibatkan rondaan bagi memastikan keselamatan di sepanjang perairan Selat Melaka terjamin.
- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah memanjangkan jemputan kepada KPDN untuk menghadiri mesyuarat ini yang merupakan ahli tetap mesyuarat TPOM bertujuan memantapkan lagi kerjasama dan memberi maklumat-maklumat dalam menangani isu penyeludupan dan ketirisan barang kawalan di perairan Selat Melaka.
- Ahli mesyuarat ini terdiri dua orang Pegawai Penguat Kuasa KPDN dan pegawai dari agensi penguatkuasaan yang terlibat.



## ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

- i. Penghargaan oleh REACT kepada Bahagian Penguat Kuasa, KPND di atas usaha penguatkuasaan dan perlindungan hak harta intelek pada 17 November 2023 sempena *Regional Training and Products Identification Workshop* yang diadakan di Chiang Mai, Thailand.
  - Penghargaan oleh REACT kepada agensi penguatkuasaan, pihak berkuasa penguatkuasaan, pemilik cap dagangan/hakcipta, pemilik platform e-dagang dan pengamal undang-undang dari seluruh negara rantau asia di atas usaha dan kerjasama yang diberikan dalam konteks perlindungan harta intelek. Wakil KPND yang menerima penghargaan tersebut adalah YBrs. Tuan Shamsul Nizam bin Khalil, Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) KPND.



- ii. Malaysia kekal tidak tersenarai dalam 'Watch List' oleh *US Trade Representative (USTR)* dalam *Special 301 Report* yang dikeluarkan pada bulan April 2023.

Pengiktirafan oleh badan penarafan antarabangsa ini menunjukkan mereka memperakui dan menghargai usaha Kerajaan Malaysia melalui Kementerian ini dalam menangani isu cetak rompak dan barangan tiruan di negara ini mahupun di peringkat antarabangsa. Pengiktirafan oleh USTR ini dapat memberi dan meningkatkan keyakinan pengguna Malaysia terhadap produk yang dijual di pasaran ini, bahkan dapat menarik lebih ramai pelabur luar negara untuk melabur di negara ini dan membantu perkembangan sosial ekonomi negara.



- iii. Anugerah Idea Inovasi (All) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPND).





## PROGRAM, LATIHAN & SESI LIBAT URUS

- i. Majlis Perbarisan Kawalan Kehormatan Sempena Hari Penguat Kuasa KPDN Ke 51 Dan Tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan Tahun 2023.

Majlis Perbarisan Kawalan Kehormatan Sempena Hari Penguat Kuasa KPDN Ke 51 dan Tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan Tahun 2023 kali ini telah diadakan di Kem Permata Resort, Alor Gajah, Melaka yang turut dihadiri oleh barisan kepimpinan tertinggi Kementerian serta warga kerja KPDN.

Tanggal 17 April setiap tahun merupakan tarikh keramat buat warga kerja Bahagian Penguat Kuasa KPDN kerana Bahagian Penguat Kuasa secara rasminya telah ditubuhkan pada tarikh tersebut. Tema sambutan yang dipilih pada tahun 2023 adalah **Profesional Tegas Berintegriti**.

Selain itu, pada yang sama juga telah diadakan Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan Tahun 2023 bagi pengambilan sesi tahun 2022 yang melibatkan seramai 138 orang pegawai lantikan baharu dan pegawai yang dinaikkan pangkat secara lantikan (KPSL) yang telah bermula pada 1 Jun 2023 sehingga 17 Julai 2023 iaitu selama 47 hari.

Dalam modul kursus kali ini, penekanan telah diberikan kepada pegawai-pegawai lantikan baharu berkenaan aspek fizikal seperti latihan kawad, latihan jasmani, latihan menembak dan sahsiah diri seperti disiplin dan integriti. Di samping itu, mereka juga telah didedahkan dengan pengetahuan berhubung perundangan yang dikuatkuasakan serta *Standard Operation Procedure (SOP)* yang digunapakai dalam melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan yang merangkumi elemen 6P iaitu Perisikan, Pemeriksaan, Penyiasatan, Pendakwaan, Pengendalian Ekshibit dan Pengurusan Penguatkuasaan.

- ii. Perolehan Aset Baharu Kenderaan & Senjata Api Bahagian Penguat Kuasa KPDN.

Pada tahun 2023, Bahagian Penguat Kuasa telah menerima 2 peruntukan besar daripada Kementerian Kewangan Malaysia iaitu Peruntukan B11 sebanyak RM2 Juta dan Peruntukan P10 Keperluan Aset & Operasi Bagi Agensi Penguatkuasaan Yang Kritikal Dan Mendesak sebanyak RM15 Juta.



Hasil daripada peruntukan ini, Bahagian Penguat Kuasa telah membuat perolehan antaranya motosikal sebanyak (60) buah bagi 3 jenis motosikal, kenderaan sebanyak 112 buah manakala senjata api sebanyak 205 pucuk.

Bahagian Penguat Kuasa, KPND Putrajaya telah mengagihkan kenderaan kepada semua negeri termasuk Sabah, Sarawak dan Labuan.

Bagi Pejabat KPND di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, sebanyak (1) buah kenderaan pacuan 4 roda Nissan Navara dan (1) buah Honda City bagi setiap Pejabat Cawangan telah diagihkan. Manakala bagi Pejabat KPND Negeri Sabah, Sarawak agihan (1) buah kenderaan pacuan 4 roda Nissan Navara kepada semua Pejabat KPND Cawangan negeri terbabit.



Bagi negeri-negeri yang berhampiran dengan sempadan negara, setiap negeri telah menerima sekurang-kurangnya (2) buah motosikal peronda dan (2) buah motosikal *motocross* untuk kegunaan rondaan di sempadan.

Satu majlis penyerahan telah diadakan pada 12 Disember 2023 di Perkarangan Anjung Seri, KPND Putrajaya yang dirasmikan oleh Ketua Setiausaha KPND.

iii. Persiapan Malaysia menuju *Mutual Evaluation* (ME) untuk pusingan yang ke 5 (Tahun 2024-2025) melalui *Financial Action Task Force* (FATF).

- FATF adalah badan penilaian dan penentu piawaian antarabangsa bagi Anti Pengubahan Wang Haram/Pembiayaan Keganasan (ML/TF) dan berfungsi untuk menetapkan piawaian pelaksanaan undang-undang, pengawalseliaan dan operasi yang berkesan untuk menangani ML/TF dan ancaman lain yang berkaitan dengan integriti sistem kewangan antarabangsa.
- Menjalankan Penilaian Bersama (ME) ke atas negara anggotanya termasuk Malaysia. Laporan akan dibentangkan dan akan diterbitkan kepada Rangkaian *Global – Asian Pacific Group* (APG).
- Fungsi-fungsi utama APG:
  - Penilaian bersama
  - Bantuan latihan dan teknikal
  - Penyelidikan tipologi
  - Penglibatan global
  - Penglibatan sektor swasta
- AMLA, KPND perlu membekalkan maklumat kepada pihak BNM/FATF '*immediate outcome*' (IO) seperti di bawah:
  - IO.1- *Risk & Coordination*
  - IO.2- *International Cooperation* IO.6, IO.7 & IO.8- *Law Enforcement*



iv. Mesyuarat Tahunan dan Kumpulan Kerja *Asia Pacific Group On Money Laundering* (APG) dan Forum Bantuan Teknikal di Vancouver, British Columbia, Kanada.

- Bahagian Penguat Kuasa melalui Seksyen AMLA, KPDN telah menerima jemputan dari pihak Bank Negara Malaysia (BNM) untuk bersama menghadiri Mesyuarat Tahunan dan Kumpulan Kerja *Asia Pacific Group On Money Laundering* (APG) dan Forum Bantuan Teknikal yang diadakan pada 9 sehingga 14 Julai 2023 bertempat di Vancouver, British Columbia, Kanada. Mesyuarat tahunan ini telah dihadiri daripada beberapa agensi seperti SPRM, PDRM, LHDN, SSM dan lain-lain lagi.
- Tujuan utama mesyuarat ini diadakan di peringkat Asia Pasifik adalah untuk:
  - Perbincangan berkaitan mandat APG iaitu perkara-perkara berkenaan proses penilaian bersama, hal-hal berkaitan keanggotaan, tadbir urus dan pengurusan APG.
  - Penambahbaikan melalui integrasi, penyebaran maklumat, pengetahuan dan langkah-langkah terkini yang telah dan akan diambil oleh negara-negara terlibat bagi menangani isu pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan secara berkesan dan bersepadu.
  - Memantapkan hubungan serantau melibatkan negara-negara Asia Pasifik terutamanya dengan ahli tetap APG di dalam pertukaran maklumat serta persefahaman melibatkan isu-isu yang berkaitan dengan jenayah pengubahan wang haram.



v. Anugerah Kecemerlangan Penguatkuasaan (AKP)

Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah memperkenalkan Anugerah Kecemerlangan Penguatkuasaan sejak tahun 2008 dengan nama awalnya Anugerah Kecemerlangan Aktiviti Penguatkuasaan (AKAP). Pada tahun 2017, AKAP telah melalui transformasi dan ditukar kepada Anugerah Kecemerlangan Penguatkuasaan (AKP). Anugerah ini terbahagi kepada dua iaitu kategori individu dan kategori organisasi. AKP merupakan acara tahunan Bahagian Penguat Kuasa dan merupakan salah satu agenda penting semasa Sambutan Hari Penguat Kuasa dalam meraikan anggota penguat kuasa, pejabat negeri dan cawangan yang cemerlang dan berdedikasi dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Penilaian AKP bagi tahun 2022/2023 telah dilaksanakan dengan jayanya hasil komitmen dan dedikasi oleh seramai 22 orang panel penilai. Majlis Penyampaian AKP ini telah diadakan pada 14 Julai 2023 di Noble Resort Hotel, Melaka.



**SENARAI PENERIMA  
ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGUATKUASAAN (AKP) TAHUN 2022**

**KATEGORI INDIVIDU**

| PEGAWAI SERBUAN TERBAIK |  |                 |
|-------------------------|--|-----------------|
| KEDUDUKAN               | NAMA                                   | TEMPAT BERTUGAS |
| Tempat Pertama          | <b>Nor Maizwanirda binti Mat Jusoh</b> | Kelantan        |
| Tempat Kedua            | <b>Nahaida binti Mohd Napis</b>        | Petaling Jaya   |
| Tempat Ketiga           | <b>Siti Chahara binti Ismail</b>       | Pulau Pinang    |

| PEGAWAI PENYIASAT TERBAIK |   |                 |
|---------------------------|---|-----------------|
| KEDUDUKAN                 | NAMA                                    | TEMPAT BERTUGAS |
| Tempat Pertama            | <b>Lorita Anak Meseken</b>              | Putrajaya       |
| Tempat Kedua              | <b>Hajartul Hanim binti Abdul Ghani</b> | Pahang          |
| Tempat Ketiga             | <b>Prakash A/L Balan</b>                | Sabah           |

| PEGAWAI PENDAKWA TERBAIK |                                       |                 |
|--------------------------|---------------------------------------|-----------------|
| KEDUDUKAN                | NAMA                                  | TEMPAT BERTUGAS |
| Tempat Pertama           | <b>Muhammad Ridzuan bin Abd Rahim</b> | Perak           |
| Tempat Kedua             | <b>Khotijah binti Mustapha</b>        | Johor           |
| Tempat Ketiga            | <b>Muhammad Nizam bin Amir</b>        | Kedah           |



**KATEGORI ORGANISASI****ANUGERAH PENGURUSAN BEKALAN DAN HARGA****NEGERI 'A' TERBAIK**

KPDN JOHOR

**NEGERI 'B' TERBAIK**

KPDN NEGERI SEMBILAN

**CAWANGAN 'A' TERBAIK**

KPDN TAIPING

**CAWANGAN 'B' TERBAIK**

KPDN DUNGUN

**ANUGERAH PENGURUSAN DAN PENYELESAIAN ADUAN****NEGERI 'A' TERBAIK**

KPDN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

**NEGERI 'B' TERBAIK**

KPDN TERENGGANU

**CAWANGAN 'A' TERBAIK**

KPDN PETALING JAYA

**CAWANGAN 'B' TERBAIK**

KPDN SEGAMAT

**ANUGERAH PENGURUSAN PENYIASATAN DAN PENYELESAIAN  
KERTAS SIASATAN****NEGERI 'A' TERBAIK**

KPDN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

**NEGERI 'B' TERBAIK**

KPDN PAHANG

**CAWANGAN 'A' TERBAIK**

KPDN PETALING JAYA

**CAWANGAN 'B' TERBAIK**

KPDN TANAH MERAH

**ANUGERAH PENGURUSAN PENGUATKUASAAN****NEGERI 'A' TERBAIK**

KPDN PERAK

**NEGERI 'B' TERBAIK**

KPDN MELAKA

**CAWANGAN 'A' TERBAIK**

KPDN BATU PAHAT

**CAWANGAN 'B' TERBAIK**

KPDN KAPIT

- vi. Kerjasama dengan pemilik cap dagangan dalam melaksanakan latihan pengenalan produk kepada pegawai penguat kuasa kementerian serta agensi penguatkuasaan yang lain di negara ini.

Pemilik cap dagangan atau wakil berkongsi maklumat dan amalan terbaik menerusi penganjuran pelbagai *product training* kepada Pegawai Penguat Kuasa KPDN di seluruh Negara. Menerusi program ini dapat memperkukuh kerjasama dengan pemilik cap dagangan serta agensi penguatkuasaan yang lain di negara ini bagi mencapai faedah bersama ke arah melindungi hak harta intelek.

- Latihan Pengenalan Produk Anjuran Bersama Osiris Consultancy Sdn Bhd Dan React bagi Zon Tengah, 22 Mei 2023, Zenith Putrajaya.
- Latihan Produk Anjuran Bersama KPDN dan ZICO IP Bagi Zon Selatan, 29 Mei 2023 di Hotel Trove, Johor Bahru.
- Seminar Barangan Berjenama Mewah anjuran MDG Wonder Sdn Bhd, 22 Ogos 2023 di Kuala Lumpur.
- Product Training on Combating Counterfeit Alcohol organised by UK Department for Business and Trade in Collaboration with APISWA, 09 Nov 2023 di Hotel Le Meridien Putrajaya.
- Products Training on Enforcement of Intellectual Property Right Organized by Longchamp and Ralph Lauren, 20 Nov 2023, Dorsett Hotel Putrajaya.



- vii. Mesyuarat Penyelarasan Tugas-Tugas Penguatkuasaan Bersama Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri Dan Daerah (Penilaian Setengah Tahun) 2023 Di Hotel Noble Resort, Melaka Pada 15 Sehingga 17 Julai 2023.



Viii. Mesyuarat Penyelarasan Tugas-Tugas Penguatkuasaan Bersama Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri (Pencapaian Tahun 2023 Dan Perancangan Tahun 2024)) Di Swiss-Garden Hotel & Residences, Genting Highlands, Pahang Pada 3 Sehingga 6 November 2023.



Ix. Majlis Pelupusan Ekshibit Perdana Di Cenviro Sdn Bhd, Ladang Tanah Merah A3 Division, Bukit Pelanduk Port Dickson, Negeri Sembilan Pada 22 November 2023.











**Pengurusan**

## Bahagian Pengurusan Sumber Manusia



### Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

**269**

penerima APC

**74**

penerima Sijil  
Perkhidmatan  
Cemerlang (SPC)

**4**

penerima Anugerah  
Khas KSU



### ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2022

Majlis APC bagi mengiktiraf tanda penghargaan kepada warga Kementerian yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang bagi tahun 2022

### MAJLIS BERSAMA JABATAN

Mewujudkan pentadbiran dan pengurusan Kementerian yang inklusif dengan penglibatan secara aktif wakil daripada setiap skim perkhidmatan. Menyumbang idea dan membincangkan isu-isu kebijakan.



### Usul MBJ

**18**

usul  
dibentangkan

**8**

usul telah  
diselesaikan

**9**

usul dibawa  
ke tahun 2024



## PEMBANGUNAN ORGANISASI

### BENGKEL PENSTRUKTURAN SEMULA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

Penstrukturan semula Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup kali terakhir adalah pada 1 Ogos 2019. BPSM pada tahun 2023 telah melaksanakan satu Bengkel Penstrukturan Semula KPDN yang telah diadakan pada 29 Mei hingga 1 Jun 2023 di Hotel Royale Chulan, Damansara bagi menilai semula fungsi-fungsi Bahagian supaya selari dengan teras dan hala tuju Kementerian. Pelaksanaan bengkel ini adalah penting bagi memastikan tiada pertindihan fungsi antara bahagian



### Penyertaan

**3**

Pengarah Kanan Sektor

**23**

Pengarah Bahagian

**14**

Pengarah Negeri

**8**

Pegawai Penguat Kuasa



## Naziran BPK

di 3 buah Pejabat KPDN Negeri

Naziran BPK di Pejabat  
KPDN Negeri Kedah

**16–18 Julai 2023**

Naziran BPK di Pejabat  
KPDN Negeri Perlis

**20–21 Julai 2023**

Naziran BPK di Pejabat  
KPDN Negeri Perak

**6–8 November 2023**

## 500 buah BPK

telah disemak

## NAZIRAN BUKU PERKHIDMATAN KE NEGERI-NEGERI OLEH CAWANGAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2023

### NAZIRAN BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN (BPK) PEGAWAI DI PEJABAT KPDN NEGERI

Naziran BPK ini dilaksanakan untuk menyemak dan memastikan rekod di dalam setiap BPK pegawai yang sedang berkhidmat di Kementerian ini telah dicatat dengan tepat dan teratur. Rekod ini adalah penting bagi memastikan tiada kuiry daripada pihak Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) semasa urusan persaraan pegawai kelak.



## Program latihan/kursus

yang telah dilaksanakan pada tahun 2023

## 26 kursus

(8 kursus generik dan 18 kursus fungsional)

## 9 kursus

dikendalikan oleh BPSM

Jumlah perbelanjaan keseluruhan di bawah

**Pelan Operasi Latihan**

(POL) tahun 2023

**RM434,925.00**

## LATIHAN DAN PEMANTAPAN KEMAHIRAN

### PELAKSANAAN LATIHAN DAN PROGRAM-PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN

Kementerian sentiasa menekankan kepentingan memiliki kemahiran dan tahap kompetensi yang tinggi dengan melaksanakan latihan-latihan dan program-program yang meningkatkan kemahiran generik dan fungsional pegawai.



Program Penghayatan Nilai-Nilai Islam (PNI) Siri 1 - Forum Sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat KPDN Tahun 2023M/1444H (21 Februari 2023, Dewan Serbaguna KPDN)



PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA

KAMI BERTINDAK

**PENGURUSAN**

KORPORAT

AGENSI



Kursus Kewangan Pembantu Tadbir (P/O) KPND Negeri (1-2 Mac 2023, Dewan Serbaguna KPND)



Program TOT: Pementoran KPND Tahun 2023 (15-18 Mac 2023, Bayou Lagoon Park Resort Melaka)



Program Penghayatan Nilai-Nilai Islam (PNI) Siri 2 - Majlis Khatam AL-Quran dan Bual Bicara Nuzul AL-Quran Peringkat KPND Tahun 2023M/1444H (11 April 2023, Dewan Serbaguna KPND)



Program Pra AKRAB Tahap 1 (21-23 Jun 2023, Mercure Hotel Shaw Plaza Kuala Lumpur)

PERUTUSAN

MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUSAN TERTINGGI  
& PENGARAH

PENCAPAIAN KPDN 2023

PEMBANGUNAN PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI

Kursus Asas Sains Penguatkuasaan Kepada Penguat Kuasa Tahun 2023 (Slot Pemantapan Ketrampilan Diri dan Imej) (3 Julai 2023, Kem Permata Alor Gajah, Melaka)



Program Penghayatan Nilai-Nilai Islam (PNI) Siri 3 - Sambutan Maal Hijrah Tahun 2023M/1444H (25 Julai 2023, Dewan Serbaguna KPDN)



Program STAR KPDN Tahun 2023 (22-24 Ogos 2023, Lost World of Tambun Hotel, Perak)



Program Transformasi Minda (PTM) (18-21 September 2023, i-KPKT, Bukit Tinggi, Pahang)

## Bahagian Akaun

Sepanjang tahun 2023, aktiviti pengumpulan data baki awal bagi tujuan pelaksanaan perakaunan akruan masih diteruskan dan Bahagian Akaun, Kementerian Perdagangan Negeri dan Kos Sara Hidup (BA, KPND) telah berjaya membawa masuk maklumat baki awal aset berjumlah RM3.1 juta melalui migrasi data untuk dilaporkan ke dalam Penyata Kewangan Kementerian. Bagi prestasi pembayaran bil dan tuntutan pula, sebanyak 73,334 bil dan tuntutan telah diproses sepanjang tahun 2023 dan telah berjaya mencapai 99.98% pembayaran dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima. Hasil semakan terhadap Dokumen Akaun Terimaan (DAT) pula, ke semua 76 Pejabat Pemungut (PP) berjaya mencapai prestasi melebihi 97% bagi setiap kriteria pematuhan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 145.

### AKTIVITI DAN PENCAPAIAN DARI JANUARI 2023 HINGGA DISEMBER 2023

#### PENGUMPULAN DATA MIGRASI ASET DAN LIABILITI

##### Migrasi Data Aset dan Liabiliti Ke Sistem iGFMS

Membawa masuk maklumat baki awal aset untuk dilaporkan ke dalam Penyata Kewangan Kementerian



Data Maklumat  
**Migrasi ke  
iGFMS**

Aset Alih  
**834** (RM2,930,012)

Aset Tak Ketara  
**1** (RM266,076)  
Jumlah  
**RM3,196,088**



## Prestasi Proses Pembayaran Bil/Invois Sempurna

7 hari

70,704 bil/invois  
**RM1,963,692,008**  
**(96.41%)**

8 hingga 14 hari

2,614 bil/invois  
**RM230,441,670**  
**(3.57%)**

Lebih 14 hari

16 bil/invois  
**RM301,732**  
**(0.02%)**

**JUMLAH**  
 73,334 bil/invois  
**RM2,194,435,410**  
**(100%)**

## PRESTASI PEMBAYARAN BIL DAN TUNTUTAN

### Memproses bayaran di iGFMAS

Memproses semua bil dan tuntutan dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima bersama dokumen sokongan.

## SEMAKAN DOKUMEN AKAUN TERIMAAN (DAT)

### Semakan Dokumen Akaun Terimaan (DAT)

Menyemak kepatuhan Pejabat Pemungut ke atas Pengurusan Terimaan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 145.

#### Dokumen Akaun Terimaan (DAT)

|   |   |  |   |
|---|---|--|---|
| <p><b>Kriteria 1</b><br/>           Penghantaran Dokumen Akaun Terimaan dalam tempoh ditetapkan<br/> <b>97.0%</b></p> | <p><b>Kriteria 2</b><br/>           Kebenaran mengutip/menulis, menandatangani dan membatalkan resit/ merekod dan menyemak buku tunai<br/> <b>99.3%</b></p> | <p><b>Kriteria 3</b><br/>           Kawalan terhadap penerimaan &amp; pengeluaran stok resit serta lain-lain dokumen terkawal<br/> <b>97.9%</b></p>    | <p><b>Kriteria 4</b><br/>           Perakodan di resit/ buku tunai/penyata pemungut<br/> <b>98.4%</b></p>       |
| <p><b>Kriteria 5</b><br/>           Penyeliaan ke atas resit/buku tunai/ penyata pemungut<br/> <b>99.8%</b></p>       | <p><b>Kriteria 6</b><br/>           Pungutan dibankkan dalam tempoh ditetapkan<br/> <b>99.9%</b></p>  | <p><b>Kriteria 7</b><br/>           Laporan invois/ baucar jurnal/ hapus kira/ dokumen pelanggan/ terimaan terdahulu dan deposit<br/> <b>99.1%</b></p> | <p><b>Kriteria 8</b><br/>           Maklum balas pemerhatian ketidakpatuhan adalah lengkap<br/> <b>100%</b></p> |





### MESYUARAT KETUA AKAUNTAN BERSAMA PEGAWAI SKIM PERKHIDMATAN PERAKAUNAN KPDN TAHUN 2023

#### Mesyuarat Ketua Akauntan Bersama Pegawai Skim Perkhidmatan Perakaunan KPDN Tahun 2023

Objektif mesyuarat adalah sebagai platform komunikasi dua hala antara Bahagian Akaun dengan pegawai skim perkhidmatan perakaunan yang berkhidmat di Ibu Pejabat dan Negeri bagi membincangkan isu-isu berkaitan kewangan dan perakaunan.



**Mesyuarat  
Ketua  
Akauntan**  
bersama **Pegawai Skim  
Perkhidmatan Perakaunan  
KPDN**  
**5-7 September 2023**



disertai oleh

**38 orang**

**pegawai skim  
Perkhidmatan Perakaunan**

Pengisian:

**Sesi perkongsian ilmu  
Sesi bersama TKSU (PPP)**

## Bahagian Pengurusan Maklumat



### BENGGEL KAJIAN SEPARUH PENGGAL PELAN STRATEGIK ICT (PSICT) KPDN 2021-2025 DAN SEMAKAN PELAN TINDAKAN BLUEPRINT PENDIGITALAN (KPDN DIGITAL)

**Pelan Strategik ICT (PSICT) KPDN 2021-2025 dan Pelan Tindakan *Blueprint* Pendigitalan (KPDN DIGITAL)** adalah sebuah rangka kerja yang dibangunkan untuk menjadi rujukan ke arah pendigitalan perkhidmatan di Kementerian. **Bengkel Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik ICT (PSICT) KPDN 2021-2025 Dan Semakan Pelan Tindakan *Blueprint* Pendigitalan (KPDN Digital)** telah diadakan pada 11 & 12 Oktober 2023 di Hotel Doubletree by Hilton Putrajaya Lakeside bagi membolehkan cadangan penambahbaikan dibuat berdasarkan keperluan dan teknologi semasa dengan merujuk kepada cadangan Pelan Tindakan di dalam *Blueprint* Pendigitalan serta berpandukan kepada konsep Malaysia MADANI.

#### Aktiviti

1. **Taklimat Malaysia MADANI** oleh Encik Mohd Izzat Fahmizan bin Mansor dari Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Antarabangsa.
2. Penglibatan ***Change Champion*** dan ***Change Expert*** Kementerian bagi:
  - i. mengemaskini status pencapaian program/ aktiviti Bahagian yang telah dirancang bagi tahun 2021-2023 di dalam PSICT;
  - ii. mengemaskini serta menyelaras program ICT sedia ada/ baharu bagi tahun 2024-2025 di dalam PSICT dengan merujuk kepada Pelan Tindakan *Blueprint* Pendigitalan (KPDN Digital) dan konsep Malaysia MADANI.





### PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN ICT KPDN

**Seminar Kesedaran Keselamatan ICT KPDN** telah diadakan pada 7 Disember 2023 di **Hotel Double Tree By Hilton, Putrajaya** melibatkan 150 orang peserta yang terdiri daripada warga Kementerian daripada setiap Bahagian dan Pejabat KPDN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, KPDN Selangor, KPDN Negeri Sembilan dan KPDN Melaka. Seminar ini diadakan setiap tahun bagi memberi pendedahan kepada warga Kementerian mengenai kepentingan kesedaran keselamatan ICT serta amalan terbaik bagi tujuan menangani dan mencegah dari menjadi mangsa ancaman siber. Peserta dapat memperolehi kesedaran tentang kepentingan dan risiko keselamatan ICT serta memahami jenis insiden dan kesannya bukan hanya kepada individu malah kepada Bahagian dan Kementerian.

#### Aktiviti

1. Ceramah oleh Superitendan Nur Asrul bin Ariff, Polis DiRaja Malaysia dengan topik “Trend Terkini Jenayah dalam Talian”;
2. Ceramah oleh Razwan Mokhtar, Co-Founder of Nanosec Asia dengan topik “Budaya dan Kesedaran Keselamatan Siber”; dan
3. Ceramah oleh Encik Rizaki Napi, Penasihat Keselamatan Siber wakil dari Syarikat HeiTech Padu Berhad.











**Korporat**

## Bahagian Dasar, Perancangan Strategik & Antarabangsa

### VISI

- i. Perdagangan dalam negeri yang progresif, mampan;
- ii. Pendayaupayaan pengguna; dan
- iii. Kos sara hidup yang stabil

### MISI

- i. Mengukuhkan perdagangan dalam negeri melalui penciptaan nilai dan pendigitalan;
- ii. Membudayakan pengguna yang rasional bagi meningkatkan kualiti hidup;
- iii. Memastikan kebolehcapaian bekalan barang pada harga yang berpatutan; dan
- iv. Memperkukuh tadbir urus dan mengadaptasi teknologi ke arah organisasi cemerlang.

## PENCAPAIAN BDPSA SEPANJANG 2023

### I. AMANAT TAHUN BAHARU 2023

#### Ucapan Amanat Tahun Baharu 2023 bersama Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

📅 10 Januari 2023 📍 Dewan Serbaguna, KPND Putrajaya

Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BDPSA) dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat telah menyediakan input teks ucapan amanat dan slaid amanat bersempena Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 anjuran bersama Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan (BKPK) dan BDPSA.

Majlis ini turut dihadiri oleh YBTM serta Pengurusan Tertinggi Kementerian (KSU, TKSU (PPDN) dan TKSU (PPP) termasuklah Pengarah Agensi, Pengarah Bahagian, Pengarah KPND Negeri serta beberapa jemputan luar iaitu pemegang taruh (*stakeholders*) Kementerian.



## II. PENYEDIAAN PELAN HALA TUJU 2023

### Mesyuarat Hala Tuju Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Tahun 2023

📅 9–11 Februari 2023 📍 Hotel Doubletree by Hilton, Johor Bahru, Johor

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh YBM dan YBTM serta Pengurusan Tertinggi Kementerian (KSU, TKSU (PPDN) dan TKSU (PPP)) termasuklah Pengarah Agensi, Pengarah Bahagian dan Pengarah KPDN Negeri.

Tujuan mesyuarat ini adalah untuk memurnikan cadangan program hala tuju KPDN dalam memantapkan ekonomi domestik serta menangani cabaran kos sara hidup bagi tahun 2023, selaras dengan perubahan nama Kementerian.



## III. RETREAT KEMENTERIAN

### Retreat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Tahun 2023

📅 8–10 Julai 2023 📍 Shangri-La Tanjung Aru, Kota Kinabalu Sabah

Sesi *retreat* ini telah dihadiri oleh YBM dan YBTM serta Pengurusan Tertinggi Kementerian (KSU, TKSU (PPDN) dan TKSU (PPP)) termasuklah Pengarah Agensi, Pengarah Bahagian dan Pengarah KPDN Negeri.

*Retreat* ini diadakan bagi meneliti cadangan-cadangan hala tuju baharu Kementerian yang bersifat unik dan luar kotak (*out of box*) dalam memastikan kelestarian program-program yang dirancang dapat mengimbangi kepentingan dan keperluan pihak pemain industri dan pihak pengguna selari dengan visi dan misi baharu Kementerian.



#### IV. DASAR KEMENTERIAN

##### Dasar-Dasar Kerajaan

Pendirian Kementerian Bagi Pelaksanaan Dasar-Dasar Kerajaan



**17**

Memorandum  
Jemaah Menteri



**58**

Nota Jemaah  
Menteri



**71**

Ulasan Kertas Jemaah Menteri  
Kementerian/Agensi Luar

#### V. DASAR AMALAN BAIK PERATURAN

##### Pelaksanaan Amalan Baik Peraturan

Pelaksanaan Amalan Baik Peraturan Melalui Regulatory Impact Assessment (RIA) sepanjang 2023

**5**

Annual  
Regulatory Plan  
(ARP)

**3**

Regulatory  
Notification (RN)

**3**

Regulatory  
Impact  
Statement (RIS)

**2**

RIA Selesai

**3**

Sesi Libat urus  
Bersama MPC

**6**

Sesi Libat Urus  
RC Kementerian  
Bersama  
Bahagian &  
Agensi



## VI. PROGRAM PENGENALAN AKTA-AKTA DI BAWAH KAWALSELIA KEMENTERIAN SIRI 1

### Mesyuarat Penerangan dan Perbincangan Penggunaan Akta-Akta di Bawah Kementerian Bil. 1 Tahun 2023

📅 12–14 Mac 2023 📍 Raia Hotel & Convention Centre

Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk memberi penerangan dan membincangkan aplikasi akta-akta di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi memastikan supaya tafsiran berkenaan pelaksanaan undang-undang, prosedur serta proses yang berkaitan adalah jelas dan dapat dilaksanakan dalam konteks yang sepatutnya.

Mesyuarat melibatkan penyertaan daripada TKSU, Ketua Sektor, Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri.

#### DATA/STATISTIK

Terdapat 28 akta di bawah seliaan kementerian/agensi secara keseluruhan. Daripada jumlah tersebut, 11 akta telah dibincangkan pada sesi 1 mesyuarat sepertimana berikut;

- i) Akta Kawalan Bekalan 1961
- ii) Akta Timbang & Sukat 1972
- iii) Akta Perihal Dagangan 2011
- iv) Akta Kawalan Harga & Antipencatutan 2011
- v) Akta Persaingan 2010
- vi) Akta Suruhanjaya Persaingan 2010
- vii) Akta Jualan Langsung & Skim Anti Piramid 1993
- viii) Akta Francais 1998
- ix) Akta Perdagangan Elektronik 2006
- x) Akta Cakera Optik 2000
- xi) Akta Perlindungan Penderma Makanan 2019



## VII. PROGRAM PENGENALAN AKTA-AKTA DI BAWAH KAWALSELIA KEMENTERIAN SIRI 2

### Mesyuarat Penerangan dan Perbincangan Penggunaan Akta-Akta di Bawah Kementerian Bil. 2 Tahun 2023

📅 23–25 September 2023 📍 Aloft Langkawi Pantai Tengah

Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk memberi penerangan dan membincangkan aplikasi akta-akta di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi memastikan supaya tafsiran berkenaan pelaksanaan undang-undang, prosedur serta proses yang berkaitan adalah jelas dan dapat dilaksanakan dalam konteks yang sepatutnya.

Mesyuarat melibatkan penyertaan daripada TKSU, Ketua Sektor, Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri.

#### DATA/STATISTIK

Terdapat 28 akta di bawah seliaan kementerian/agensi secara keseluruhan. Daripada jumlah tersebut, 17 akta telah dibincangkan pada sesi 2 mesyuarat sepertimana berikut;

- i) Akta Perlindungan Pengguna 1999
- ii) Akta Sewa Beli 1967
- iii) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001
- iv) Akta Syarikat 2016
- v) Akta Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005
- vi) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- vii) Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap 2012
- viii) Akta Syarikat Amanah 1949
- ix) Akta Skim Kepentingan 2016
- x) Akta (Larangan) Wang Simpanan Kutu 1971
- xi) Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002
- xii) Akta Cap Dagang 2019
- xiii) Akta Paten 1983
- xiv) Akta Hakcipta 1987
- xv) Akta Rekabentuk Perindustrian 1996
- xvi) Akta Petunjuk Geografi 2022
- xvii) Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000



## VIII. KURSUS PENYEDIAAN KERTAS JEMAAH MENTERI

### Kursus Penyediaan Kertas Jemaah Menteri Tahun 2023

📅 25–26 Oktober 2023 📍 Sama Sama Hotel KLIA

Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan, meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta memahami struktur dan tatacara penyediaan kertas Jemaah Menteri dikalangan pegawai bahagian/ agensi di Kementerian.

Mesyuarat melibatkan penyertaan daripada :

- i) 30 orang pegawai daripada bahagian/ agensi dari kalangan kumpulan pengurusan dan profesional; dan
- ii) tiga (3) orang penceramah daripada Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan (BKPP), Jabatan Perdana Menteri (JPM).



## IX. SEMAKAN PENCAPAIAN KEMENTERIAN

### Mesyuarat Semakan Pencapaian Pelan Hala Tuju (PHT), Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Penyediaan Pelan Tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Tahun 2023

📅 3–5 Ogos 2023 📍 Bertam Resort, Pulau Pinang

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh wakil-wakil bahagian dan agensi.

Tujuan mesyuarat ini adalah untuk membuat penyediaan pelaporan Pelan Hala Tuju dan Petunjuk Prestasi Utama sehingga suku tahun kedua tahun 2023. Pelaksanaan mesyuarat tersebut adalah menyemak laporan setengah tahun Pelan Hala Tuju 2023 dan menilai semula keberkesanan dan prestasi pelaksanaan dasar dan program sepanjang bulan Januari sehingga Jun 2023. Seterusnya, menyemak pencapaian dan memurnikan kamus KPI Tier 1,2,3 dan 4 bagi penggal setengah tahun serta mengunci masuk terus ke dalam sistem.





## VII. KUNJUNGAN HORMAT OLEH TYT ENCIK LOU WEN, MINISTER OF STATE ADMINISTRATION FOR MARKET REGULATION (SAMR), PR, CHINA KE ATAS YB MENTERI KPDN

### Kunjungan Hormat Oleh TYT Encik Lou Wen, Minister Of State Administration For Market Regulation (Samr), People's Republic, China Ke Atas YB Menteri KPDN

📅 21 September 2023 📍 Pejabat YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Putrajaya

YB Datuk Armizan Mohd Ali telah menerima kunjungan hormat oleh TYT Encik Lou Wen, Minister Of State Administration For Market Regulation (SAMR), People's Republic, China pada 21 September 2023 di pejabatnya.

Antara isu yang telah dibincangkan adalah mengenai cadangan kerjasama dalam tadbir urus pendaftaran perniagaan dan syarikat, penguatkuasaan harta intelek dan perkembangan industri jualan langsung. Pihak SAMR China telah menyatakan hasrat untuk mengadakan MoU dalam memastikan cadangan kerjasama di atas dapat dilaksanakan dengan saranan diadakan pada 2024 bersempena Ulangtahun Ke-50 Hubungan Diplomatik diantara Malaysia dan China.

Hadir sama ialah YBrs. Tuan Shamsul Nizam bin Khalil-Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Penguat Kuasa KPDN, YBhg. Datuk Nor Azimah binti Abd Aziz-Ketua Pegawai Eksekutif SSM, YBrs. Encik Kamal bin Kormin-Ketua Pengarah MyIPO, YBrs. Encik Teoh Phi Li, Timbalan Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Antarabangsa KPDN serta pegawai-pegawai dari KPDN dan SAMR China.



## Bahagian Audit Dalam

### MESYUARAT KERJA BAHAGIAN AUDIT DALAM, KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP TAHUN 2023

#### Mesyuarat Kerja Bahagian Audit Dalam Tahun 2023

Perbincangan dalaman bersama warga kerja Bahagian Audit Dalam dan memberi peluang kepada pegawai Audit berinteraksi sebagai satu pasukan dan menjalankan aktiviti berkumpulan bagi memastikan objektif mesyuarat kerja tercapai.



Sesi Ice-Breaking Bahagian Audit Dalam Mesyuarat Kerja Bahagian Audit Dalam

### PERSIDANGAN JURUAUDIT DALAM SEKTOR AWAM (PADSA 2023) TAHUN 2023

#### Persidangan Juruaudit Dalam Sektor Awam Anjuran Seksyen Koordinasi Audit Dalam dan Perakaunan, Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Perbendaharaan Malaysia, Putrajaya

Pembentangan Kertas Kerja Pengauditan, Panel-panel terdiri daripada agensi swasta dan Kerajaan mengupas isu-isu pengauditan selari dengan peredaran semasa. Para pegawai Audit dapat menimba ilmu dan bertukar pandangan tentang isu-isu pengauditan.



Persidangan Juruaudit Dalam Sektor Awam Hotel Bayview Beach, Pulau Pinang



## Unit Integriti

### SAMBUTAN HARI INTEGRITI DAN PERHIMPUNAN BULANAN BULAN NOVEMBER TAHUN 2023

‘MENGEMBALIKAN MARTABAT NEGARA MELALUI TERAS PEMBANGUNAN NILAI ETIKA DAN AKHLAK MASYARAKAT’.

Sambutan Hari Integriti Tahun 2023 bersempena Perhimpunan Bulanan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi bulan November 2023 bertempat di Dewan Serbaguna KPDN, Putrajaya.

Majlis dimulakan dengan ucapan dan amanat oleh YBhg. Tan Sri Azam Baki, Ketua Pengarah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan disusuli dengan ucapan perasmian oleh YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

“Integriti Citra Malaysia Madani” merupakan tema Sambutan Bulan Integriti Nasional 2023, sejajar dengan gagasan Malaysia MADANI yang memperihalkan kerangka ikhtiar bagi mengembalikan martabat negara melalui teras pembangunan nilai etika dan akhlak masyarakat.











## Agensi

**Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**  
**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**  
**Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO)**

# Suruhanjaya Syarikat Malaysia



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mula beroperasi pada 16 April 2002. SSM merupakan badan berkanun yang ditubuhkan hasil daripada penggabungan Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) dengan Pejabat Pendaftar Perniagaan (ROB) di Malaysia. Aktiviti utama SSM ialah memperbadankan syarikat dan mendaftarkan perniagaan serta perkongsian liabiliti terhad di samping membekalkan maklumat syarikat dan perniagaan kepada orang awam. Sebagai peneraju utama ke arah peningkatan tahap tadbir urus korporat, SSM juga melaksanakan fungsi mengawal selia melalui aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang komprehensif bagi memastikan perkembangan positif sektor korporat dan perniagaan domestik.

**Jumlah pendaftaran**  
dalam tempoh 1 Januari  
2023 sehingga 31  
Disember 2023



Perniagaan  
**321,816**

(Jumlah Keseluruhan  
9,124,174)



Perkongsian  
Liabiliti Terhad

**3,547**  
(Jumlah Keseluruhan  
37,460)



Syarikat  
**51,963**

(Jumlah Keseluruhan  
1,534,545)

## STATISTIK UTAMA SSM

Sebanyak **321,816** perniagaan yang merangkumi **291,362** perniagaan milikan tunggal dan **30,454** perniagaan perkongsian telah didaftarkan dalam tempoh 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023. Manakala sebanyak **3,547** perkongsian liabiliti terhad dan **51,963** syarikat yang merangkumi **35** syarikat asing telah diperbadankan dalam tempoh yang sama. Statistik ini menyumbang kepada jumlah keseluruhan sebanyak **9,124,174** perniagaan, **37,460** perkongsian liabiliti terhad dan **1,534,545** syarikat yang telah didaftarkan sehingga 31 Disember 2023.

## PENCAPAIAN UTAMA SSM TAHUN 2023

### PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM 2023

Persidangan Kebangsaan SSM kali ke-12 dengan tema '*Shared Responsibility in Strengthening AML/ CFT Compliance: Risks, Challenges and Collaborations*' telah diadakan pada 25 - 26 Julai 2023. Persidangan ini dianjurkan secara maya buat kali ketiga sejak mula diperkenalkan pada tahun 2011. Persidangan ini yang juga dikenali sebagai SSM National Conference 2023 (SSMNC 2023) telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Ahmad Sabki Yusof iaitu Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

SSMNC 2023 ini telah dihadiri oleh seramai 3,019 orang perwakilan yang terdiri daripada pihak berkepentingan daripada pelbagai latar belakang yang mewakili sektor awam dan swasta iaitu lembaga pengarah, setiausaha syarikat, ahli korporat, pengamal undang-undang, usahawan, ahli akademik dan pihak-pihak yang berkaitan.



Persidangan selama dua (2) hari ini melibatkan 47 penceramah, ahli panel dan moderator yang terdiri daripada pelbagai latar belakang serta industri seperti agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan undang-undang. SSMNC 2023 telah membincangkan isu utama berkenaan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan yang terdiri daripada 11 sesi plenari seperti berikut:

- (a) *Plenary 1 - Preventing Money Laundering and Terrorism Financing - Malaysia's Risk Map.*
- (b) *Plenary 2 - Shared Responsibility in Strengthening AML/ CFT Compliance. A Sharing Session by Law Enforcement Agencies (LEAs).*
- (c) *Plenary 3 - Board of Directors on Building an Effective Governance & Integrity Ecosystem.*
- (d) *Plenary 4 - Stepping Up the Game. Leveraging on Emerging Technology to Fight Corruption.*
- (e) *Plenary 5 - Be Scam Aware.*
- (f) *Plenary 6 - Prevention and Good Practice in NPO Sector Against Money Laundering & Terrorism Financing.*
- (g) *Plenary 7 - Role of Accountants in Curbing Money Laundering: Meeting the Expectations.*
- (h) *Plenary 8 - Company Secretaries as Gatekeeper in the AML/ CFT Ecosystem: Meeting the Expectations.*



**Statistik  
jumlah peserta  
Persidangan  
Kebangsaan  
SSM** dari tahun 2019  
hingga 2023





Gambar sepanjang Persidangan Kebangsaan SSM 2023 yang telah diadakan secara maya pada 25 dan 26 Julai 2023


- (i) *Plenary 9 - [Companies (Amendment) Bill 2023] Strengthening the Reporting Transparency on Beneficial Ownership in Malaysia.*
- (j) *Plenary 10 - [Companies (Amendment) Bill 2023] Enhancement to the Corporate Rehabilitation Framework.*
- (k) *Plenary 11 - SSM Talks.*

Persidangan ini juga memberikan peluang kepada perwakilan untuk melawat pameran secara maya (*virtual exhibition booth*). Sebanyak 16 pempamer telah menyertai dan memeriahkan pameran maya ini.

## PINDAAN AKTA SYARIKAT 2016

Usaha meminda Akta Syarikat 2016 telah dimulakan oleh SSM pada tahun 2020. Secara dasarnya, RUU Syarikat (Pindaan) mempunyai dua (2) objektif utama iaitu memperkukuh kerangka rehabilitasi korporat dan mempertingkatkan ketelusan dalam ekosistem sektor korporat di Malaysia.

RAJAH 1: OBJEKTIF PINDAAN AKTA SYARIKAT 2016





Sebagai salah satu inisiatif bagi membantu sektor korporat di Malaysia bukan sahaja untuk menangani kesan negatif pandemik COVID-19 tetapi juga untuk jangka panjang, RUU Syarikat (Pindaan) ini akan memperkukuhkan kerangka perundangan korporat yang sedia ada dengan menambahbaik peruntukan mekanisme penyelamat korporat dan rehabilitasi bagi syarikat yang menghadapi masalah kewangan.

Dari aspek ketelusan korporat, RUU Syarikat (Pindaan) ini bertujuan menambah baik kerangka pelaporan pemunyaan benefisial dengan mengambil kira perkembangan terkini di peringkat antarabangsa dalam memerangi aktiviti-aktiviti perubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai. Kedudukan Malaysia berhubung aktiviti-aktiviti tersebut akan dinilai oleh pelbagai badan antarabangsa seperti *Financial Action Task Force (FATF)*. Penilaian yang akan dijalankan oleh FATF ke atas Malaysia akan dimulakan seawal tahun 2024 di mana keberkesanan penguatkuasaan dan tindakan undang-undang berkaitan anti-pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dinilai.

### Proses Konsultasi dan Kelulusan Jemaah Menteri

Proses konsultasi peringkat pertama telah dijalankan melalui edaran draf Rang Undang-Undang kepada badan-badan kawalselia dan badan-badan profesional. Konsultasi pihak awam dan rundingan yang telah diadakan pada bulan Julai hingga Ogos 2020 dengan pemegang taruh yang terdiri daripada pelbagai pihak termasuk badan-badan profesional, pemain industri termasuk perbankan dan peliduidikasi, badan-badan kawal selia dan lain-lain agensi Kerajaan.


Seterusnya, hasil maklum balas konsultasi dengan pemegang-pemegang taruh telah diteliti dan dirumuskan sebagai dasar-dasar untuk penggubalan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) [RUU Syarikat (Pindaan)]. Dasar ini telah dibenteng dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 12 Julai 2023.

Lanjutan dari kelulusan dasar tersebut, pada 9 Ogos 2023 draf akhir RUU Syarikat (Pindaan) telah dibenteng dan diluluskan oleh Jemaah Menteri.

### Intipati Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2023

RUU Syarikat (Pindaan) 2023 mengandungi 31 fasal yang terdiri daripada 4 kluster polisi. Kluster polisi pertama bertujuan memperluaskan pemakaian mekanisme penyelamat korporat iaitu perkiraan sukarela korporat (CVA) dan pengurusan kehakiman (JM). Kluster polisi kedua adalah untuk memperkukuhkan kerangka rehabilitasi korporat melalui penambahbaikan peruntukan sedia ada yang berkaitan skim perkiraan atau kompromi dan penambahbaikan peruntukan-peruntukan berhubung CVA/ JM. Kluster polisi ketiga adalah untuk memperkukuh kerangka pelaporan pemunyaan benefisial dan kluster polisi keempat adalah bertujuan menambahbaik amalan dan tadbir urus korporat.

#### RAJAH 2 : PROSES KONSULTASI DAN PENGUBALAN RANG UNDANG-UNDANG (SYARIKAT) 2023



## RAJAH 3 : KLUSTER POLISI RANG UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 2023

**POLISI 1**

Memperluaskan pemakaian mekanisme penyelamat korporat [perkiraan sukarela korporat (CVA) dan pengurusan kehakiman (JM)]

**POLISI 2**

Memperkuh kerangka rehabilitasi korporat melalui:

- Penambahbaikan peruntukan yang berkaitan skim perkiraan atau kompromi; dan
- Penambahbaikan peruntukan berhubung CVA/JM

**POLISI 3**

Memperkuh kerangka pelaporan pemunyaan benefisial

**POLISI 4**

Menambah baik amalan dan tadbir urus korporat

## RAJAH 4 : SEKSYEN-SEKSYEN DI BAWAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2023

|                   |  |
|-------------------|--|
| <b>Seksyen 1</b>  | Tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa Akta   |
| <b>Seksyen 2</b>  | Pindaan takrif 'pemunya benefisial' dalam seksyen 2 Akta 777   |
| <b>Seksyen 3</b>  | Penggal 8A baharu yang memperihalkan pemunyaan benefisial sesuatu Syarikat   |
| <b>Seksyen 4</b>  | Pindaan seksyen 68 untuk menghendaki syarikat menyerah simpan kepada Pendaftar butir-butir pemunyaan benefisial syarikat itu dalam penyata tahunan |
| <b>Seksyen 5</b>  | Pindaan subseksyen 152(2) untuk menjadikan peruntukan itu selaras dengan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007                                  |
| <b>Seksyen 6</b>  | Memasukkan subseksyen baharu 258(1A) berkaitan kuasa Pendaftar untuk memberi lanjutan berhubung edaran penyata kewangan dan laporan yang berkaitan |
| <b>Seksyen 7</b>  | Memasukkan subseksyen 264(4A) dan (4B) berkaitan kebebasan juruaudit   |
| <b>Seksyen 8</b>  | Pindaan seksyen 365 berkaitan takrif 'syarikat berkaitan' dan 'syarikat subjek' berhubung dengan skim perkiraan atau kompromi                      |
| <b>Seksyen 9</b>  | Pindaan seksyen 366 berkaitan kelulusan skim perkiraan atau kompromi dan dan pengerusi mesyuarat   |
| <b>Seksyen 10</b> | Pindaan seksyen 367 berkaitan pelantikan pengamal insolvensi berhubung dengan skim perkiraan atau kompromi   |
| <b>Seksyen 11</b> | Pindaan subseksyen 368(1) dan (2) dan memasukkan subseksyen baharu 368(1A), (3A) berkaitan perintah halangan dan tempoh moratorium                 |
| <b>Seksyen 12</b> | Memperkenalkan seksyen baharu 368A, 368B, 368C dan 368D untuk memudahkan skim perkiraan atau kompromi bagi kumpulan syarikat                       |
| <b>Seksyen 13</b> | Memasukkan seksyen baharu 369A, 369B, 369C dan 369D berkaitan kuasa-kuasa mahkamah dan keperluan pemiutang mengemukakan bukti                      |
| <b>Seksyen 14</b> | Pindaan seksyen 395 dengan meluaskan pemakaian perkiraan sukarela korporat kepada semua Syarikat   |

|                   |  |
|-------------------|--|
| <b>Seksyen 15</b> | Memasukkan seksyen baharu 398A berkaitan kebenaran untuk pemiutang bercagar mendapatkan semula harta alih bercagar semasa tempoh moratorium                      |
| <b>Seksyen 16</b> | Pindaan perenggan 403(b) berkaitan pengurusan kehakiman  |
| <b>Seksyen 17</b> | Pindaan subseksyen baharu 406(1) dan (2) berkaitan pelanjutan tempoh untuk membayar hutang   |
| <b>Seksyen 18</b> | Memasukkan subseksyen baharu 411(5) untuk membenarkan pemiutang bercagar mendapatkan semula harta alih bercagar di bawah keadaan tertentu                        |
| <b>Seksyen 19</b> | Memasukkan seksyen baharu 415A untuk membenarkan syarikat di bawah pengurusan penghakiman mendapatkan pembiayaan penyelamat                                      |
| <b>Seksyen 20</b> | Memasukkan Penggal 9 baharu dan seksyen baharu 430A untuk menangani fasal berkaitan insolvensi di untuk mana-mana pembekalan barang dan perkhidmatan             |
| <b>Seksyen 21</b> | memasukkan subseksyen baharu 433(4D) dan (4E) untuk menghendaki penyelesaian yang diluluskan memaklumkan maklumat mereka kepada Pendaftar                        |
| <b>Seksyen 22</b> | Menjelaskan bahawa permulaan penggulungan ialah tarikh perintah penggulungan, selaras dengan subseksyen 467(2)   |
| <b>Seksyen 23</b> | Memasukkan perenggan baharu 562(1)(fa) untuk menghendaki syarikat asing memberikan maklumat pemunyaan benefisial kepada Pendaftar pada masa pendaftaran          |
| <b>Seksyen 24</b> | Memasukkan perenggan baharu 567(1)(fa) berkaitan serahsmpun oleh syarikat asing berkaitan apa-apa perubahan atau pindaan ke atas status syarikat asing tersebut  |
| <b>Seksyen 25</b> | Memasukkan seksyen baharu 573A untuk menjelaskan bahawa peruntukan yang berhubungan dengan pemunyaan benefisial juga terpakai kepada semua syarikat asing        |
| <b>Seksyen 26</b> | Memasukkan perenggan baharu 576(2)(ha) dan (hb) berkaitan serah simpan butir-butir pemunyaan benefisial syarikat asing kepada Pendaftar dalam penyata tahunannya |
| <b>Seksyen 27</b> | Pindaan seksyen 582 dalam teks bahasa kebangsaan bagi menggantikan perkataan 'akuan ketidaksolvenan' dengan perkataan 'pengisytiharan kesolvenan'                |
| <b>Seksyen 28</b> | Memasukkan seksyen baharu 612A berkaitan penggunaan laman sesawang SSM boleh untuk menyiarkan maklumat yang sebaliknya dikehendaki disiarkan dalam surat khabar  |
| <b>Seksyen 29</b> | Memasukkan perenggan 613(1)(aa) dan (ba) berkaitan kuasa Menteri untuk membuat peraturan   |
| <b>Seksyen 30</b> | Memasukkan Jadual Kesembilan A yang baharu yang menyenaraikan barang dan perkhidmatan yang perlu yang dinyatakan di bawah seksyen 430A Akta 777                  |
| <b>Seksyen 31</b> | Mengadakan peruntukan kecualian  |

### Pembentangan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2023 di Parlimen

RUU Syarikat (Pindaan) 2023 telah dibentang dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas. Bacaan kali pertama telah dibuat di Dewan Rakyat pada 12 Oktober 2023. RUU Syarikat (Pindaan) telah dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat selepas bacaan kedua dan bacaan ketiga pada 28 November 2023 tanpa sebarang pindaan. Seterusnya RUU Syarikat (Pindaan) tersebut telah dibentang dan diluluskan di Dewan Negara pada 13 Disember 2023 sebagai satu akta yang dinamakan Akta Syarikat (Pindaan) 2023. Akta Syarikat (Pindaan) 2023 dijangka akan dikuatkuasakan pada suku pertama tahun 2024.

Selain itu, SSM telah mengadakan sesi taklimat mengenai Rang Undang-Undang (RUU) Syarikat (Pindaan) 2023 kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat Kerajaan, bertempat di Parlimen pada 11 Oktober 2023. Sesi taklimat ini telah disampaikan oleh Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM. Turut hadir semasa sesi taklimat ini adalah YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri KPND, YB Senator Puan Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri KPND, YBhg. Dato' Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Setiausaha KPND dan Pengurusan Eksekutif SSM.

KPND melalui SSM juga telah mengadakan Sesi Penerangan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 di Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup Dan Pertanian, Parlimen Kelima Belas 2023 pada 24 Oktober 2023 yang dipengerusikan oleh YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah. Mesyuarat ini bertujuan memperincikan cadangan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 dan mendapatkan pandangan daripada Jawatankuasa Pilihan Khas. Sesi penerangan telah disampaikan oleh Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM. Turut hadir bersama adalah YB Senator Puan Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.



Sesi fotografi bersama Timbalan Menteri PDN selepas bacaan kali pertama Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 di Dewan Rakyat pada 10 Oktober 2023.



Sesi taklimat Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 kepada Ahli-Ahli Dewan Rakyat Kerajaan di Palimen pada 11 Oktober 2023.



Sesi taklimat Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 kepada Ahli-Ahli Dewan Rakyat Kerajaan di Palimen pada 11 Oktober 2023.



Sesi Penerangan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 di Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup Dan Pertanian, Parlimen Kelima Belas 2023 pada 24 Oktober 2023.



Sesi fotografi bersama Timbalan Menteri PDN selepas bacaan kali kedua dan ketiga Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 di Dewan Rakyat pada 28 November 2023.



Sesi fotografi bersama Timbalan Menteri PDN selepas pembentangan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) di Dewan Negara pada 13 Disember 2023.



## Inisiatif-Inisiatif SSM Dalam Membantu Ke Arah Pemulihan Ekonomi Negara Tahun 2023

Selari dengan aspirasi Kerajaan untuk meringankan beban komuniti korporat pasca pemulihan ekonomi negara, KPND melalui SSM telah memperkenalkan sembilan (9) inisiatif pada tahun 2023. Perincian inisiatif-inisiatif SSM untuk mengurangkan beban sektor korporat dan perniagaan pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

### INISIATIF SSM 2023 BAGI MERINGANKAN BEBAN KEWANGAN KOMUNITI KORPORAT

#### INISIATIF 1

Memberi PENGURANGAN KOMPAUN SEBANYAK 90% dari nilai asal kompaun ke atas syarikat yang berstatus "dissolved" di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Syarikat 2016

Jumlah syarikat yang telah menerima pengurangan kompaun 90% (11 Jan 2023 - 31 Dis 2023):

- Akta Syarikat 1965: 1,211
- Akta Syarikat 2016: 3,614

#### INISIATIF 2

Memberi PENGURANGAN KOMPAUN SEBANYAK 90% daripada nilai asal kompaun bagi kesalahan lazim yang telah patuh di bawah Akta Syarikat 2016

16,093 syarikat telah menerima pengurangan kompaun 90% (11 Jan 2023 - 31 Dis 2023)

#### INISIATIF 3

Meneruskan PENGURANGAN KOMPAUN SEBANYAK 90% daripada nilai asal kompaun bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965

5,724 syarikat telah menerima pengurangan kompaun 90% (11 Jan 2023 - 31 Dis 2023)

#### INISIATIF 4

Melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2023 dan diperluaskan penggunaan Kod QR SSM BizTrust kepada PLT berdaftar yang diperolehi secara automatik

Jumlah pendaftaran SSM BizTrust sehingga 31 Disember 2023: 1,038,901

#### INISIATIF 5

Meneruskan pelaksanaan Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) kepada:

- Usahawan Kumpulan B40: 15,845
- Pelajar IPT Sepenuh Masa: 27,862 (1 Jan - 31 Dis 2023)

#### INISIATIF 6

Meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S101P) yang memberikan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan PERCUMA kepada OKU (Terhad 1 perniagaan setiap OKU)

- Pendaftaran Perniagaan: 1,719
- Pembaharuan Perniagaan: 3,100

(1 Jan 2023 - 31 Dis 2023)

#### INISIATIF 7

Meneruskan cadangan pindaan bagi menambahbaik peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 berkaitan mekanisme penyelamat korporat dan skim kompromi atau perkiraan

Pada 28 November 2023, RUU Syarikat (Pindaan) 2023 telah dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat. Seterusnya, RUU Syarikat (Pindaan) 2023 telah dibentang untuk Bacaan Kedua dan Ketiga di Dewan Negara pada 31 Disember 2023 dan diluluskan pada tarikh yang sama.

#### INISIATIF 8

Meneruskan cadangan untuk memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkaitan mekanisme penyelamat korporat di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

MJM PLT telah diedarkan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC), Kementerian Kewangan (MOF), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk mendapatkan maklum balas.

Pihak AGC telah memberikan maklum balas pada 12 Disember 2023, manakala pihak MOF dan BHEUU pula telah memberikan maklum balas pada 18 Disember 2023 dan 19 Disember 2023. Setakat 31 Disember 2023, maklum balas dari KDN masih belum diterima

#### INISIATIF 9

Memberi Pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal bagi kesalahan di bawah seksyen 68 (2) dan seksyen 68(3) Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

(Inisiatif ini bermula pada 3 Julai 2023)

1,698 PLT telah menerima pengurangan kompaun 90% (3 Jul 2023 - 31 Dis 2023)

# Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)



Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada 1 April 2011 sebagai badan pengawalseliaan yang ditugaskan untuk melindungi proses persaingan bagi menjaga kepentingan perniagaan, pengguna dan ekonomi negara. Persaingan memainkan peranan penting untuk meningkatkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan yang seterusnya mendorong kepada penentuan harga yang kompetitif, meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan serta mewujudkan lebih banyak pilihan untuk pengguna. Sejak ditubuhkan, MyCC sentiasa meningkatkan usaha dengan gigih dalam melaksanakan misinya untuk menjadi antara pihak berkuasa yang terunggul di Malaysia. MyCC telah berjaya meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan perusahaan dan masyarakat awam mengenai kepentingan mematuhi undang-undang yang termaktub dalam Akta Persaingan 2010 (Akta 712). MyCC juga telah membentuk budaya persaingan yang sihat di Malaysia melalui kerja-kerja penyiasatan dan penguatkuasaan serta advokasi. Sehingga kini, MyCC kekal sebagai sebuah badan pengawalseliaan penting Kerajaan dalam hal-hal yang berkaitan dengan persaingan.

## PENCAPAIAN UTAMA TAHUN 2023

### A. PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

#### Keputusan Cadangan dan Keputusan Akhir bagi Kes Pelanggaran Akta Persaingan 2010

##### Latar Belakang

Akta Persaingan 2010 memberi kuasa kepada MyCC untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap syarikat yang terlibat di dalam amalan anti-persaingan.



MyCC berkuasa untuk menyiasat mana-mana pihak termasuk pembekal, penjual dan pelanggan yang disyaki terlibat dengan amalan anti-persaingan atau penyalahgunaan kedudukan dominan atau monopoli.

Penyiasatan boleh dilakukan oleh MyCC dalam mana-mana situasi yang berikut:

- i. sekiranya mendapat arahan Menteri;
- ii. apabila terdapat pihak yang disyaki terlibat dalam aktiviti yang membabitkan pelanggaran undang-undang dalam Akta Persaingan 2010; atau
- iii. sekiranya terdapat aduan daripada orang awam.

Berdasarkan Akta Persaingan 2010, selepas selesai sesuatu penyiasatan, MyCC perlu mengeluarkan Keputusan Cadangan kepada perusahaan yang disyaki melanggar larangan di bawah Bahagian II Seksyen 4 (perjanjian antipersaingan) atau Seksyen 10 (penyalahgunaan kedudukan dominan).

Susulan daripada Keputusan Cadangan tersebut, sekiranya MyCC mendapati bahawa telah berlakunya pelanggaran di bawah Bahagian II, maka MyCC harus mengemukakan Keputusan Akhir berkenaan dengan pelanggaran tersebut kepada pihak yang terlibat dalam pelanggaran tersebut.

### Pencapaian Program

Terdapat satu (1) Keputusan Akhir yang telah dikeluarkan oleh MyCC pada tahun 2023 iaitu:

- i. **Keputusan Akhir di bawah Seksyen 40 Akta Persaingan 2010 - Pelanggaran Seksyen 4(1) dibaca bersama Seksyen 4(2)(a) dan Seksyen 4(3) Akta Persaingan 2010 oleh Lima (5) Perusahaan Pengisar Makanan Ayam.**

MyCC telah mengenakan penalti kewangan berjumlah RM415,495,696.49 terhadap 5 perusahaan kerana melanggar seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) melalui pembentukan kartel penetapan harga makanan ayam:

- i. Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn. Bhd. (Leong Hup);
  - ii. FFM Berhad (FFM);
  - iii. Gold Coin Feedmills (Malaysia) Sdn. Bhd. (Gold Coin);
  - iv. Dindings Poultry Development Centre Sdn. Bhd. (Dindings); dan
  - v. PK Agro-Industrial Products (M) Sdn. Bhd. (PK Agro).
- (yang di atas selepas ini akan dirujuk sebagai “perusahaan-perusahaan”)

Bermula pada November 2021 hingga Jun 2022, satu penyiasatan menyeluruh telah dimulakan di bawah Seksyen 14(1) Akta 712, di mana MyCC mengesyaki bahawa perusahaan-perusahaan ini terlibat di dalam perjanjian penetapan harga dan/atau amalan bersama berkenaan dengan jumlah harga makanan ayam di Malaysia. Pada 1 Februari 2022, MyCC telah membentuk satu pasukan khas untuk menyiasat isu berkaitan persaingan dalam industri ayam dan telur.



## Objektif

**Tujuan Keputusan Cadangan dan Keputusan Akhir dikeluarkan oleh MyCC adalah untuk memaklumkan keputusan berdasarkan hasil penyiasatan MyCC kepada pihak yang disyaki atau didapati terlibat dalam pelanggaran di bawah Bahagian II Akta Persaingan 2010**



Berikutan itu, dari Julai hingga Oktober 2022, MyCC telah mengeluarkan Keputusan Cadangan, Keputusan Cadangan yang Dipinda dan Keputusan Cadangan Tambahan. Dari Disember 2022 hingga Januari 2023, perusahaan-perusahaan ini telah mengemukakan representasi bertulis, dengan MyCC memberi mereka tempoh lanjutan untuk tarikh pengemukaan. Seterusnya, dari Mei hingga Julai 2023, perusahaan-perusahaan ini diberi peluang untuk membentangkan hujah mereka kepada MyCC melalui representasi lisan.

Hasilsiasatan MyCC telah mendedahkan bahawa terdapat maklumat perniagaan sensitif dikongsi antara perusahaan-perusahaan tersebut yang dilihat berpotensi untuk mengganggu persaingan dalam pasaran. Penetapan harga pada nilai yang sama telah menyebabkan kenaikan harga di kalangan perusahaan, pilihan pembeli menjadi terhad dalam memilih pembekal makanan ayam yang menawarkan harga terbaik. Kesannya, perlakuan perusahaan-perusahaan tersebut berpotensi menghasilkan sebuah landskap antipersaingan dalam rantaian bekalan industri ayam sekiranya tidak dibendung.

Selain daripada penalti kewangan ini, MyCC juga telah mengeluarkan arahan yang perlu dipatuhi oleh perusahaan-perusahaan seperti berikut:

- i. Perintah Berhenti dan Hentikan (*cease and desist*) - perusahaan-perusahaan perlu menghentikan penyertaan daripada terlibat dalam kartel makanan ayam;
- ii. Laporan Harga Makanan Ayam - perusahaan-perusahaan perlu mengemukakan laporan mengenai peningkatan dan penurunan harga makanan ayam;
- iii. Kaji dan Perkukuhkan Program Latihan Pematuhan - FFM, Gold Coin, dan Dindings perlu meningkatkan tahap program latihan pematuhan undang-undang persaingan mereka dan mendaftarkan pekerja dan ahli lembaga mereka;
- iv. Pelaksanaan Program Pematuhan - PK Agro dan Leong Hup perlu mendaftarkan pekerja-pekerja dan ahli lembaga mereka dalam program pematuhan undang-undang persaingan; dan
- v. Pengiktirafan Pelanggaran Undang-undang Persaingan sebagai Salah Laku - perusahaan-perusahaan perlu memasukkan peruntukan dalam Kod Tingkah Laku yang mengakui bahawa keterlibatan di dalam pelanggaran Undang-undang Persaingan sebagai salah laku.

MyCC juga telah mengeluarkan satu (1) keputusan cadangan pada tahun 2023 iaitu:

**ii. Keputusan Cadangan di bawah Seksyen 36 Akta Persaingan 2010 – Pelanggaran Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) oleh Tujuh (7) Perusahaan.**

MyCC telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap 7 perusahaan yang terlibat aktiviti tipuan bida melibatkan empat (4) tender untuk pembekalan barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia yang dianggarkan berjumlah RM20.8 juta.

Berdasarkan siasatan, MyCC telah mendapati bahawa perusahaan-perusahaan tersebut telah berpakat semasa mengemukakan tawaran untuk tender-tender yang berkenaan dan siasatan juga mendedahkan bahawa mereka telah berkongsi maklumat antara satu sama lain, menyediakan bersama dalam mengemukakan tawaran tender dan menawarkan perjanjian sub-kontrak sebagai ganjaran.



## B. MAJLIS HARI TERBUKA MyCC DAN MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT).

### Latar Belakang

Pada 31 Oktober 2023, MyCC telah menganjurkan Majlis Hari Terbuka MyCC 2023, bertempat di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), Universiti Putra Malaysia (UPM). Majlis Hari Terbuka MyCC 2023 ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Lebih 500 orang pelajar, pensyarah, pemegang taruh serta orang awam menghadiri majlis ini yang bertujuan untuk mempromosikan Akta Persaingan 2010 dan mengenali MyCC dengan lebih dekat.

Bersempena dengan penganjuran majlis ini, pihak MyCC juga telah menganjurkan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara MyCC dan tiga (3) buah universiti awam iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). MoU ini telah ditandatangani oleh YBhg. Dato' Seri Hishamudin Yunus, Pengerusi MyCC, YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani, Naib Canselor USIM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam, Naib Canselor UniSZA, dan YBhg. Prof. Ir. Dr. Siti Noor Linda binti Taib, Timbalan Naib Canselor UNIMAS. YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri KPDN, YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN dan Encik Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, turut menyaksikan majlis menandatangani MoU-MoU tersebut.

### Objektif

Pemeteraian MoU ini membina satu platform kepada pelajar dari ketiga-tiga institusi pengajian tinggi ini untuk mengenali fungsi MyCC dengan lebih mendalam melalui penerapan modul undang-undang persaingan sekaligus dapat melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang persaingan di Malaysia.

Di samping itu, MyCC juga telah melaksanakan aktiviti sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kepada sembilan (9) universiti awam yang merupakan rakan kerjasama strategiknya yang terdiri daripada Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), USIM, UniSZA dan UNIMAS. CSR ini merupakan salah satu inisiatif MyCC dalam membantu pelajar-pelajar IPT yang kurang berkemampuan (B40) untuk lebih fokus, proaktif dan cemerlang dalam segala aspek.

Selain itu, MyCC dengan kerjasama KPDN telah menganjurkan Program Jualan RAHMAH sempena majlis tersebut memberi peluang kepada pelajar dan orang ramai untuk mendapatkan barangan keperluan pada harga berpatutan.



## Pencapaian Program

Pelbagai aktiviti menarik khusus buat pelajar telah diadakan seperti penyampaian hadiah bagi MyCC *Best Student Award*, Cabaran TikTok dan *Cheers MyCC*, Ceramah Kerjaya oleh MyCC, Bicara Kesihatan Mental oleh Puan Anita Abu Bakar, Pengasas dan Presiden *Mental Illness Awareness & Support Association (MIASA)*, Klinik Penampilan Diri oleh Ranukka Singham, Klinik Temuduga dan *Resume* oleh MYFutureJobs, Sembang Santai: Gaya Hidup Sihat oleh Adza Tuty, Bicara Kewangan Bersama Financial Faiz, Cara Menyunting Video TikTok oleh Zimam Ariefi dan pembukaan reruai daripada pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan.



### C. MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DI ANTARA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (MCMC) DAN SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) & FORUM ON “FORTIFYING INDUSTRIAL POLICIES THROUGH COMPETITION”

#### Latar Belakang

Pada 3 Ogos 2023, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang menandakan satu langkah penting ke arah mengukuhkan lagi hubungan kerjasama antara kedua-dua badan kawal selia di Auditorium Azman Hashim, Bangunan AICB, Kuala Lumpur.

MoU ini telah ditandatangani oleh Pengerusi MyCC, YBhg. Dato' Seri Mohd Hishamudin bin Yunus dan Ketua Pegawai Operasi MCMC, YBhg. Dato' Mohd Ali Hanafiah bin Mohd Yunus. Majlis tersebut disaksikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Pengerusi MCMC, Tan Sri Mohamad Salim bin Fateh Din dan Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Encik Iskandar bin Ismail.

#### Objektif

MyCC dan MCMC telah secara konsisten bekerjasama untuk memastikan persaingan dalam pasaran bagi melindungi kebajikan pengguna. Kerjasama paling signifikan adalah tindakan penguatkuasaan bersama MyCC dan MCMC dalam menangani pengaturan eksklusif antara penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan pemaju hartanah atau badan pengurusan bersama di bangunan kediaman bertingkat berikutan aduan yang diterima daripada orang awam. Satu lagi bidang kerjasama adalah dalam menangani isu persaingan yang berkaitan dengan platform e-dagang dan penyedia perkhidmatan kurier.

Majlis menandatangani MoU ini merintis jalan bagi kerjasama berstruktur di antara MyCC dan MCMC. Ini termasuk memperkukuhkan kerjasama, aktiviti advokasi, pembangunan kapasiti, serta kerjasama dalam penyiasatan dan tindakan penguatkuasaan bersama. Selain itu, kedua-dua pihak juga saling membantu antara satu sama lain dalam fungsi masing-masing yang akhirnya memberi manfaat kepada kedua-dua badan pengawal selia.

Manakala forum *Fortifying Industrial Policies Through Competition* membincangkan kelebihan-kelebihan dasar dan undang-undang berkaitan industri dan persaingan serta bagaimana dasar dan undang-undang ini dapat diseimbangkan bagi memacu ekonomi negara ke arah yang lebih baik. Forum ini diteruskan dengan sesi ulasan dimana panel-panel jemputan mengutarakan pendapat, komen dan akhirnya menyimpulkan forum tersebut. Selain itu, MyCC dan MCMC menjemput panel-panel yang mahir dalam dasar dan undang-undang persaingan serta industri seperti berikut:

#### Sesi 1:

#### *Deliberation of the Benefits of Industrial and Competition Policies and Laws*

##### Panel:

- **YBrs. Prof. Madya Dr. Haniff Ahamat**, Associate Professor, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- **YBrs.Tn. Muhammad Ridhuan Bos Abdullah**, Pensyarah, Universiti Utara Malaysia

#### Sesi 2:

#### *Commentary Panel on “Fortifying Industrial Policies Through Competition*

##### Moderator:

- **YBrs. En. Nordin Abdullah**, Pengarah Urusan, Glenreagh Sdn Bhd

##### Panel:

- **YBrs. En. Iskandar Ismail**, Ketua Pegawai Eksekutif, MyCC
- **YBrs. En. Zulkarnain Mohd Yasin**, Ketua Pegawai Kawalselia, MCMC
- **YBrs. En. Andre Gan**, Rakan Kongsi, Wong & Partners

### Pencapaian Program

Program ini dihadiri oleh lebih daripada 200 orang peserta yang terdiri daripada Anggota-Anggota Suruhanjaya, pegawai-pegawai MyCC dan MCMC, pegawai-pegawai Kerajaan, pengamal undang-undang, perusahaan dan entiti perniagaan, ahli akademik, pelajar universiti dan pengamal-pengamal media tempatan. MoU bersama MCMC ini ditandatangani oleh YBhg. Dato’ Seri Hishamudin Yunus, Pengerusi MyCC bersama YBhg. Tan Sri Mohamad Salim bin Fateh Din, Pengerusi MCMC dan disaksikan oleh YB Senator Puan Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).



# Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)



## Dana IP 2.0



Jumlah Dana  
ditawarkan

**RM2 juta**



Permohonan  
dibuka pada **13  
Januari 2023**

hingga **30 Oktober 2023**

**Pecahan permohonan  
mengikut komponen**



Paten  
**166**



Cap  
Dagangan\*\* **1,251**



Reka Bentuk  
Perindustrian **97**



Hak  
Cipta **439**



Petunjuk  
Geografi **5**

**Jumlah \*1,958**

## PENCAPAIAN UTAMA MyIPO TAHUN 2023

### MAJLIS PELANCARAN DANA PEMFAILAN HARTA INTELEK 2.0 (DANA IP 2.0)

Tetamu Kehormat **YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub**, Mantan Menteri PDN

📅 26 Januari 2023 📍 Dewan Serbaguna KPND

Membantu pemilik harta intelek khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melindungi harta intelek melalui pendaftaran di MyIPO.





### BANTUAN IP2U RAHMAH

Tetamu Kehormat **YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub**, Mantan Menteri PDN

📅 22 Jun 2023 📍 Dewan Serbaguna KPDN

Memberi fokus bagi membantu golongan B40 untuk membiayai perniagaan mereka. Program ini juga melibatkan Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) untuk mengenalpasti golongan yang layak untuk menerima bantuan



### BANTUAN IP2U RAHMAH

Pemilihan asnaf oleh Bahagian Pembangunan Asnaf, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)



Sumbangan sebanyak

**RM30,000.00**

Diagihkan kepada sepuluh (10) usahawan asnaf sebanyak **RM3,000.00 seorang**.

### PELANCARAN APLIKASI IP2U MOBILE

Tetamu Kehormat **YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub**, Mantan Menteri PDN

📅 22 Jun 2023 📍 Dewan Serbaguna KPDN

Memudahkan pemilik harta intelek dan orang ramai mengakses maklumat berkaitan harta intelek



### Aplikasi IP2U Mobile

Dihubungkan terus dengan Sistem Pengurusan Harta Intelek (SPHI) serta boleh diakses dengan lebih pantas menerusi peranti pintar.

Pengguna boleh membuat semakan status pemfailan, melakukan carian dan menerima notifikasi mengenai tempoh tamat pendaftaran dengan lebih mudah dan cepat.







**Dalam Kenangan Allahyarham  
YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub,  
(Mantan Menteri PDN)**





“ Kos sara hidup merupakan agenda **“whole nation approach”** yang meliputi isu pendapatan, isu harga dan bekalan, tempoh kawalan harga, kaedah dan penyaluran subsidi, pengeksportan dan kos pengeluaran yang perlu dilihat secara *transcendent*. Justeru, KPND tidak akan bertindak solo tetapi akan bekerjasama secara sinergi dengan kementerian yang terbabit ”

**Allahyarham YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub**  
Mantan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan  
Kos Sara hidup

































 **KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP**  
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.


 1-800-886-800

 [www.kpdn.gov.my](http://www.kpdn.gov.my)


 [eaduan.kpdn.gov.my](mailto:eaduan.kpdn.gov.my)

 019-848 8000

 KPDN Laman Rasmi

 #kpdnhep

 @KPDN\_HQ

 @KPDN



**APLIKASI EZ ADU KPDN**

